

Jilid II  
Bil. 19

Hari Rabu  
23hb Disember, 1992



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGAN**

**MENGANGKAT SUMPAH:**

**Y.B. Tuan Haji Dol bin Dolah [Ruangan 3251]**

**Y.B. Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah [Ruangan 3251]**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

**Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 3251]**

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat [Ruangan 3251]**

**URUSAN MESYUARAT [Ruangan 3253]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 3253]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1993 [Ruangan 3320]**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
1997

MALAYSIA

## PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' HAJI ANNUAR BIN MUSA, S.I.M.P. (Dilantik).
- „ Tuan Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ADAM BIN KADIR (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DR. SAK CHENG LUM (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN MOHAMED (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF, P.I.S., B.S.I., P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N., P.J.K., J.C. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL, A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ DATUK DR. HAJI AZMAN ATAR BIN OTHMAN, K.M.N., D.M.S.M., P.J.K., P.B.M. (Dilantik).
- „ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).
- „ TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH CHE POR A BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- „ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).

- Yang Berhormat TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).
- „ TUAN DING SELING (Dilantik).
- „ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).
- „ TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).
- „ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- „ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN HO CHENG WANG (Perak).
- „ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- „ DATO' DR MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, A.M.P., B.K.T. (Dilantik).
- „ JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH, M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P., D.H.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- „ TUAN MUNISAMY A/L KUPPAN, A.M.N., A.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN NEO TUAN CHENG, P.P.N. (Johor).
- „ DATUK NG PENG HAY, D.M.S.M., P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- „ Puan Hajah Rahmah binti Salleh (Terengganu).
- „ PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ PUAN HAJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).

- Yang Berhormat Puan Sri Sarasa a/p Velu, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN HAJI SHUIB BIN SHAWAL, A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ Dato' Soong Siew Hoong, K.M.N., S.M.S., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).
- „ DATUK TAN GIM HUA, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' TAN TIEW BOCK, D.P.M.P., A.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Dilantik).
- „ TUAN K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).
- „ PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Tajjadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

**Rabu, 23hb Disember, 1992**


---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Haji Dol bin Dollah.  
Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah.

**PENGUMUMAN TUAN YANG  
DI-PERTUA MENGALU-  
ALUKAN AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dipilih semula itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**PERUTUSAN DARIPADA  
DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima

satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

**PERUTUSAN DARIPADA  
DEWAN RAKYAT KEPADA  
DEWAN NEGARA**

22hb Disember, 1992.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (1) Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang.
- (2) Rang Undang-undang Kewangan (No.2)
- (3) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan)

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN  
RAKYAT."**

## URUSAN MESYUARAT

**Menteri Belia dan Sukan (Datuk Haji Annuar Musa):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu tadi dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini, iaitu:

- (1) Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang;
- (2) Rang Undang-undang Kewangan (No.2);
- (3) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan).

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### VIDEO LUCAH D.P. VIJANDRAN—TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP AHLI DEWAN RAKYAT KAWASAN JELUTONG

**1. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat kawasan Jelutong kerana memiliki video lucah D.P. Vijandran yang diberinya kepada Majlis Dewan Rakyat pada 20hb Julai, 1992.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, keputusan sama ada tindakan undang-undang akan diambil terhadap Yang Berhormat dari Jelutong kerana memiliki video lucah D.P. Vijandran belum diputuskan dan ianya masih di dalam peringkat kajian.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, adakah Yang Berhormat dari Jelutong itu memikirkan dia seorang peguam (lawyer), maka kalau dia bawa video lucah itu kalau didapati oleh pihak Polis maka dia boleh memberi alasan-alasan supaya dia terlepas daripada tuduhan jenayah. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, adakah dia memikirkan begitu ataupun sama ada Polis tahu atau tidak video lucah itu ada di tangan dia, kemudian untuk menunggu masa sahaja menyerahkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam sistem perundangan negara kita, tidak ada sesiapa pun boleh dikecualikan daripada sekatan undang-undang, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parlimen, tak kira Dewan Rakyat atau Dewan Senate. Apa yang penting ialah untuk memudahkan penguatkuasaan undang-undang ini, kita kena kaji semua aspek dan juga kita kena ada bukti yang cukup untuk mendakwa sesiapa di mahkamah. Daripada sudut atau segi itulah pihak Polis kena kaji dengan teliti. Kita tidak ambilkira apa dalam fikiran Yang Berhormat dari Jelutong ataupun daripada mana-mana pihak.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yang Berhormat menjawab menunggu bukti yang cukup, pada saya sudah cukup bukti. Dia sendiri yang menyerahkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat, itu adalah bukti dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh menjadi saksi. Jadi, kalau jawapan mengatakan menunggu bukti, saya rasa, saya tak boleh terimalah. Jadi, saya minta Setiausaha Parlimen memberi jawapan adakah itu merupakan satu bukti yang masih kita

tunggu untuk mencari bukti-bukti yang lain menguatkan kes itu ataupun menganggap bahawa itu bukan bukti?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sayarasa Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Azman Atar salah faham apa yang saya jawab tadi. Saya sudah buat satu kenyataan umum, iaitu dalam pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang, pihak Polis perlu memastikan segala bukti yang akan diperolehi itu akan benar-benar boleh kita dakwa seseorang itu di mahkamah. Itu tidak bermakna Yang Berhormat dari Jelutong itu kita tunggu bukti, saya tak kata tunggu bukti, tetapi saya kata, kita kena timbang dari semua segi apakah yang paling penting, paling utama dari segi keselamatan. Jadi, faktor-faktor itu kita kena ambilkira.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun bukti ada dan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini hendak didakwa, saya ingin bertanya adakah individu yang membuat laporan Polis mengadu bahawa Ahli Parlimen dari Jelutong ini ada memegang video lucah?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada individu yang lain telah buat laporan Polis, akan tetapi Polis telahpun menjalankan siasatan terhadap pita video lucah Vijandran itu. Dan itu adalah satu perkara yang lain sedikit, sebab soalan itu timbul tentang Yang Berhormat dari Jelutong. Siasatan yang dijalankan oleh Polis itu adalah terhadap video lucah D.P. Vijandran dan itupun sudah sampai ke satu peringkat akhir dan tunggu pandangan dan keputusan daripada Jabatan Pendakwa Raya.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi, kalau tidak ada orang

buat pengaduan atau laporan Polis, maknanya tak bolehlah dakwa Karpal Singh. Tidak berbangkitlah soal hendak dakwa oleh pihak Polis?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan soalan, tetapi pandangan sahaja.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Soalan saya bermakna, apakah Kementerian tidak boleh ambil tindakan, sebab dia ada laporan?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menjawab pada asalnya, jawapan itu adalah secara umum, iaitu dalam peringkat kajian. Peringkat kajian kita kena ambilkira banyak faktor. Walaupun pita video ini telah diserahkan kepada Polis daripada Dewan Rakyat, kita kena pastikan apa yang patut diutamakan, sama ada video lucah itu ataupun siapa yang buat video lucah itu ataupun siapa yang serah dan serah untuk tujuan apa, motif apa? Semua itu kita kena kaji. Itulah maksud saya 'dalam peringkat kajian'; yang mana akan diutamakan, kita kena ambil tindakan.

**Datuk Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri sedar ataupun adakah benar bahawa video lucah yang dirakamkan oleh D.P. Vijandran telah disiarkan dalam pasaran video ataupun dapat diperolehi dalam pasaran?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dengar banyak ceritalah (*Ketawa*), tetapi sama ada video itu benar-benar video yang disebutkan, saya tak dapat pasti. Tetapi undang-undang yang sedia ada, kita tidak benarkan sesiapa pun untuk mengedar atau menonton atau menyewa ataupun menyimpan pita video lucah, tak kira dari Vijandran atau dari siapa-siapa orang yang lain.

**PELAJAR TINGKATAN IV  
SEKOLAH KERAJAAN—  
MASALAH PENEMPATAN**

**2. Tuan V.K. Sellappan** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah kesulitan dihadapi oleh Kementerian untuk menempatkan semua pelajar-pelajar dalam Tingkatan IV di sekolah-sekolah Kerajaan;
- (b) berapakah bilangan pelajar diberi tempat dan tidak diberi tempat dalam Tingkatan IV di sekolah-sekolah Kerajaan; dan
- (c) berapakah bilangan pelajar-pelajar diberi tempat dalam Tingkatan IV di sekolah-sekolah swasta. Apakah kemudahan atau bantuan diberi kepada mereka oleh Kerajaan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Memang terdapat sedikit-sebanyak masalah yang dihadapi oleh Kementerian Pendidikan untuk menempatkan semua pelajar di Tingkatan IV. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan telahpun mengagihkan pelajar-pelajar ke sekolah-sekolah yang masih mempunyai ruang dan menempatkan pelajar-pelajar tingkatan rendah ke sesi petang. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga sedang berusaha membina bilik-bilik darjah tambahan dan sekolah menengah baru.
- (b) Dengan kelonggaran syarat kemasukan pada tahun ini. Seramai 276,200 orang pelajar diberi peluang belajar di Tingkatan IV tahun 1992/93 berbanding dengan 185,436 orang pelajar pada sesi 1991/92.

- (c) Pada ketika ini Kementerian Pendidikan belum mempunyai maklumat berkaitan bilangan pelajar yang menyambung pelajaran mereka di Tingkatan IV di sekolah menengah swasta. Adalah tidak menjadi dasar Kementerian Pendidikan untuk memberi bantuan kewangan kepada mana-mana sekolah menengah swasta.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Pendidikan apakah kekurangan tempat dalam Tingkatan IV ini ialah kerana kurang keyakinan Kementerian bahawa penuntut boleh lulus SRP begitu ramai?

**Dr Fong Chang Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang bukan. Kita pada dasarnya ingin menggalakkan seramai yang boleh memasuki ke Tingkatan IV, tetapi atas sebab-sebab tertentu khususnya di bandar-bandar besar di mana Kementerian Pendidikan menghadapi masalah berkaitan dengan tapak baru untuk sekolah menengah dan juga sekolah-sekolah yang sedang ada menghadapi masalah tempat untuk membina bilik darjah baru dan sebagainya. Jadi, di wilayah-wilayah tertentu, khususnya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Penang, Johor Bahru dan sebagainya, kita ada satu keadaan di mana ada sekolah-sekolah tertentu yang memang tidak cukup tempat untuk semua pelajar-pelajar. Namun demikian, memang terdapat satu keadaan di mana ada banyak sekolah yang lain, khususnya sekolah-sekolah menengah di bandar-bandar kecil dan juga di luar bandar yang masih mempunyai ruang dan tempat yang mencukupi. Jadi, dasar Kementerian Pendidikan ialah mengagihkan pelajar-pelajar yang memasuki Tingkatan IV ke semua sekolah yang masih ada ruang.

### WANITA PROFESIONAL— JUMLAH

**3. Puan Hajah Rahiah Baهران** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan jumlah wanita yang bekerja sebagai 'professionals' dan perbandingan dengan jumlah penduduk wanita juga jumlah pekerja wanita di kilang-kilang dan perbandingan dengan jumlah penduduk wanita. Adakah Bahagian Hal Ehwal Wanita bercadang untuk merancang sesuatu bagi membangunkan wanita-wanita di kilang-kilang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1990 jumlah penduduk wanita di Malaysia ialah 8,705,858 orang atau 49.6% daripada jumlah penduduk Malaysia sebanyak 17,566,982 orang.

Jumlah wanita yang bekerja ialah 2,283,800; daripada jumlah ini seramai 214,700 wanita atau 9.4% bekerja dalam bidang profesional, teknikal dan kerja-kerja berkaitan. Dan seramai 509,300 wanita atau 22.3% bekerja sebagai pekerja pengeluaran dan yang berkaitan.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengambil perhatian berat ke atas kebajikan wanita yang bekerja di kilang-kilang. Di samping meneruskan usaha-usaha mengadakan kaunseling dan bimbingan untuk membantu mereka menyelesaikan masalah-masalah persekitaran, Kementerian juga menjalankan kajian bagi mengenalpasti keperluan-keperluan pekerja kilang, khususnya dari segi kesihatan, keselamatan, masalah tempat tinggal keperluan latihan, dan kemudahan-kemudahan sokongan. Ini akan memudahkan Kementerian mengadakan program-program yang spesifik atau memberi bantuan di mana berkaitan.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mempunyai perancangan induk dan membentuk kaum wanita di pelbagai bidang ke arah kemajuan dan pembangunan di negara ini?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang membangun dengan pesatnya dan pihak HAWA memperbanyakkan aktiviti khususnya di segi latihan untuk wanita di dalam berbagai bidang pekerjaan. Sebagai satu contoh kita menggalakkan wanita melibatkan diri dalam pekerjaan, dan kita juga telah mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri atau agensi-agensi Kerajaan supaya kita mengadakan Pusat Jagaan Kanak-kanak supaya ibu-ibu itu boleh pergi bekerja; rancangan ini telah banyak dibuat.

**Puan Hajah Rosnah binti Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Sebentar tadi Yang Berhormat telah menerangkan iaitu 9.4% wanita bekerja dalam bidang profesional, dalam bidang profesional jenis apakah yang diminati oleh wanita?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya tersangkut di sini sebab tidak ada maklumat di sini, saya akan memberi jawapan secara bertulis.

### INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM—PELAKSANAAN PROGRAM

**4. Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana Institut Kefahaman Islam (IKIM) telah melaksanakan program yang dilaksanakan dan apakah program jangka panjang yang telah dirancangan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):** Tuan Yang di-Pertua, Institut Kefahaman Islam (IKIM) telah didaftarkan pada 18hb Februari, 1992 dan mula beroperasi pada pertengahan bulan Mac, 1992.

Dengan tenaga kepakaran yang terhad IKIM telah mengadakan program sulungnya iaitu kongres yang bertajuk 'Menjelang Abad 21 Islam dan Wawasan 2020' pada 2hb dan 3hb Julai, 1992. IKIM juga telah mengadakan dialog dengan berbagai-bagai kumpulan sasar, dalam masyarakat untuk meningkatkan kefahaman tentang Islam, mengadakan siri bengkel dan seminar secara bersendirian atau dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan lain. Akhbar dan Televisyen Malaysia juga telah memberikan ruangan tetap khusus untuk IKIM. IKIM sendiri telah menerbitkan surat beritanya dan sedang menjalankan beberapa projek penyelidikan yang ada hubungan dengan peningkatan kefahaman dan imej Islam serta penonjolan nilai-nilai positif untuk membina satu bangsa Malaysia yang bersatu dan berkualiti.

Rancangan jangka panjang IKIM ialah meneruskan projek penyelidikan, persidangan dan penerbitannya secara lebih luas.

Pada tahun hadapan umpamanya beberapa siri seminar anjuran IKIM atau dengan kerjasama badan-badan lain dan Kerajaan Negeri akan diadakan seperti seminar Islam dan Perindustrian, Keadilan Dalam Islam, Islam dan Produktiviti, dan Islamic Value and Management.

Dalam bidang penerbitan, IKIM akan mengeluarkan majalah dan jurnalnya serta buku-buku bacaan umum. IKIM juga akan melaksanakan projek terjemahan karya-karya klasik Islam dalam bidang ilmu, sejarah dan tamadun Islam.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua,soalan tambahan. Sesudah kita mendengar

perancangan IKIM, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berazam, selepas rakyat mengetahui semua hukum-hukum Islam, maka negara ini akan melaksanakan hukum Islam yang sebenarnya?

**Dato Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, objektif penubuhan IKIM ialah untuk mempertingkatkan imej Islam di negara kita, di rantau ini dan di seluruh dunia. Maka bidang-bidang khusus untuk IKIM menegakkannya ialah bagaimana sumbangan umat Islam dan tamadun Islam boleh dibangunkan semula di dalam dunia ini, khususnya di rantau kita, termasuklah dari segi undang-undang dan aspek-aspek lain dalam penghidupan manusia.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat berminat di atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di dalam menuju dan meletakkan imej Islam yang tinggi di dalam negara kita. Tetapi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, apapun tidak akan berhasil kalau sekiranya tunggak di atas tidak kita betulkan dahulu di dalam menunjukkan imej Islam, oleh kerana pada masa sekarang kita sedang sibuk bercakap perangai Raja-Raja.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah soalnya?

**Datuk Dr Haji Azman Atar bin Othman:** Jadi, soalnya adakah IKIM mempunyai satu program, melatih, menasihati dan mengajar cara Islam yang sebenarnya kepada bakal-bakal yang akan menjadi Raja di dalam negara kita ini, supaya dia menunjukkan satu sifat yang menjadi contoh kepada rakyat jelata, tetapi kalau Raja sudah berperangai buruk, imej Islam apa dalam negara kita? Jadi saya hendak tahu adakah IKIM mempunyai satu program khas untuk bakal-bakal yang hendak menjadi Raja ini diajar bagaimana Islam yang

sebenarnya, mempunyai perikemanusiaan, adil, budi pekerti tinggi dan berbagai-bagai lagi? Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat?

→

**Dato' Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, program seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr Haji Azman tadi telah berjalan terus-menerus sejak lama dahulu, tetapi yang dipersoalkan sama ada berkesan atau tidak; itu sahaja. Maka IKIM dan agensi-agensi lain sentiasa mempertingkatkan usahanya penyebaran kefahaman Islam difahami dengan luas dan berkesan.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Saya mengakui sudah berjalan lama benda ini, tetapi saya hendak bertanya adakah khas untuk anak-anak Raja?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan tidak ada program khas.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana di dalam masyarakat di negeri Kelantan pada hari ini berlakunya salah kefahaman Islam, mengenai ada di antaranya mengatakan parti itu sebagai aqidah, berlaku perpecahan dan sebagainya.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah peranan yang telah disumbangkan oleh IKIM untuk kefahaman Islam kepada masyarakat Islam di negeri Kelantan?

**Dato Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyebut dalam jawapan asal iaitu IKIM sendiri telah menerbitkan surat beritanya dan sedang menjalankan beberapa projek penyelidikan yang ada hubungan dengan peningkatan kefahaman dan imej Islam serta penjonjolan nilai-nilai positif untuk membina satu bangsa Malaysia yang bersatu dan berkualiti.

Jadi, perkataan yang akhir "bersatu dan berkualiti" itu ialah merangkumi semua kefahaman rakyat Malaysia termasuklah salah tafsir tentang Islam oleh pihak-pihak tertentu yang setengahnya mempunyai tujuan politik.

## SEKOLAH-SEKOLAH SWASTA—BILANGAN

**5. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyak sekolah-sekolah swasta di negara ini, siapakah yang mengendalikan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini bilangan sekolah atau institusi pendidikan swasta yang berdaftar di seluruh negara ini adalah seperti berikut: sekolah rendah dan menengah sepenuh masa 58 buah; sekolah dagang (expatriate) 29 buah; pusat tuisyen 655 buah; perdagangan 256 buah; teknik 26 buah; bahasa 41 buah; post SPM iaitu selepas sekolah menengah 156 buah.

Kelulusan dan pendaftaran sekolah dan institusi pendidikan tersebut telah diberi kepada kumpulan-kumpulan berikut:

- (a) syarikat-syarikat berdaftar dengan Pendaftar Syarikat;
- (b) badan-badan perniagaan yang berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan;
- (c) orang perseorangan;
- (d) persatuan dan yayasan.

**Puan Hajah Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Pendidikan iaitu untuk mengelakkan penyelewengan, adakah sekolah-sekolah swasta ini diawasi ataupun dibuat naziran oleh pihak Kerajaan? Dan kalau ada berapa kalikah diadakan lawatan mengejut dalam setahun dan kalau tidak kenapa?

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan menentukan bahawa semua syarat-syarat yang kita kenakan kepada institusi-institusi swasta tersebut; selalunya diikuti. Dan di Kementerian Pendidikan ada satu Bahagian Nazir Khas untuk menentukan bahawa semua syarat-syarat yang kita kenakan adalah diikuti.

Di sini kita selalunya membuat inspection, dengan izin, kepada institusi tersebut. Dan di sini Kementerian Pendidikan juga berharaplah kita dapat kerjasama dari pelajar-pelajar dan ibu bapa kerana kebanyakan penyelewengan atau kebanyakan false advertising itu, dengan izin, kita tidak dapat tahu tanpa kerjasama ibu bapa dan pelajar-pelajar. Dan kalau Kementerian Pendidikan dapat laporan (feed back) daripada kumpulan-kumpulan yang terlibat tersebut memang Kementerian Pendidikan boleh ambil tindakan dengan lebih licinnya.

**Tuan Abdul Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan.

Pertamanya, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan apakah berlaku penghijrahan guru-guru daripada sekolah-sekolah Kerajaan kepada sekolah-sekolah swasta ini.

Yang keduanya, ialah apakah rancangan Kerajaan untuk melibatkan sekolah-sekolah swasta ini untuk turut sama bertanggungjawab melatih guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah ini?

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Kementerian Pendidikan tidak menghadapi banyak masalah berkaitan dengan penghijrahan guru-guru dari sekolah Kerajaan atau yang meletakkan jawatan mereka dan berkhidmat dengan sekolah-sekolah swasta.

Memang ada guru-guru yang telah bersara dan mereka seterusnya berkhidmat dengan sekolah-sekolah swasta itu. Itu merupakan satu jalan baru kepada guru-guru kita yang telah bersara dan kita merasa banggalah kerana dalam keadaan ekonomi yang lebih makmur sekarang kita ada lebih peluang pekerjaan untuk guru-guru kita.

Dan di sini, Kementerian Pendidikan selalu berpegang kepada prinsip bahawa kita yang bertanggungjawab melatih guru-guru untuk sekolah Kerajaan sahaja. Dan kita harap sekolah-sekolah swasta tersebut bolehlah anjurkan program latihan guru-guru mereka untuk mempertingkatkan mutu pendidikan yang diberi oleh institusi tersebut.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bercakap mengenai sekolah swasta ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu dasar yang jelas selaras dengan Dasar Pendidikan Negara yang berkaitan dengan sistem program berkembar (twinning programme) yang dianjurkan pada masa kini oleh institut-institut pengajian tinggi swasta dengan institut pengajian tinggi di luar negeri?

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1983 atas kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kita yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri kerana kosnya telah naik, jadi sebagai satu langkah untuk mengurangkan beban Kementerian Pendidikan mengizinkan institusi-institusi pendidikan luar negeri bekerjasama dengan institusi tempatan melalui program-program berkembar. Dan di sini memang Kementerian Pendidikan ada satu dasar yang jelas iaitu pendidikan yang ditawarkan melalui program tersebut haruslah merupakan pendidikan pengajian tinggi yang berkualiti tinggi dan haruslah memenuhi keperluan masyarakat dan negara kita. Dan haruslah memenuhi

syarat-syarat yang kita kenakan iaitu mengikut Dasar Pendidikan dan mengikut falsafah pendidikan negara kita. Jadi, semua itu jelas. Dan Kementerian Pendidikan hanya akan memberi kelulusan kepada si pemohon sekiranya kita dapati bahawa syarat-syarat yang kita kenakan akan diikuti dan dihormati.

### ARAH ALIRAN BUDAYA DAN PENDIDIKAN—MENGKAJI DASAR-DASAR

**6. Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman** minta Menteri Pendidikan menyatakan dengan lebih tegas dan meyakinkan bahawa jaminan-jaminan yang diberikan oleh Perlembagaan negara tentang pemeliharaan budaya dan pendidikan menurut etnik yang terdapat di negara ini adalah demi untuk melahirkan masyarakat bersatu-padu dalam kepelbagaian ragam atau "unity in diversity". Memandangkan konsep, usaha dan cita-cita murni pihak Kerajaan dalam soal ini terus dipersoalkan oleh nurani chauvinis dan egoistik dalaman pihak-pihak anti nasional, dan begitu sukar untuk diterima sebagai mainstream yang wajar bagi mewujudkan suatu identiti nasional bertunjangkan budaya keperibumian dan nilai-nilai asasi tempatan, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula segala dasar-dasar dan arah aliran budaya dan pendidikan yang sedia ada dan mengambil langkah-langkah sewajarnya yang menjurus kepada suatu saluran yang lebih terarah persis sebagaimana yang dilakukan oleh negara-negara jiran seperti di Indonesia, Thailand dan seumpamanya.

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, perbekalan dalam Perlembagaan Negara tentang pemeliharaan budaya dan pendidikan mengikut etnik telah pun membuktikan ketegasan Kerajaan. Sehubungan dengan ini, segala dasar pendidikan pada masa lepas dan akan datang akan berlandaskan Perlembagaan Negara dan juga Akta Pendidikan.

Adalah juga ditegaskan konsep perpaduan adalah dua hala dan hendaklah didukung oleh semua pihak dengan cara memahami dan menghayati matlamat dan aspirasi negara untuk membentuk sebuah negara yang berlandaskan kesamarataan sosial dan ekonomi.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam soal ini Bahasa Kebangsaan merupakan perkara yang menjadi kepunyaan kita bersama iaitu Bahasa Melayu yang disebutkan pada hari ini telah jadi Bahasa Malaysia. Saya ingin bertanya kepada Kementerian sama ada benar ataupun tidak iaitu bahawa keputusan telah dibuat yang mana sebutan pada hari ini bahasa kebangsaan bukan lagi Bahasa Malaysia tetapi balik kepada Bahasa Melayu. Kalau itu benar, saya ingin bertanya kepada Kementerian apakah ini tidak meletakkan iaitu bahawa membelakangkan usaha kita untuk menjadikan bahasa ini bahasa kita bersama?

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan di sini bahawa memang jelas mengikut Perlembagaan Negara kita, kita telah dengan jelas menyatakan bahawa Bahasa Melayu atau Malay Language, dengan izin, adalah Bahasa Kebangsaan kita. Jadi, itu bukan suatu persoalan.

Di sini, pendapat Kementerian Pendidikan, bahawa oleh kerana dari segi sosialnya kita selalu menyebut Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia dan Bahasa Melayu, jadi kepada Kementerian Pendidikan kita berpendapat, untuk matapelajaran, as a subject of study, dengan izin, kita menggunakan bahasa Melayu. Tetapi untuk bahasa sebagai bahasa perbualan atau as a means of communication, itu terpulang kepada sesiapa pun, ia boleh digunakan sebagai Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan dan bahasa Melayu itu tidak begitu dititikberatkan. Apa yang dititikberatkan ialah bahawa bahasa Melayu adalah Bahasa

Kebangsaan dan dalam kurikulum Kementerian Pendidikan itu merupakan satu matapelajaran, as a subject of study yang spesifik.

### **TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1994—PERSEDIAAN**

**7. Datuk Ng Peng Hay** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apa-apakah persediaan yang telah diatur dalam Rancangan Tahun Melawat Malaysia 1994, agar lebih berjaya lagi. Bagaimana kosnya jika dibandingkan dengan 1990.

**Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah membuat persediaan untuk memastikan Tahun Melawat Malaysia 1994 lebih berjaya termasuklah mengadakan promosi di luar negara, menggalakkan pelancongan tempatan, menggalakkan kegiatan-kegiatan berteraskan pelancongan seperti aktiviti kesenian, kempen kebersihan, memperbaiki mutu perkhidmatan pelancongan, kempen kesedaran pelancongan, mengadakan kursus bahasa bagi pemandu pelancong, menggalakkan agensi pelancongan mengadakan pakej-pakej pelancongan yang lebih menarik, mengadakan sistem maklumat pelancong, mengenalpasti dan memperbaiki produk-produk pelancongan dan mengadakan acara-acara tarikan.

Setakat ini sebanyak 160 acara telah disenaraikan untuk diadakan sempena Tahun Melawat Malaysia 1994. Jumlah kos yang terlibat bagi melaksanakan program Tahun Melawat Malaysia 1994 belum dapat dipastikan.

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut kenyataan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

baru-baru ini, terdapat penurunan jumlah pelancong seramai 300,000 pada tahun ini. Soalannya, adakah Tahun Melawat Malaysia 1994 mengikut trend yang ada sekarang ini lebih berjaya daripada Tahun Melawat Malaysia 1990?

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat penurunan jumlah pelancong yang datang ke Malaysia tahun ini, tetapi bagi setengah-setengah ataupun beberapa negara terdapat peningkatan yang berlebihan lagi jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang sebelumnya. Begitu juga dari segi tukaran wang asing, walaupun jumlah kedatangan pelancong-pelancong ke negara kita berkurangan, tetapi dari segi tukaran wang asing ia terus dapat ditingkatkan pada tahun ini jika dibandingkan daripada tahun yang sebelumnya.

Oleh kerana kita mempunyai pengalaman serta mengenal-pasti masalah-masalah dalam kita mengaturkan Tahun Melawat Malaysia 1990 yang lalu, begitu juga kita telah melihat ruang-ruang yang boleh diperbaiki, maka kita berharap dari perancangan yang sedang kita aturkan, insya Allah, jika semuanya berjalan mengikut seperti yang diatitkan, bagi Tahun Melawat Malaysia 1994, kita harapkan kejayaan yang lebih cemerlang lagi.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bersetuju dengan saya bahawa salah laku Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Raja-Raja Melayu sejak akhir-akhir ini boleh menjejaskan imej Malaysia di mata pelancong-pelancong di luar negara dan boleh menjejaskan dan memberikan kesan kepada program Tahun Melawat Malaysia 1994. Kalau ya, apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Abdul Rahman bin Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja keburukan atau sifat-sifat tidak baik yang ada sudah tentu ianya menjejaskan bukan sahaja dari segi pelancongan bahkan lain-lain aktiviti yang dijalankan di negara kita.

**Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan iaitu 160 acara telah disediakan untuk kempen. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, adakah kempen di luar negara masih menunjuk lambang "Orang Utan" yang besar tergantung di merata-rata sebagai satu kempen?

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, Orang Utan adalah Maskot Malaysia, jadi ia akan terus dipamerkan di luar negara.

#### MESIN DIALYSIS DI SETIAP HOSPITAL—PENYEDIAAN

**8. Tuan Neo Tuan Cheng** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan hospital yang mempunyai mesin dialysis di negara kita setakat ini; dan
- (b) bilakah Kementerian bercadang mengadakan sekurang-kurangnya satu mesin dialysis di setiap hospital untuk pesakit-pesakit yang miskin.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan hospital-hospital yang mempunyai perkhidmatan dialysis mengikut negeri-negeri berjumlah sebanyak 23 buah yang dipunyai oleh Kerajaan dan 21 yang dipunyai oleh hospital-hospital swasta. Jumlah mesin-mesin

dialysis yang terdapat ialah 171 buah di hospital-hospital Kerajaan dan 87 buah mesin dialysis di hospital-hospital swasta. Saya tidak bertujuan untuk menurunkan satu persatu sebab terlalu panjang.

- (b) Kementerian ini memang bercadang untuk menyediakan perkhidmatan dialysis di semua hospital di Malaysia. Perkara ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat kerana ia melibatkan kos yang amat tinggi iaitu dari segi pembelian mesin dialysis dan lain-lain alat sokongan, penyelenggaraan mesin, penyediaan ataupun pengubahsuaian ruang, pembelian peralatan consumable dan penyediaan kakitangan, latihan dan sebagainya. Dianggarkan kos penubuhan satu unit dialysis yang mempunyai 10 buah mesin untuk merawat 40 pesakit ialah RM420,000 manakala kos pengurusan unit tersebut itu ialah RM495,000 setahun.

#### ANAK ANGKAT BOSNIA-HERZEGOVINA—DASAR BANTUAN

**9. Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah bentuk rancangan sebenar Kementerian dalam program anak angkat kanak-kanak Bosnia. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk memberi taraf anak angkat secara tetap.

31-12-92

**34. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan memandangkan bahawa Kementerian dan ABIM telah memainkan peranan yang begitu mengkagumkan dalam soal pengambilan anak-anak angkat

dari Bosnia; langkah dua badan ini amatlah murni dan patutlah dicontohi oleh badan-badan lain; suasana ini telah menunjukkan Kerajaan Malaysia amatlah sensitif dengan masalah masyarakat dunia Islam sekarang:

- (a) adakah pihak Kerajaan Malaysia berhasrat untuk membawa lebih ramai lagi rakyat Bosnia yang tersiksa akibat kekejaman tentera Serbia ke sini;
- (b) adakah Kerajaan Malaysia meletakkan tempoh bagi pengambilan mereka ke sini. Kalau ya, beri tempohnya; dan
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan penghidupan rakyat-rakyat Bosnia yang dibawa ke negara ini.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang yang akan dijawab pada 31hb Disember tahun ini kerana soalan itu ada kaitan dengan perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, penyelarasan usaha dan bantuan kepada rakyat Bosnia-Herzegovina di negara ini telah dipertanggungjawabkan oleh Jemaah Menteri kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Sebuah Jawatankuasa Penyelaras telah ditubuhkan di bawah Kementerian saya khusus untuk mengawasi dan memudahkan usaha-usaha untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa konflik di Bosnia-Herzegovina. Rancangan dan aktiviti sebenar untuk memberi bantuan dan membawa masuk

rakyat Bosnia ke Malaysia dilakukan oleh badan-badan bukan Kerajaan seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kumpulan Akhbar Utusan Melayu dan Kumpulan Akhbar The New Straits Times.

Kanak-kanak Bosnia yang dibawa masuk ke negara ini adalah diuruskan oleh badan-badan bukan Kerajaan di kedua-dua negara iaitu oleh ABIM di Malaysia dan Persatuan Kebajikan Islam Bosnia di Bosnia. Oleh itu, kanak-kanak yang dibawa masuk ke Malaysia ini adalah di bawah jagaan ABIM dan mereka ditempatkan secara berkumpulan di Pusat Latihan ABIM di Sungai Ramal Dalam, Kajang. Segala perbelanjaan membiayai kanak-kanak tersebut adalah diselenggarakan oleh ABIM. Kanak-kanak Bosnia tidak akan ditempatkan sebagai anak angkat ataupun anak peliharaan dengan keluarga perseorangan. Walau bagaimanapun, keluarga ataupun individu yang berminat, boleh menaja kanak-kanak tersebut dengan memberi sumbangan wang kepada pihak ABIM untuk membiayai mereka semasa mereka tinggal di asrama-asrama yang dikendalikan oleh ABIM itu.

Sehingga kini, jumlah rakyat Bosnia yang sedang dibantu dan diuruskan oleh ABIM ialah seramai 108 orang, terdiri daripada 53 orang kanak-kanak dan 55 orang dewasa. Mereka akan berada di negara ini selama mana diperlukan oleh Kerajaan Bosnia, ataupun sehingga peperangan di Bosnia tamat. Setakat ini belum diputuskan lagi sama ada ramai rakyat Bosnia akan dibawa masuk ke negara kita.

Kementerian saya selaku penyelarasan terhadap bantuan kepada rakyat Bosnia di negara ini akan sentiasa mengawal dan menyelia program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh badan-badan bukan Kerajaan untuk kehidupan rakyat Bosnia di negara ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Melihat kemewahan yang diberi oleh kita kepada rakyat Bosnia yang datang, adakah Kementerian bercadang untuk memberi semangat pula kepada anak-anak angkat ini apabila sudah lengkap dengan pengetahuan, kekuatannya supaya mereka bersemangat untuk balik kembali berjuang di tanahairnya bagi mendaulatkan semula negaranya yang telah hancur lebur oleh tentera Serb?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, ini memang tujuan kita.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah pihak Kementerian bercadang untuk menawarkan kemudahan yang sama menaja anak-anak angkat kepada anak-anak orang Somalia yang tidak bernasib baik?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini adalah baik kita tunggu.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah jaminan keselamatan termasuk insurans kepada kanak-kanak Bosnia?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Sila ulang lagi.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat kefahaman, adakah kanak-kanak Bosnia mendapat jaminan keselamatan termasuk insurans?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, ini memang dijalankan, dikendalikan oleh pihak ABIM. Keselamatan memang adalah perkara yang diutamakan.

## LATIHAN KEPAKARAN USAHAWAN BAGI MEMAJUKAN PANTAI TIMUR

**10. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian Kewangan memberi latihan-latihan atau sumbangan kepada pegawai Kerajaan di peringkat negeri atau usahawan-usahawan yang berpotensi untuk memajukan bidang perniagaan atau melahirkan kepakaran dalam bidang tertentu dalam perniagaan. Memandangkan di Pantai Timur negeri-negerinya memerlukan pertumbuhan ekonomi dan mempunyai infrastruktur yang terhad, tidak sebagaimana negeri-negeri di Pantai Barat, adalah wajar latihan kepakaran disediakan; justeru itu adalah wajar Kementerian Kewangan memberi latihan kepakaran terutama dalam bidang industri perkapalan dan pentadbiran kewangan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai latihan ini merangkumi beberapa Kementerian. Beberapa Kementerian dan agensinya terlibat akan memberi latihan kepada usahawan dan bakal usahawan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyediakan peruntukan kewangan lebih daripada RM53 juta dalam tahun ini. Antaranya di bawah Kementerian Perusahaan Awam, termasuk untuk MARA, Kementerian Kerja Raya, Institut Teknologi MARA, Perbadanan Produktiviti Negara, dan Institut Tadbiran Awam Negara bagi membolehkan organisasi agensi berkenaan menganjurkan latihan untuk pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan di peringkat negeri serta usahawan-usahawan yang berpotensi untuk memajukan perniagaan. Kesemua agensi ini turut mengambil peserta daripada negeri-negeri di Pantai Timur, iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang

dan juga menganjurkan latihan di negeri-negeri tersebut. Bidang latihan yang dianjurkan meliputi pembangunan keusahawanan, pengurusan perniagaan, kewangan dan akaun, pengangkutan, pemasaran, pelancongan dan kursus-kursus teknikal yang berkaitan.

#### PERPUSTAKAAN—PEMBINAAN DI SELURUH NEGARA

**11. Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah khutub-khanah yang terdapat di negara ini yang dikelolakan oleh Kementerian; dan
- (b) apakah Kerajaan bercadang mendirikan khutub-khanah di setiap daerah di negara ini.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) terdapat 272 buah perpustakaan di seluruh negara yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan termasuk Perpustakaan Negara Malaysia (Ibu Pejabat). Perpustakaan ini terdiri daripada Perpustakaan Pusat, Perpustakaan Cawangan, Perpustakaan Desa, Perpustakaan Cawangan di Wilayah Persekutuan dan Perpustakaan Bergerak.
- (b) Pembinaan Perpustakaan Daerah di setiap negeri adalah di bawah bidangkuasa Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, Perpustakaan Negara membantu dengan memberikan bantuan Belanja Pengurusan Tahunan kepada perpustakaan tersebut atas dasar separuh Kerajaan Pusat dan separuh Kerajaan Negeri.

#### SABOTAJ MERACUN PADI— KAWALAN BEKALAN AIR

**12. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Pertanian menyatakan kemungkinan satu masa nanti sabotaj boleh terjadi oleh anasir-anasir jahat dengan cara menabur kimia pembinasakan padi di ampangan air sawah padi campuran baja-baja padi yang diedarkan kepada petani-petani dicampurkan dengan bahan-bahan seperti batu dan racun. Adakah pihak Kementerian Pertanian sentiasa waspada dan mengambil langkah yang sesuai bagi mencegah terjadinya perkara ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian mengambil ingatan terhadap pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan program Skim Subsidi Baja Padi, Kementerian Pertanian telah menetapkan prosedur-prosedur tertentu bagi memastikan baja-baja subsidi yang diedarkan kepada petani adalah menepati spesifikasi untuk menghasilkan padi yang baik. Dalam hal ini, Jabatan Pertanian telah dipertanggungjawabkan untuk membuat pemeriksaan dan penganalisan kandungan baja sebelum baja-baja subsidi diedarkan kepada pesawah. Langkah ini sekaligus dapat mengesan bahan-bahan asing yang tidak berkenaan sekiranya dicampurkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ke dalam baja tersebut.

Ampangan air kendalian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) termasuk Ibu Bekalan Air (barrage and headworks) dan kolam air untuk mengairi kawasan sawah padi diselenggarakan dan dikendalikan oleh kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran serta dikawal bagi memastikan keselamatannya dari segi bekalan air untuk tujuan pertanian.

Bekalan air untuk kegunaan awam, di ampangan air kendalian JPS, terlebih dahulu dianalisa oleh Jabatan Bekalan Air dari contoh-contoh yang diambil untuk mencegah keracunan pada manusia dan haiwan ternakan.

### PEMBAZIRAN OLEH MAJLIS DAERAH/PERBANDARAN LANGKAH MENGAWAL

**13. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah langkah-langkah positif bagi memastikan Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran pada setiap negeri tidak menyalahgunakan wang kutipan cukai mereka menerusi perbelanjaan yang membazir seperti membeli peralatan mewah untuk kegunaan peribadi pegawai-pegawai termasuk lawatan keluar negeri yang sering diadakan oleh Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran itu.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan ini, sukacitalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa memberi perhatian kepada pengurusan kewangan di peringkat Pihakberkuasa Tempatan di dalam negara ini. Kementerian ini dari masa ke semasa mengambil tindakan-tindakan menentukan bahawa sistem pengurusan kewangan di peringkat Pihakberkuasa Tempatan itu kemas, lengkap dan accountable terhadap setiap perbelanjaan yang dilakukan.

Bagi tujuan tersebut, sehingga ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah selesai menggubal kaedah kewangan dan perakaunan Pihakberkuasa Tempatan untuk digunapakai oleh semua Pihakberkuasa Tempatan di Semenanjung. Kaedah ini akan dibawa ke Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan untuk diluluskan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga menggubal satu garis panduan mengenai lawatan ke luar negeri bagi kegunaan Pihakberkuasa Tempatan apabila merancang untuk mengadakan lawatan-lawatan keluar negeri. Ini adalah untuk menentukan bahawa lawatan-lawatan ke negeri yang dilakukan oleh Pihakberkuasa Tempatan itu akan mencapai objektifnya dan membawa manfaat kepada Pihakberkuasa Tempatan itu sendiri.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sidang Majlis Daerah tidak dibenarkan untuk dihadiri oleh orang ramai, apakah itu merupakan arahan yang datang daripada Kementerian ataupun tiap-tiap Majlis Daerah itu mempunyai kebebasan untuk membuat keputusan dalam hal ini?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Kerajaan Tempatan, Pihakberkuasa Tempatan bebas untuk menentukan cara mengadakan mesyuarat mereka. Pre-council telahpun diamalkan oleh banyak Pihakberkuasa Tempatan di masa-masa yang lalu. Kehebohan ini berlaku di Selangor apabila ia cuba memperkenalkan, tetapi di negeri Johor perkara ini adalah biasa. Oleh sebab itu, Pihakberkuasa Tempatan bebas memilih sama ada mahu mengadakan pre-council sebelum mengadakan full councilnya ataupun memberi peluang kepada pihak awam untuk menghadirinya ataupun sebaliknya.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana keadaan lawatan dengan "Twin City" di antara sebuah Majlis Perbandaran dengan Majlis Bandaraya yang lain. Tidakkah lawatan seumpama ini dihadkan oleh Kerajaan?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pihak Kementerian telah

mengadakan satu garis panduan yang mana lawatan-lawatan ke luar negeri mesti, yang pertama, mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Kerana kalau ada 'Twin City', ini kebanyakannya bertukar-tukar lawatan di antara Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia dengan ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan di tempat mana 'Twin City' itu diadakan. Pihak Berkuasa Tempatan hanya dibenarkan mengadakan lawatan ke luar negeri hanya sekali dalam masa tiga tahun.

Selain daripada itu, ianya mesti mendapat kelulusan daripada Kementerian Luar Negeri selain daripada Kerajaan Negeri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Selain daripada itu juga ianya mestilah menentukan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan itu kukuh dan memberi manfaat kepada Pihak Berkuasa Tempatan itu dari segi kemampuannya untuk menggunakan teknologi yang diperolehi daripada 'bandar berkembar' itu.

Selain daripada itu, ianya juga perlu dalam lawatan-lawatan ini memperkenalkan apa yang ada kepada Pihak Berkuasa Tempatan itu sendiri. Misalnya kemudahan ataupun kebaikan dari segi pelancongan, dari segi commercial value bandar tersebut, dari segi kebudayaan, sukan dan sebagainya.

#### PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI—BUDAYA DAN PERADABAN

**14. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan "Sekolah Malaysia" di luar negara terutamanya di Britain agar anak-anak/para pelajar kita di sana dididik supaya tidak melupakan kebudayaan dan peradaban negara asal mereka.

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini adalah berkaitan dengan isu pendidikan, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum membuat sebarang keputusan untuk menubuhkan sekolah seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat.

#### KEMPEN ANTI KAYU TROIKA—STRATEGI MEMERANGI

**15. Haji Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan tindakan untuk mencari rakan-rakan dari negara luar seperti Austria untuk mempertahankan dasar kayu tropika yang dianggap oleh pertubuhan bukan Kerajaan (NGOs) yang beribu pejabat di Barat sebagai pencemaran alam sekitar untuk tidak mengganggu perindustrian perkayuan di Malaysia.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama.

Saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan sememangnya ingin mencari seberapa banyak yang boleh negara jiran ataupun rakan untuk memperkuat dan memperkukuhkan lagi tindakan memerangi Kempen Anti Kayu Tropika yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan ataupun NGOs, dengan izin.

Berhubung dengan tindakan Kerajaan Austria, Kerajaan kita bersama-sama dengan lain-lain anggota ASEAN, telah membantah tindakan Austria untuk melabel kayu tropika yang di import.

Ini memandangkan ianya juga akan menjejaskan kepentingan industri kayu kayan di negara ASEAN dan di negara-negara pengeluar kayu tropika yang lain.

Bantahan-bantahan ini telah dibuat di mesyuarat-mesyuarat ASEAN, mesyuarat berbagai hala seperti Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan ataupun GATT dan di Majlis Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO), dengan izin, yang berlangsung baru-baru ini di Yokohama, Jepun.

Ekoran daripada bantahan-bantahan ini, Kerajaan Austria telah menghantar satu perutusan khas ke Malaysia untuk mendengar penjelasan kita mengenai implikasi-implikasi serius yang akan timbul akibat tindakan Kerajaan Austria itu. Hasil daripada perbincangan ini, perutusan khas Austria itu telah memberi jaminan untuk meminta Kerajaan Austria menggantung pelaksanaan undang-undang berkenaan.

Perutusan khas tersebut juga mengakui bahawa Kerajaan Austria tidak menyedari implikasi undang-undang berkenaan kepada perdagangan kayu tropika dan kesan buruknya terhadap usaha oleh negara-negara pengeluar kayu tropika ke arah mencapai pengurusan hutan secara berkekalan, dengan izin, under sustainable forest management. Ke arah itu Kerajaan Austria telah memanjangkan jemputan kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk melawat Austria bagi mengadakan perbincangan lanjut dengan Ahli-ahli Parlimen Austria dan pihak Kerajaan Austria untuk mencari jalan penyelesaian kepada isu tersebut.

Lawatan ini akan diadakan dalam sedikit masa lagi. Ini adalah penting lebih lagi berdasarkan persetujuan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai alam sekitar dan pembangunan (UNCED) mengenai prinsip-prinsip perhutanan semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio di mana negara-negara anggota bersetuju bahawa isu perhutanan perlu meliputi kesemua jenis hutan

termasuk hutan temperate dan lain-lain dan juga persetujuan yang dicapai di majlis ITTO ke atas garis panduan mengenai pengurusan hutan secara berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tindakan Kerajaan Austria tersebut, serta kempen-kempen anti kayu tropika oleh NGO's adalah disebabkan oleh kurang kefahaman masyarakat antarabangsa mengenai kedudukan dan amalan pengurusan hutan di negara-negara tropika khususnya di Malaysia. Maka sebahagian besar usaha-usaha yang dijalankan untuk memerangi kempen ini adalah dengan cara membetulkan tanggapan dan meyakinkan masyarakat sedunia mengenai amalan pengurusan hutan di negara ini dan juga komitmen negara terhadap pemeliharaan alam sekitar. Sehingga kini berbagai-bagai strategi dan usaha telah pun dibuat dan akan dibuat oleh Kerajaan untuk memerangi kempen ini, seperti menerbitkan buku-buku, risalah dan video dan menghantar misi-misi penerangan keluar negara dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 49 akan dimasukkan ke dalam naskhah bercetak kelak)*

## HAK PENJAGAAN ANAK DI LUAR NEGERI

**16. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adalah cara untuk membawa pulang anak yang kini berada di luar negeri kepunyaan pasangan suami isteri yang berpisah. Ibu anak tersebut itu adalah warganegara Malaysia manakala suaminya bukan warganegara Malaysia; dan

dan melaksanakan keperluan-keperluan infrastruktur di pangkalan-pangkalan TUDM yang akan menjadi tuanrumah kepada pesawat-pesawat baru berkenaan.

- (c) Mengikut statistik untuk 5 tahun yang lepas, iaitu dari tahun 1988 hingga 1992, purata 'turnover' juruterbang TUDM ialah 29 orang masuk berkhidmat berbanding dengan 33 orang yang berhenti setahun. Keadaan ini tidak membimbangkan kerana sejak dua tahun yang lepas, TUDM telah mula menambahkan jumlah pengambilan juruterbang-juruterbang baru dan usaha ini akan diteruskan di tahun-tahun yang akan datang. Bagi kakitangan teknikal pula, dalam jangka masa yang sama, purata 'turnover' ialah 270 orang masuk berkhidmat berbanding dengan 250 orang yang menamatkan perkhidmatan setahun.

#### **PEMBINAAN AMPANGAN KENYIR—JUMLAH GANTIRUGI**

**21. Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) jumlah gantirugi yang diberi kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana pembinaan Ampangan Kenyir;
- (b) berapa luaskah keseluruhan kawasan yang diwartakan untuk dijadikan Ampangan Kenyir dan berapa luaskah setakat ini, kawasan di Ampangan Kenyir ditutupi air di bawah pengawasan pihak berkenaan Ampangan Kenyir; dan

- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk memberi kemudahan bekalan elektrik secara percuma di kawasan yang berhampiran dengan Ampangan Kenyir.

#### **Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):**

- (a) Jumlah gantirugi yang diberi oleh TNB kepada Kerajaan Negeri Terengganu ialah seperti berikut:
- (i) bayaran sekaligus sebanyak RM1,569,720 sebagai premium tanah dan RM14,855,500 bagi kehilangan hasil hutan; dan
  - (ii) bayaran tahunan sebanyak RM3,130,650 sebagai bayaran bagi sewa tanah, penggunaan air dan takungan air.
- (b) Luas kawasan yang diwartakan untuk dijadikan Ampangan Kenyir ialah 1,270 hektar dan kawasan yang ditenggelami air ialah seluas 36,500 hektar.
- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk memberi bekalan elektrik secara percuma di kawasan yang berhampiran dengan Ampangan Kenyir.

#### **MASALAH FENOMENA DI LUAR BANDAR— PERPINDAHAN GULUNGAN MUDA KE BANDAR**

**22. Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan suatu fenomena sedih di luar bandar ialah rumah-rumah kampung yang menjadi usang kerana tidak didiami. Ini berlaku kerana perpindahan gulungan muda ke bandar kerana kerja dan tidak berpindah balik kerana sudah membeli rumah di bandar. Yang menyelitkan lagi

selepas kematian ibubapa atau ibubapa pun bersama-sama pindah ke bandar. Apakah usaha Kementerian untuk menyelesaikan masalah fenomena ini dari terus berleluasa.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):** Kementerian Pembangunan Luar Bandar ditubuhkan untuk menjadi agensi penggerak utama bagi membawa perubahan ke kawasan-kawasan luar bandar dan meningkatkan taraf hidup di kawasan luar bandar supaya proses pembangunan negara lebih seimbang. Ke arah ini, Kementerian menjalankan program-program pembangunan tanah, pembangunan infrastruktur, perbandaran kampung, pembangunan perusahaan kecil luar bandar dan pembangunan sumber manusia.

Melalui program-program ini, Kementerian menyediakan pilihan untuk mereka menetap di luar bandar melalui kesan-kesan berikut:

- (a) Aktiviti pertanian akan lebih menarik dan menguntungkan melalui program pembangunan tanah yang bermatlamat untuk meningkatkan produktiviti sektor pertanian;
- (b) Peluang-peluang dalam bidang perniagaan dan perindustrian dapat ditingkatkan melalui program-program perusahaan luar bandar dan perbandaran kampung;
- (c) Aktiviti ekonomi di luar bandar dapat ditingkatkan melalui program pembinaan jalan kampung dan luar bandar di mana memudahkan mereka memasarkan hasil dan juga untuk berulang alik bekerja di bandar; dan
- (d) Kemudahan api dan air akan membolehkan mereka menikmati kemudahan yang sama seperti di bandar dan membolehkan penggerakan aktiviti-aktiviti komersial.

Usaha-usaha Kementerian yang dinyatakan tersebut memberi alternatif kepada penduduk luar bandar untuk terus menetap di luar bandar dan menikmati faedah-faedah pembangunan yang disediakan. Walau bagaimanapun, mereka yang memilih untuk berpindah keluar seharusnya juga bijak menggunakan sumber yang mereka miliki, umpamanya dengan menyewakan rumah-rumah dan tanah-tanah mereka atau terus menjual harta tersebut sekiranya ingin untuk berhijrah terus ke bandar.

### **PROTON SAGA— PEMBEKALAN KOMPONEN KOMPONEN KERETA**

**23. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Perdana Menteri menyatakan Proton Saga ada membuka peluang untuk vendor-vendor bumiputera bagi membekalkan komponen-komponen bagi kereta tersebut:

- (a) sebutkan jenis-jenis komponen-komponen yang diberikan kepada bumiputera dan nyatakan berapa ramai yang terlibat sehingga hari ini;
- (b) adakah pihak Kerajaan puas hati dengan kuantiti dan kualiti komponen yang dibekalkan itu; dan
- (c) adakah pihak Kerajaan akan membuka lebih banyak lagi peluang-peluang untuk membekalkan komponen-komponen kereta kepada bumiputera dan sebutkan jenis-jenis komponen yang berkaitan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):**

- (a) Sehingga kini terdapat 48 buah syarikat bumiputera yang terlibat di dalam pembekalan komponen-komponen kereta kepada PROTON. Syarikat-syarikat ini

mengeluarkan sejumlah 635 barangan komponen-komponen kereta Proton Saga.

- (b) Pihak PROTON berpuas hati dengan kuantiti serta kualiti komponen-komponen yang dibekalkan oleh pembekal-pembekal bumiputera kerana ia menepati keperluan serta piawaian yang telah ditetapkan oleh PROTON.
- (c) Peluang untuk bumiputera membekalkan komponen-komponen kereta kepada PROTON adalah sentiasa terbuka sekiranya mereka dapat menepati garis panduan yang telah ditetapkan.

Komponen-komponen yang masih belum dibekalkan oleh pembekal-pembekal tempatan termasuklah barangan yang memerlukan keupayaan pelaburan dan juga kepakaran teknologi yang tinggi seperti SASH guides, moulding tailgate, cylinder lock-key, steering column, barangan transmisi dan sebagainya.

## HASIL LAUT

**24. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa tan hasil laut dari ikan, udang dan kerang dalam tahun 1989, 1990 dan 1991 di Semenanjung Malaysia;
- (b) jikalau hasil laut itu tambah atau turun dari tahun ke tahun, sila bagi penjelasan dan sebab; dan
- (c) apakah cadangan Kementerian baru untuk mencipta hasil laut yang lebih tinggi.

**Dato' S. Subramaniam:**

- (a) Hasil laut yang didaratkan di Semenanjung Malaysia bagi tahun

1989, 1990 dan 1991 dan nilainya adalah seperti berikut:

	<i>Hasil Laut (m.t.)</i>	<i>Nilai (RM)</i>
1989	746,884	1,233,854,541
1990	819,903	1,359,945,618
1991	709,587	1,374,305,776

- (b) Hasil laut telah meningkat dari tahun ke tahun kecuali tahun 1991 yang mana telah merosot. Walaupun hasil laut 1991 telah merosot 13.5% tetapi nilai hasil laut bagi tahun tersebut tetap meningkat 10.5%. Ini adalah kerana hasil ikan yang berharga rendah seperti ikan baja berkurangan manakala ikan berharga tinggi telah meningkat.
- (c) Kementerian telah menggubal dasar dan strategi bagi menambah pengeluaran ikan negara iaitu melalui:
- (i) memulihkan sumber perikanan pantai yang telah diterokai secara berlebihan dengan pembinaan tukun-tukun tiruan, mewujudkan Taman Laut Rizab Laut memperkemaskan lagi sistem pengurusan sumber dan memperhebatkan pengawalseliaan/penguatkuasaan;
  - (ii) mempesatkan lagi pengeluaran dari perikanan laut dalam melalui penggunaan alat dan teknik penangkapan ikan yang lebih moden serta penerokaan kawasan penangkapan yang baru termasuk perairan antarabangsa; dan
  - (iii) mempesatkan lagi pengeluaran dari aktiviti akuakultur melalui pemberian pelbagai insentif, menggalakkan aktiviti yang

bertaraf komersial dan mempergiatkan penyelidikan serta pemindahan teknologi ke arah meningkatkan lagi produktiviti.

*(Soalan No. 25 – Sila lihat jawapan kepada Soalan No. 17 pada 17-12-92)*

### UNIVERSITI TERBUKA— TINDAKAN

**26. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam melaksanakan Universiti Terbuka sebagaimana yang dicadangkan.

**Dr. Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun Kerajaan belum melaksanakan Universiti Terbuka secara meluas seperti yang terdapat di negara-negara Barat, Kerajaan telah pun melaksanakan program-program tertentu ke arah memperkenalkan Universiti Terbuka. Dua institusi pendidikan iaitu Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Pusat Pengajian Luar Kampusnya telah memulakan Program Jarak Jauh (PJJ) sementara Institut Teknologi MARA pula memperkenalkan Kajian Luar Kampus (KLLK) dan Pendidikan Jarak Jauh secara pos.

Walaupun Universiti Terbuka ini mempunyai peranan yang penting dalam menyediakan tenaga manusia dan memperluaskan peluang pendidikan untuk lepasan sekolah dan menggalakkan pendidikan berterusan (continuing education), konsepnya perlu dikaji sedalam-dalamnya supaya pelaksanaannya dapat disesuaikan dengan Dasar Pendidikan Negara. Dalam hubungan ini, Kerajaan sedang menimbangkan supaya program Pengajian Jarak Jauh di USM, Kajian Luar Kampus dan Pendidikan Jarak Jauh (secara pos) di ITM yang

sudah pun berjalan, diperluaskan dari segi bidang pengajian dan pengambilan pelajar untuk dijadikan asas Universiti Terbuka, daripada hanya menubuhkan satu Universiti Terbuka yang baru.

### PERKHIDMATAN AWAM DENGAN ORANG RAMAI

**27. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Perdana Menteri menyatakan masih ketara cara dan sikap pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam berbanding sektor swasta, terutamanya yang berkaitan perkhidmatan dengan orang ramai. Pekerja dan pegawai di sektor swasta lebih cergas, berhemah dan berbudi bahasa. Apakah usaha Kerajaan menseimbangkan keadaan ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tanggapan yang menyatakan bahawa pekerja dan pegawai di sektor swasta lebih cergas, berhemah dan berbudi bahasa, terutamanya yang berkaitan perkhidmatan kepada orang ramai berbanding dengan pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam adalah merupakan satu tanggapan yang tidak tepat.

Sukacita saya memaklumkan bahawa tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam pada masa ini adalah tinggi dan sangat membanggakan. Ini adalah berasaskan kepada maklumbalas yang diterima dari orang awam, termasuk pujian serta penghargaan dari sektor swasta, maklumat-maklumat yang dikumpul dari semasa ke semasa serta melalui kajian-kajian yang dijalankan. Perkhidmatan awam dengan ketara telah turut menyumbang kepada kejayaan-kejayaan cemerlang yang dicapai oleh negara, terutamanya dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

Suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini, usaha-usaha ke arah mempertingkatkan kecekapan dan prestasi

perkhidmatan awam sentiasa diberi penekanan dan keutamaan yang tinggi. Ini dilakukan melalui gerakan peningkatan kualiti dan produktiviti yang menyeluruh serta berterusan di semua peringkat Jabatan Kerajaan. Pada umumnya, gerakan ini dijayakan melalui satu strategi bersepadu yang melibatkan tiga bentuk tindakan: pertama, memupuk kesedaran anggota perkhidmatan awam terhadap budaya kualiti; kedua, memberi latihan dan menyediakan keperluan fizikal untuk pengurusan yang berkualiti; dan ketiga, memberi galakan dan insentif.

Semua anggota perkhidmatan awam dikehendaki supaya mengutamakan orang ramai yang menjadi pelanggan dengan cara memastikan setiap perkhidmatan yang diberikan adalah menepati kehendak serta memuaskan hati mereka. Jabatan-jabatan Kerajaan telah digesa supaya mendekati pelanggan bagi memahami kehendak dan masalah mereka dan kemudiannya mewujudkan sistem, proses dan budaya kerja yang terbaik bagi memenuhi kehendak tersebut.

Kejayaan yang dicapai sehingga kini amat memberangsangkan. Sebagai contoh, begitu banyak pujian yang telah diterima dari orang ramai terhadap prestasi perkhidmatan kaunter Jabatan-jabatan Kerajaan. Gerakan peningkatan kualiti dan produktiviti yang telah dijalankan oleh perkhidmatan awam kita bukan sahaja telah mendapat penghormatan di peringkat negara malah telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Bagaimanapun, di samping peningkatan prestasi yang begitu ketara dan berterusan ini, saya amat menyedari masih terdapat segelintir anggota awam yang masih cuai atau kurang menunjukkan minat menjalankan tugas. Pihak Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat dan berusaha gigih untuk menghadapi kelemahan ini. Pihak Kerajaan akan mengambil tindakan secara tersusun bagi mengatasinya, termasuk

dengan mempertingkatkan lagi pemberian motivasi dan kaunseling serta mengambil tindakan berbentuk hukuman dan tatatertib dengan lebih tegas lagi.

#### **PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DI SABAH—PERUNTUKAN**

**28. Tuan Johan B.O.T. Ghani** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyakkah peruntukan diberikan kepada Sabah dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6).

**Dr. Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RM6), sejumlah RM300,629,985 telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan pendidikan di Sabah.

#### **KEMALANGAN INDUSTRI— BILANGAN KEMATIAN DAN KECEDERAAN PEKERJA**

**29. Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapakah ramai pekerja-pekerja bagi tahun 1991 hingga Oktober 1992 dan apakah langkah Kerajaan dalam memastikan pekerja-pekerja dapat bekerja dalam keadaan selamat bagi sesebuah kilang dan bagi mereka yang hilang keupayaan itu, apakah faedah yang mereka dapat.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):**

(a) Bilangan kematian dan kecederaan pekerja akibat kemalangan industri benar bertambah sejak beberapa tahun lepas. Bilangan ini bertambah disebabkan oleh peningkatan pesat bilangan pekerja di sektor industri dari setahun ke setahun. Walau bagaimanapun, dengan penguatkuasaan Akta Kilang dan Jentera

1967, nisbah kemalangan bagi setiap 1,000 orang pekerja dapat dikawal sebagaimana perangkaan di bawah bagi tempoh 3 tahun yang lepas.

Tahun	Bilangan Kemalangan	Bilangan Pekerja	Bilangan Kemalangan Tiap-tiap 1,000 Pekerja
1989	107,479	4,157,430	25.85
1990	121,104	4,578,943	26.44
1991	124,898	5,097,794	24.60

Dari jadual di atas, bilangan kemalangan bagi tiap-tiap 1,000 pekerja ialah dalam lingkungan 25 sejak tiga tahun yang lalu.

- (b) Untuk mengawal kemalangan di kilang-kilang Jabatan Kilang dan Jentera di Kementerian Sumber Manusia menjalankan penguatkuasaan seperti penyemakan rekabentuk jentera-jentera yang merbahaya, pengawasan semasa pembinaan dan menjalankan pemeriksaan berjadual. Pada masa yang sama, pihak Jabatan Kilang dan Jentera telah membuat pemeriksaan tambahan dan mengejut dan juga menjalankan aktiviti latihan. Bagi tempoh tahun 1991 sehingga Julai tahun ini, sebanyak 76,301 pemeriksaan berjadual dan sebanyak 5,829 pemeriksaan tambahan dan mengejut telah dilakukan. Pada tempoh yang sama, sebanyak 46 kursus latihan yang diadiri oleh 1,266 peserta telah dijalankan. Peserta-peserta kursus latihan ini adalah terdiri dari pihak pengurusan, penyelia dan pekerja.

Aktiviti pencegahan kemalangan akan dipertingkatkan apabila Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang telah ditubuhkan berfungsi dengan sepenuhnya. Antara aktiviti-aktiviti Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ialah

memberi latihan, memberi perkhidmatan teknikal kepada industri, menyebarkan maklumat dan menjalankan penyelidikan dalam bidang keselamatan kesihatan dan pekerjaan.

Kementerian Sumber Manusia akan juga mengadakan satu Akta Keselamatan dan Kesihatan yang baru untuk mengawal keselamatan di semua sektor ekonomi.

### PENCEMARAN DARI KILANG-KILANG—TINDAKAN DIAMBIL

**30. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan yang diambil ke atas kilang-kilang yang mengakibatkan pencemaran dan beberapa buah kilang yang dikenakan hukuman pada tahun ini.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan bagi mengawal pencemaran alam sekitar termasuk pencemaran dari kilang-kilang. Tindakan yang diambil terhadap kilang-kilang yang mencemar dan mengancam alam sekitar termasuklah dengan memberi amaran kompaun dan memberi arahan untuk memberhentikan pelepasan buangan. Di samping itu, tindakan mahkamah juga akan diambil sekiranya pihak kilang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan. Pada tahun ini iaitu sehingga akhir November 1992, sebanyak 1,460 kompaun telah dikenakan terhadap mereka yang melanggar peraturan yang dikuatkuasakan ini dan sebanyak 80 kes telah dibawa ke mahkamah.

## ASEAN—MENUBUHKAN PASARAN BERSAMA

**31. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang hendak menubuhkan pasaran bersama dan Parlimen ASEAN demi menjayakan konsep ASEAN dan menjaga keutuhan ekonomi dan politik negara-negara ASEAN keseluruhannya.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Buat masa ini, belum ada cadangan supaya ASEAN menubuhkan pasaran bersama. Berasaskan perkembangan ekonomi negara-negara ASEAN, pengwujudan Kawasan Dagangan Bebas ASEAN (AFTA) merupakan satu matlamat yang lebih realistik diusahakan bersama.

Begitu juga, tahap perkembangan politik negara-negara ASEAN belum memungkinkan terwujudnya Parlimen ASEAN. Walaupun demikian, Ahli-ahli Parlimen ASEAN bertemu setiap tahun, terakhirnya di Jakarta, September lalu, untuk kali yang Ke-13 dalam rangka Pertubuhan Antara Parlimen ASEAN atau AIPO. Pada keseluruhannya, usaha-usaha kerjasama ASEAN dalam pelbagai bidang yang merangkumi politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, sains dan teknologi, penerangan, perhutanan serta usaha-usaha kerjasama pada peringkat pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dan swasta, telah banyak menyumbang kepada perpaduan dan keutuhan ASEAN sehingga ia dianggap sebagai contoh pertubuhan serantau yang berjaya.

## RUMAH KAMPUNG TRADISIONAL DI PINGGIR BANDARAYA— PEMBAYARAN ASESMEN

**32. Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada rumah-rumah kampung tradisional di pinggir

bandaraya-bandaraya boleh dikecualikan daripada pembayaran asesmen disebabkan infrastruktur yang dapat diberi oleh Majlis Bandaraya tersebut amat terhad.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Soalan yang dikemukakan ini tidak begitu jelas dan tidak dinyatakan sama ada kampung-kampung tradisional di pinggir bandaraya-bandaraya itu termasuk dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya ataupun tidak, maka adalah sukar bagi Kementerian ini untuk memberikan jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, sekiranya kampung-kampung tradisional di pinggir bandaraya yang disebutkan ini termasuk dalam kawasan bandaraya dan majlis tersebut serta mendapat faedah dari segi perkhidmatan bandaran, maka mereka haruslah membayar kadar-kadar tahunan (assessment) tersebut.

Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di bawah Seksyen 127, sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan kadar atau kadar-kadar tahunan dalam sesuatu kawasan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan. Pengenaan kadar tahunan ini adalah bagi tujuan membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan memperuntukkan perkhidmatan-perkhidmatan bandaran seperti pelupusan sampah, mencuci jalan dan longkang. Oleh hal yang demikian, adalah wajar setiap penduduk di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan membayar kadar taksiran tahunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan supaya Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan dapat menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Setiap penduduk di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan boleh membuat aduan dan rayuan kepada Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing sekiranya difikirkan bahawa perkhidmatan yang diperuntukkan kepada mereka tidak memuaskan.

Mengikut peruntukan-peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976, pengecualian atau pengurangan kadar taksiran bagi sesuatu pegangan hanya bagi yang digunakan semata-mata sebagai tempat awam untuk sembahyang, sebagai tanah perkuburan atau krematorium awam yang berlesen, sebagai sekolah awam dan sebagai tempat awam bagi maksud khairat atau bagi maksud sains, sastera atau seni halus yang bukan untuk mendapatkan keuntungan wang.

**KEMALANGAN JALAN  
RAYA—MEMASANG LAMPU  
UNTUK MOTOSIKAL DAN  
PERALATAN PERANGKAP HAD  
LAJU BERKAMERA**

**33. Puan Hajah Habidah binti Jusof** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sejauh manakah berkesannya undang-undang memasang lampu motosikal (di siang hari) untuk mengelakkan kemalangan jalan raya; dan
- (b) adakah kamera yang berada di Lebuhraya Karak-Kuala Lumpur itu beroperasi sepenuhnya sekarang ini. Dan berapa ramaikah yang telah didenda sejak ianya diperkenalkan serta bagaimana pula kadar kemalangan jalan raya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):**

- (a) Peraturan yang mewajibkan penunggang motosikal memasang lampu pada siang hari telah menimbulkan kesedaran orang ramai bahawa penunggang motosikal adalah golongan pengguna jalan raya yang paling terdedah kepada kemalangan di jalan raya.
- (b) Peralatan Perangkap Had Laju berkamera yang dipasang di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak

masih beroperasi sejak bulan April 1991. Dari bulan April 1991 sehingga bulan November 1992, sebanyak 4,292 saman telah dikeluarkan kepada pesalah-pesalah lalulintas jalan raya dan sebanyak RM182,415 telah dipungut.

Mengikut perangkaan bagi tiga (3) bulan pertama tahun 1991 iaitu bulan Januari, Februari dan Mac 1991 (3 bulan sebelum alat tersebut beroperasi), terdapat 239 kemalangan direkodkan yang mana 11 kes melibatkan kemalangan maut dengan 12 kematian, 8 cedera parah, 21 cedera ringan dan melibatkan 415 kenderaan. Manakala 3 bulan kedua tahun 1991 iaitu bulan April, Mei dan Jun 1991, terdapat 177 kemalangan direkodkan, 5 kemalangan maut, 6 kematian, 17 cedera parah, 28 cedera ringan dan melibatkan cuma 320 buah kenderaan sahaja.

**KEBAKARAN DI MENARA  
KAWALAN LAPANGAN  
TERBANG ANTARABANGSA  
SUBANG—KERUGIAN**

**34. Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah kerugian keseluruhannya dari Kerajaan dan pihak awam yang terlibat dalam kebakaran menara Kawalan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada tahun 1992 ini. Pihak manakah yang bertanggungjawab untuk mengganti kerugian itu.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Akibat dari kebakaran di Menara Kawalan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada pertengahan Oktober tahun ini, Kerajaan telah mengalami kerugian kira-kira RM30 juta. Kerugian ini adalah kerana perlunya menggantikan peralatan-peralatan seperti peralatan radar, alat-alat perhubungan dan kerja-kerja membaikpulih menara kawalan. Di samping itu, pihak-pihak

lain seperti Penerbangan Malaysia (MAS) dan pengusaha-pengusaha kedai bebas cukai juga turut mengalami kerugian.

Kerugian yang dialami oleh MAS adalah kira-kira RM20 juta manakala pengusaha-pengusaha kedai bebas cukai telah mengalami pengurangan hasil jualan. Bagi peniaga-peniaga kedai bebas cukai, kerugian yang telah dialami sehingga Oktober 1992 adalah sebanyak RM30.514 juta. Bangunan serta peralatan yang rosak akibat kebakaran adalah bangunan dan peralatan Kerajaan dan oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan menggantikannya.

#### **PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA DAN BELIAWANIS— PERUNTUKAN**

**35. Dato' William Chek Lin Kwai** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk memberikan lebih banyak peruntukan kepada pertubuhan-pertubuhan belia dan beliawanis supaya meningkatkan lagi mutu dalam sukan bola keranjang, bola tampar, ping pong dan sebagainya yang mana Kerajaan masih tidak begitu memberikan perhatian; dan
- (b) berapa banyak peruntukan yang telah diagihkan kepada pertubuhan-pertubuhan belia, khususnya Young Malaysian Movement dan Gerakan Belia Bersatu Malaysia untuk menjayakan lebih banyak aktiviti dan kegiatan yang dianjurkan oleh mereka dalam kegiatan pembangunan negara.

**Datuk Haji Annuar bin Musa:**

- (a) Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan tidak bercadang untuk meningkatkan pemberian

peruntukan kepada pertubuhan-pertubuhan belia dan beliawanis tetapi sebaliknya akan meneruskan pemberian peruntukan seperti mana dilakukan pada tahun-tahun yang sudah bagi maksud untuk menggalakkan dan mempertingkatkan penyertaan belia dan beliawanis dalam kegiatan rekreasi dan sukan, termasuklah sukan bola keranjang, bola tampar dan ping pong. Ini dilakukan bagi mencapai tujuan kesihatan, integrasi dan perpaduan. Manakala ini Kerajaan menggalakkan persatuan-persatuan bola keranjang, bola tampar dan ping pong di peringkat kebangsaan dan negeri untuk berusaha meningkatkan mutu sukan tersebut di kalangan belia dan beliawanis.

- (b) Peruntukan bantuan yang diberikan kepada Persatuan Belia merangkumi 2 jenis bantuan iaitu Bantuan Pentadbiran dan Bantuan Projek. Pemberian bantuan adalah berdasarkan permohonan. Akan tetapi peruntukan adalah terhad manakala permohonan adalah terlalu banyak.

Sehubungan dengan ini, Gerakan Belia Bersatu Malaysia dan Pergerakan Pemuda Malaysia telah menerima RM4,000 untuk bantuan pentadbiran tiap-tiap persatuan dan RM13,300 untuk program-program anjuran persatuan tersebut.

#### **KEWUJUDAN ORDER BARU DUNIA—MASALAH-MASALAH PEPERANGAN**

**36. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan usaha-usaha Malaysia di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam kewujudan Order Baru Dunia dan sama ada 'U.N.' boleh dengan kuasa yang ada padanya menyelesaikan masalah-masalah peperangan seperti di Bosnia dapat

ditamatkan dalam masa yang singkat supaya menyelamatkan lebih ramai rakyat Bosnia yang tidak berdosa.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Kewujudan Order Baru Dunia selepas tamatnya Perang Dingin telah memberi nafas baru kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk memainkan peranan yang lebih mantap sebagai satu badan dunia bagi memenuhi tanggungjawabnya mewujudkan suasana dunia yang selamat, aman dan tenteram. Perubahan keimbangan kuasa dunia berikutan perpecahan Soviet Union telah menggerakkan negara-negara anggota, terutamanya negara dunia ketiga dan negara-negara Eropah memperkukuhkan peranan dan kewibawaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Dalam hubungan ini, Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dan berkesan dalam semua isu-isu penting yang dibicarakan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu termasuk mengemukakan cadangan merombak struktur Majlis Keselamatan PBB, struktur PBB pada amnya, menegakkan pendirian Malaysia dalam isu alam sekitar, isu hak asasi manusia, isu pengawasan persenjataan, isu-isu politik seperti pergolakan di Timur Tengah, masalah Bosnia dan lain-lain. Selain dari itu, Malaysia juga telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan hubungan Selatan-Selatan melalui peranan aktif kita di G15, Kumpulan 77, NAM dan sebagainya.

Kita memegang hakikat bahawa sebarang pembentukan Order Baru Dunia harus memberi peranan yang kukuh dan penting kepada PBB. Sebagai satu badan yang mewakili negara-negara yang berdaulat dan merdeka dari seluruh dunia, adalah perlu bagi negara-negara ahlinya memainkan peranan dalam menentukan matlamat yang termaktub dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dicapai melalui proses yang adil dan saksama.

PBB melalui kepercayaan dan sokongan yang diberikan kepadanya telah berjaya memainkan peranannya dalam membantu menyelesaikan pelbagai masalah-masalah yang telah mencetuskan peperangan di beberapa pelusuk dunia. Keupayaan PBB dalam menyelesaikan masalah-masalah persengketaan yang mencetuskan peperangan adalah bergantung kepada sejauh mana negara anggota dapat memberi sokongan yang padu kepada usaha-usaha PBB untuk mewujudkan kedamaian, baik pun di Bosnia ataupun di mana-mana negara yang menghadapi konflik peperangan.

### KWSP—WANG TIDAK DITUNTUT

**37. Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa jumlah setakat ini wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak dituntut oleh pencarumnya dan apakah sebab utama wang-wang tersebut tidak dituntut.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31hb Ogos, 1992, bilangan ahli yang tidak menuntut simpanan mereka di KWSP ialah seramai 107,704 orang yang mana merupakan 1.7% daripada jumlah pencarum KWSP. Jumlah simpanan mereka adalah sebanyak RM72,635,949.86.

Di antara sebab-sebab pencarum-pencarum ini tidak membuat tuntutan mereka adalah seperti berikut:

- (i) Ahli telah meninggal dunia tanpa membuat penamaan ke atas simpanannya. KWSP tidak dapat mengesan waris ahli ini dan waris ahli ini pula tidak datang ke KWSP untuk memohon simpanan ahli berkenaan;
- (ii) Ahli telah terlupa bahawa beliau mempunyai simpanan di KWSP. Perkara ini terjadi kepada ahli

yang telah berhenti mencarum ke KWSP. KWSP tidak dapat menghubungi ahli ini kerana KWSP tidak mempunyai alamat terbaru mereka;

- (iii) Ahli sengaja tidak mahu mengeluarkan simpanannya kerana ingin menikmati dividen yang tinggi yang diberikan oleh KWSP ke atas simpanan mereka. Perkara ini terjadi kepada mereka yang mempunyai jumlah simpanan yang tinggi di KWSP; dan
- (iv) Ahli beranggapan bahawa simpanannya di KWSP adalah kecil. Oleh itu, mereka tidak mengambil berat terhadap simpanan tersebut dan seterusnya tidak berminat untuk mengeluarkannya.

#### **TANAH-TANAH DI BAWAH KABEL ELEKTRIK BERKUASA TINGGI—BERKEBUN DAN MEMILIKI RUMAH**

**38. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Tenaga Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada pekebun (petani) dibenarkan menanam atau berkebun di tanah-tanah terletak di bawah kabel elektrik yang berkuasa tinggi; dan
- (b) tidakkah perlu bagi Pihak Berkuasa memberi nasihat kepada orang ramai yang memiliki rumah terletak berhampiran dengan kabel elektrik berkuasa tinggi itu.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):**

- (a) Sukacita dimaklumkan bahawa di bawah Seksyen 37(12) (A), Akta Bekalan Elektrik 1990, adalah menjadi kesalahan bagi seseorang,

tanpa kebenaran pemegang lesen, menjalankan apa-apa aktiviti berhampiran dengan pemasangan elektrik, termasuk talian penghantaran. Ini bererti bahawa seorang pekebun boleh menanam atau berkebun di tanah-tanah terletak di bawah kabel elektrik jika:

- (i) mendapat kebenaran pemegang lesen; dan
  - (ii) tananam-tanaman tidak tumbuh melebihi 8 kaki (2.44 meter) supaya tidak mengganggu atau menyebabkan bahaya.
- (b) Kerajaan telahpun mengadakan peruntukan perundangan tertentu demi keselamatan penduduk dan pengguna. Peraturan 24(29) di bawah Peraturan-peraturan Bekalan Elektrik 1990 tidak membenarkan rumah-rumah berada di bawah atau dalam jarak 4.57 meter dari talian elektrik kecuali dengan kebenaran Ketua Pengarah, Jabatan Bekalan Elektrik. TNB juga sering memberi nasihat dari semasa ke semasa kepada orang ramai yang mempunyai rumah terletak berhampiran dengan kabel berkuasa tinggi.

#### **PROGRAM BANTUAN RAKYAT TERMISKIN—PERUNTUKAN**

**39. Tuan Isli bin Haji Siput** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah peruntukan yang telah diberikan kepada Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan Labuan dalam program bantuan rakyat termiskin dan beberapa ramaikah yang telah menerima bantuan ini dan jumlah kewangan yang telah dibelanjakan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Raja Ariffin bin Raja Sulaiman):** Bahagian

Kemajuan Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan telah diberi peruntukan sebanyak RM251,000 dalam tempoh 1990-1992 bagi melaksanakan Program Perumahan di bawah Program Pemulihan Rakyat Termiskin (PPRT) di Wilayah Persekutuan Labuan. Peruntukan ini di salurkan kepada Bahagian Kemajuan Wilayah

Persekutuan Cawangan Labuan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sehingga bulan November 1992, sebanyak RM177,624.90 telah dibelanjakan untuk membina 38 rumah baru dan memperbaiki 18 rumah golongan termiskin.

Pada masa ini, Wilayah Persekutuan Labuan tidak mempunyai Daftar Golongan Termiskin yang lengkap bantuan program golongan termiskin, khususnya program perumahan diberi berasaskan kepada bancia awal yang dijalankan. Satu kajian terperinci bagi mendapatkan bilangan sebenar golongan termiskin sedang dijalankan dan dijangka siap pada akhir bulan Februari 1993. Peruntukan diperolehi sebaik sahaja Daftar Golongan Termiskin yang lengkap dapat disediakan.

#### **SENARAI BARANG KAWALAN DAN HAK-HAK PENGGUNA**

**40. Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) berapa jenislah barang-barang yang disenaraikan oleh Kementerian sebagai barang kawalan dan adakah rancangan Kementerian untuk menambah senarai barangan dan apakah barang-barang yang akan dimasukkan; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian untuk memberikan kesedaran dan

perasaan tanggungjawab para pengguna dalam mengetahui hak-hak mereka selain dari peranan yang dimainkan oleh Persatuan Pengguna.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sebanyak 20 jenis barangan perlu diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan tetap, dan 25 jenis lagi sebagai barang-barang kawalan di musim perayaan dengan tujuan untuk memastikan bekalan barang-barang ini mencukupi dan senang didapati di pasaran dan juga untuk mencegah daripada sebarang aktiviti penyorokan dan penyelewengan.

Buat masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk menambah senarai barang-barang kawalan oleh kerana tidak ada masalah untuk mendapatkan bekalan barang-barang perlu di pasaran. Walau bagaimanapun, perkara ini sentiasa di dalam kajian dan perhatian dan Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya apabila keadaan benar-benar perlu.

- (b) Berbagai program dan aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian untuk meningkatkan kesedaran para pengguna dalam mengetahui tanggungjawab dan hak-hak mereka selain dari peranan yang dimainkan oleh Persatuan-persatuan Pengguna. Antara program dan aktiviti yang berkenaan termasuklah program pendidikan pengguna berupa seminar pendidikan pengguna di peringkat negeri dan daerah, ceramah-ceramah dan penerbitan risalah-risalah kepenggunaan yang

diedar secara percuma kepada masyarakat. Sehubungan dengan itu, Kementerian juga telah menerbitkan buku "Panduan Pengguna" yang ditaja oleh PETRONAS dan telah pun diedarkan kepada sekolah-sekolah dan orang awam. Kementerian juga telah dan akan melaksanakan program Kuiz Pengguna Sekolah-sekolah Menengah di Peringkat Negeri dan Kebangsaan bagi mencapai tujuan yang sama.

Di samping itu, Cawangan-cawangan Kementerian di peringkat negeri dan zon, dengan kerjasama Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri, telah dan akan terus melaksanakan program-program pendidikan pengguna hingga ke peringkat akar umbi dengan matlamat yang sama.

### PERPADUAN DAN KEUTUHAN ASEAN

**41. Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan keyakinan pihak Kerajaan tentang peranan ASEAN sebagai suatu pakatan budaya, ekonomi dan sosial sebagaimana yang diharap selama ini akan terus dihormati demi untuk melahirkan rantau bebas, aman dan berkecuali. Adakah pihak Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula keyakinan dan pendiriannya memandangkan perkembangan di negara jiran yang semacam mencabar dan menunjukkan keangkuhan untuk meletakkan negaranya mempunyai peranan yang sama seperti kewujudan negara Israel di keliling dunia Arab. Sebagai langkah untuk mengelakkan kemungkinan tercetusnya sebarang kancah bahaya yang tidak diinginkan dan demi menyatakan bahawa negara kita sebuah negara yang bermaruah, berdaulat dan tidak seharusnya dicerobohi dari segi jangka pendek dan juga jangka panjang, maka

adakah pihak Kerajaan bercadang untuk bertindak dengan lebih tegas dalam masalah pertikaian mengenai persempadanan dan sebagainya.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Kerajaan tetap yakin akan kewibawaan ASEAN sebagai satu pertubuhan serantau yang mampu meningkatkan kerjasama ekonomi demi kesejahteraan rakyat ASEAN di samping mengeratkan persefahaman sesama negara anggota. ASEAN juga telah melahirkan, di kalangan anggotanya, sikap kejiranan yang terpuji, di mana masalah-masalah yang biasanya wujud di antara negara-negara yang bertetangga, disepakati akan diselesaikan melalui perundingan dan secara damai agar perpaduan dan keutuhan ASEAN tidak terjejas. Kita yakin segala pertikaian mengenai persempadanan dengan negara-negara jiran boleh diselesaikan secara aman menerusi perundingan.

### KAPAL 'NAGASAKI SPIRIT'— TUMPAHAN MINYAK

**42. Dato' K. Vijayanathan** minta Menteri Sains, Teknolgi dan Alam Sekitar menyatakan walaupun tumpahan minyak baru-baru ini dari Kapal 'Nagasaki Spirit' itu kecil tetapi tumpahan minyak di situ telah sampai ke persisiran pantai. Memandangkan keadaan ini, bolehkah beliau memberitahu sama ada Kementerian ini mempunyai kemudahan-kemudahan yang mencukupi untuk mengatasi jika tumpahan minyak yang lebih besar melanda pantai di Malaysia.

**Tuan Peter Chin Fah Kuj:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan ini telah dijawab dalam sidang ini bersama-sama dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Tuan Haji Zainal bin Md. Deros pada 17hb Disember, 1992.

**PEMBANGUNAN PERUSAHAAN  
LUAR BANDAR—TINDAKAN  
BANTUAN GALAKAN**

**43. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah tindakan bantuan galakan yang telah dibuat oleh Kerajaan di dalam membangunkan industri kampung dan kraftangan di negeri Kelantan.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Sebagai langkah untuk menggalakkan pembangunan perusahaan luar bandar di negara ini (termasuk di negeri Kelantan), Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mengadakan suatu dasar sokongan komprehensif yang merangkumi komponen-komponen utama seperti skim bantuan mesin/peralatan, pembangunan usahawan, perkhidmatan pemasaran dan kemudahan infrastruktur. Bagi maksud itu, antara tahun 1986 hingga 1990, sebanyak 207 projek telah diberi bantuan dan galakan di negeri Kelantan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM5,674,865. Di bawah RM6 pula, setakat ini 23 projek telah diluluskan di negeri Kelantan dengan peruntukan bernilai RM1,022,644.

**TUMPAHAN MINYAK KAPAL  
'NAGASAKI SPIRIT'—  
KERUGIAN**

**44. Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membayar semula kos membersihkan tumpahan minyak di pantai negeri Kedah dan kerugian yang dialami oleh mereka yang terlibat akibat tumpahan minyak Kapal 'Nagasaki Spirit' baru-baru ini.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan ini telah dijawab dalam sidang

ini bersama-sama dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Tuan Haji Zainal bin Md. Deros pada 17hb Disember 1992.

**BENGGKEL-BENGGKEL  
MEMBAIKI KERETA REMUK**

**45. Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar bahawa bengkel-bengkel membaiki kereta sekarang lebih gemar untuk menyambung bahagian-bahagian kereta yang remuk di dalam kemalangan dengan membeli bahagian itu di kedai-kedai yang mengimport bahagian-bahagian kereta di negara luar; dan
- (b) adakah tindakan menyambung kereta seperti itu menyalahi daripada undang-undang dan sejauh manakah ketahanan kereta yang disambung itu.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** .

- (a) Kementerian Pengangkutan memang sedar bahawa ada bengkel-bengkel yang boleh membaiki kereta-kereta remuk dengan cara memotong bahagian yang hancur dan disambung dengan bahagian kereta yang baru.
- (b) Tindakan menyambung kereta seperti ini tidaklah salah dari segi undang-undang sekiranya penyambungan ini adalah dihadkan hanya kepada bahagian-bahagian luar kenderaan dan bahagian-bahagian yang tidak kritikal seperti dinding, pintu, cermin dan seumpamanya, dengan syarat ianya tidak lari daripada spesifikasi asal, dan tidak memberi kesan kepada kestabilan kenderaan berkenaan. Sekiranya penyambungan tersebut meliputi

casis atau rangka kereta yang mempunyai identitinya tersendiri maka tindakan ini adalah salah dari segi undang-undang.

#### KEMALANGAN KERETA— PERANGKAAAN

**46. Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan daripada kemalangan jalan raya yang dilaporkan di negara ini, berapa peratuskah yang melibatkan kereta-kereta yang berusia lebih 15 tahun dan berapa kes yang melibatkan kereta-kereta yang berusia kurang daripada 5 tahun daripada tarikh pendaftaran.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Sebelum tahun 1992, perangkaan kemalangan kereta mengikut umur tidak dikategorikan. Dengan itu, perangkaan terkumpul mengikut kategori tersebut yang ada setakat ini ialah bagi bulan Januari 1992 hingga April 1992.

Bagi tempoh ini, jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan kereta ialah 2,618. Dari jumlah tersebut, sebanyak 191 buah atau 7.3% melibatkan kereta yang berusia lebih daripada 15 tahun. Manakala jumlah kemalangan bagi kereta yang berusia kurang daripada 5 tahun ialah 1,332 iaitu 50.9%

#### AGENSI PELANCONGAN NEGARA—MAKLUMAT- MAKLUMAT

**47. Datuk Ng Peng Hay** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) benarkah seperti yang dikatakan bahawa maklumat yang dimiliki oleh agensi pelancongan negara kita di luar negeri tidak kemaskini (up-to-date); dan
- (b) apakah dorongan yang diberikan oleh Kementerian kepada

syarikat-syarikat pelancongan untuk melatih pemandu pelancongan yang lebih mahir dan peka kepada geografi alam semula jadi serta kebudayaan penduduk negara ini.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:**

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, agensi pelancongan negara kita sentiasa memperolehi maklumat-maklumat terperinci yang berhubung dengan produk-produk pelancong, tarif penginapan dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan pelancongan.
- (b) Kementerian melalui Akta Industri Pelancongan 1992 menganjurkan sebanyak lima Kursus Latihan Asas Pemandu Pelancong setiap tahun yang diadakan di Kuala Lumpur dan di negeri-negeri lain termasuk di Sabah dan Sarawak.

Di antara "syllabus" yang terdapat di dalam kursus termasuk Ilmu Alam, Sejarah Malaysia, Sistem Pentadbiran Kerajaan, Kebudayaan, Ekonomi Negara dan Etika Seorang Pemandu Pelancong.

Peserta kursus ini akan menyertai program lawatan secara praktikal di sekitar bandar dan selama tiga hari ke tempat-tempat menarik yang selalu digemari oleh pelancong-pelancong asing.

#### PENJUALAN BAHAN KIMIA ACETYLIN DAN ANHDRIDE— UNDANG-UNDANG

**48. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan undang-undang bagi membolehkan sekatan terhadap penjualan bahan kimia acetylin dan anhydride dan dijual secara meluas kerana didapati boleh dijadikan bahan campuran membuat heroin bermutu tinggi.

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:** Acetic anhydride, acetyl chloride dan acetyl bromide adalah bahan-bahan "acetylating" yang digunakan dalam pengilangan dadah heroin.

Bahan-bahan ini dikawalkan dengan ketatnya oleh Kerajaan, di mana setiap pengimportan adalah tertakluk kepada Lesen Import yang dikehendaki di bawah Akta Kastam 1967. Lesen ini dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dengan kuasa yang diamanahkan.

Tambahan kepada kawalan itu, Lesen Import hanya diberi kepada seorang pemegang Lesen Racun selepas tujuan pengimportan dan penggunaan bahan-bahan "acetylating" telah disahkan dengan sepenuhnya. Lesen Racun ini dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan juga di bawah Akta Racun 1952.

Pada tahun 1991 dan tahun ini sehingga bulan November, 6 dan 5 Lesen Import masing-masing telah dikeluarkan. Tujuan pengimportan adalah untuk kegunaan dalam makmal analisa atau penyelidikan.

Di bawah Akta Racun, seseorang yang mempunyai bahan-bahan ini tanpa lesen atau kuasa atau untuk tujuan yang tidak sah, akan dipenjarakan selama 3 hingga 14 tahun termasuk hukuman sekurang-kurangnya 6 sebatan rotan.

#### **HOSPITAL JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI DI GOMBAK SELANGOR— PERKHIDMATAN**

**49. Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah peranan Kementerian terhadap Hospital Jabatan Hal Ehwai Orang Asli di Gombak Selangor dari segi pentadbiran, pengawasan dan lain-lain perkhidmatan.

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:** Hospital Jabatan Hal Ehwai Orang Asli

di Gombak, Selangor Darul Ehsan ini diletakkan di bawah pengawasan Jabatan Hal Ehwai Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Oleh yang demikian, Jabatan berkenaan adalah bertanggungjawab dari segi pentadbiran dan pengawasan serta perkhidmatan-perkhidmatan di hospital ini. Kementerian Kesihatan hanya berperanan menyediakan dan menempatkan jawatan-jawatan kader perubatan untuk berkhidmat di hospital ini. Di samping itu, Hospital Besar Kuala Lumpur menyediakan perkhidmatan rawatan kepada kes-kes yang dirujuk kepada Hospital Jabatan Hal Ehwai Orang Asli ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1993**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (22hb Disember 1992)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah menyambung ucapannya.

*3.36 ptg.*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian patutlah berfikir serius sekarang untuk mengubah cara pertanian di peringkat rakyat di luar bandar supaya menjadi petani moden yang mendapat penghidupan yang baik supaya semua anak-anak muda tidak bersepeh mencari penghidupan yang tidak tentu di dalam bandar.

Jadi, kalau sekiranya masalah petani ini dapat dijadikan petani moden yang

mendapat hasil yang banyak seperti di negeri Jepun, tentulah anak-anak muda itu kekal bekerja di kampung dan hasilnya akan didapati setaraf dengan penuntut-penuntut universiti.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Maksud B.26 - Kementerian Pendidikan yang mendapat peruntukan yang terbanyak, sebanyak RM7,286,249,000 hendaklah menambah dalam usaha mengemaskinikan lagi perpustakaan di sekolah-sekolah menengah.

Pada masa sekarang, kita melihat sekolah-sekolah menengah sentiasa tidak cukup, buku-bukunya yang ada dalam perpustakaan, Pengetua dan Guru-gurunya juga Pengerusi-pengerusi PIBG sentiasa sahaja memohon bantuan daripada Wakil-wakil Rakyat sama ada Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli EXCO, Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara untuk membantu perpustakaan mereka.

Sekiranya peruntukan yang begini banyak dikaji selidik, perpustakaan setiap sekolah menengah dapat diberi bantuan yang hebat, tentulah sekolah menengah itu cukup buku-buku untuk menjadi bahan penyelidikan kepada penuntut-penuntut dan guru-guru.

Dalam bidang pendidikan juga sekarang Kerajaan terpaksa menghantar penuntut keluar negeri kerana belajar di dalam bidang-bidang yang tertentu untuk memajukan negara kita. Kita berharap Kementerian Pendidikan dapat membanyakkan lagi tempat pelajar-pelajar yang boleh diadakan di universiti dalam negeri ini kerana apabila mereka belajar di luar negeri, Kementerian terpaksa berbelanja banyak dan tidak dapat menjamin keselamatan bagi penuntut-penuntut itu. Kita pun banyak mendengar berita bahawa penuntut-penuntut luar negeri telah disabotaj, dibakar dan ada yang kena accident. Jadi, kalau di dalam negeri ini, kita dapat mengawal segala keselamatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai maksud B.34—Kementerian Kesihatan mendapat RM1,932,917,800. Usaha Kementerian Kesihatan dalam menghapuskan penyakit AIDS—menurut Kementerian Kesihatan, punca datangnya penyakit AIDS ini ialah ada daripada pelacur menghisap dadah, homoseksual, gigolo dan segala anasir maksiat yang bertebaran di bandar-bandar. Jadi, kita lihat dalam usaha Kementerian ini pula membanteras segala kerja-kerja maksiat, pelacuran dan juga penagih dadah ini, saya rasa kurang berkesan kerana tindakan-tindakan yang dibuat itu sangat memanjakan mereka yang menjalankan kerja-kerja maksiat.

Jadi, kita melihat bahawa kalau mereka itu kena AIDS dibela, dijaga, kemudiannya dimasukkan ke dalam TV supaya meng-insafi dan lain-lain. Kemudian apabila mereka melacur—satu kerja yang maksiat—dikelaskan mereka ini pelacur yang baik, pelacur yang sederhana, pelacur yang kucing kurap. Kemudian mereka ini diminta supaya memakan ubat. Apatah lagi kalau mereka yang ingin mendapatkan khidmat pelacuran supaya jangan terkena apa-apa, Kementerian pula menggalakkan pakai kondom. Semua perkara-perkara ini tidak akan memberi kesan melainkan saya rasa untuk menghapuskan maksiat, marilah kita kembali kepada undang-undang Allah Subhanahu Wataala dan membanterasnya dengan keras supaya rakyat takut melakukannya.

Kementerian juga selalu mencadangkan supaya murid-murid sekolah diajar pelajaran seks. Baiklah rancangan ini dibatalkan. Apabila kita mengajar seks kepada kanak-kanak sekolah, penuntut-penuntut kita akan menjadi penuntut di Amerika. Dia sudah dapat pelajaran, dia hendak mencuba. Jadi, dia mencuba, timbullah anak-anak haram yang lahir di kalangan penuntut-penuntut kita. Kita rasa pendidikan seks ini pada masa yang lalu tidak pernah diajar di sekolah. Saya pergi sekolah dulu, isteri saya bersekolah pun tidak dapat pelajaran seks bahkan apabila kita hendak berkahwin, takut.

Dia hendak disatukan pada malam hari, semuanya menggigil. (*Ketawa*) Yang lelaki pun menggigil yang perempuan menggigil. Tak pernah tahu apa benda yang hendak dibuat. (*Ketawa*) Tak pernah ada buku yang diberi baca. cuma sedikit-sedikit diajar oleh bapa. Tetapi mereka yang tidak mendapat pendidikan seks di sekolah itu, berkahwin aman damai. Pandai pun apabila telah dikahwinkan. Kemudian beranak begitu banyak, bercucu begitu banyak. (*Ketawa*) Tetapi mereka sekarang, walaupun tidak dapat pendidikan seks di sekolah tetapi dapat melalui radio, akhbar-akhbar dan juga majalah-majalah malangnya pada hari ini kahwin, besok pagi bercerai, menyemakkan sahaja di mahkamah-mahkamah syariah.

Kemudian, saya suka juga mengambil perbualan mengenai Maksud B.44—Kementerian Penerangan. Kementerian Penerangan ini selalu saya tegur agaknya ia marah. Tetapi akhir-akhirnya bila tidak ditegur sekarang, gambar saya keluar di TV. Hari ini, saya suka sedikit sahaja menegur Kementerian Penerangan dalam penyiaran TV. TV ini ada TV1, TV2 dan TV3, mungkin ada TV4. TV ini apabila buat siaran di dalam rancangannya pada setiap hari, kalau cerita yang baik disiarkan, TV1 pun cerita yang baik. TV2 pun cerita baik serentak dengan masanya. TV3 pun cerita yang baik. Jadi, ada orang kampung terpaksa beli tiga TV! Berlari ke sana, tengok sini. Tengok mana cerita baik, ke sana tengok. Bila ada iklan, tengok sana. Tetapi ada hari-harinya semua tidak baik. Cerita-cerita yang mencecer sahaja sampai melemahkan otak.

Kadang-kadang siarannya terlalu banyak—hari ini sukan, sukan sahaja, macam malam tadi. Malam tadi, berita TV1 mengeluarkan sukan snooker. Hendak ajar rakyat main snooker. Siapa yang hendak main snooker di Malaysia ini, jadi berjam-jam main snooker—membuang masa. Kemudian TV3, tayangan main bola, kalau ada yang ingin main bola. TV2—menunjukkan pula hero di Amerika yang masuk dalam Perang Vietnam, yang menjajah negara-negara orang. Jadi, kita tidak hendak memuja

hero daripada Amerika. Apa salahnya kalau ruangan hero itu digantikan dengan wira Malaysia? Macam riwayat Ahli Dewan Negara, Yang Berhormat Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth. Macam mana dulu, dia memerangi komunis di Sarawak. Turun sahaja dari kapal terbang, komunis melambakkan dan memuntahkan segala butir-butir peluru yang hampir memakan dirinya tetapi dia selamat hidup sekarang. Jadi, tukarlah fikiran.

Begitu juga apabila siaran hari Jumaat, TV1 cerita Arab pun sedap. cerita Hindustan pun sedap. Cerita Melayu pun ada yang sedap. Jadi, macam mana kita tengok, tayanglah misalannya, hari Jumaat—cerita Arab. Hindustan—hari Sabtu. Kemudian hari Ahad, tayanglah cerita drama Melayu yang baik. Jadi, dapatlah kita mengikut cerita-cerita itu dengan betul.

Satu sahaja yang saya puji selalu juga pada hari Sabtu ditayangkan cerita-cerita Tamil. Cerita Tamil, kalau kita tengok seronok juga kerana menunjukkan kesucian, kewibawaan anak kepada ibunya dan ketaatannya kepada agama. Tetapi satu perkara yang tidak begitu elok dalam cerita Tamil ini ialah orang jahat itu betul-betul hendak dibunuh tetapi dia tidak bunuh. Akhirnya, wira itu terbunuh. Jadi, carilah cerita-cerita yang patut. Bila watak jahat mesti dibunuh dan supaya jangan diampunkan.

Maksud B.50—Kementerian Perusahaan Awam. Kementerian Perusahaan Awam ini sekarang menerima permohonan permit-permit untuk mendapat lori, bas, bas ekspres, bas sekolah, bas pelancong dan teksi. Kita melihat di Kementerian ini, permohonan ini selalu lambat diproses. Cuma apabila ada satu sindiket besar berkehendakkan teksi, berkehendakkan ada bukti, berkehendakkan bas sekolah, berkehendakkan bas ekspres, lori-lori pengangkut tanah dan lain-lain, mereka ini segera dapat. Tetapi bila rakyat jelata

meminta sebuah teksi sahaja, yang memang punca kehidupannya atau untuk mencari makan, surat-surat tidak berjawab. Ada bukti di tangan saya—malangnya sehingga dua tahun. Jawablah, kata “Saya telah terima surat”, cukuplah. Jadi, apa salahnya diproses! Kalau tidak dapat, jawablah tidak dapat. Kalau tidak beri pun, katalah tidak beri. Kalau beri pun, panggillah temuduga. Jawapan haram pun tidak ada. Jadi, saya minta supaya Kementerian Perusahaan Awam berfikir lebih dalam untuk mencari jalan memproses segala permohonan mereka ini, diberi jawapan dengan serta-merta.

Kementerian Perusahaan Awam juga bertanggungjawab berkenaan dengan MARA. Jadi, MARA ini akhir-akhir ini kita tengok selalu membazir, pergi membeli saham-saham yang tidak memberi guna kepada rakyat. Sepatutnya dasarnya memberi pertolongan kepada bumiputera di luar bandar. Jadi, bumiputera di luar bandar yang membuka gerai-gerai kecil sekarang, sudah ditawan oleh ceti-ceti haram—ceti ini bukan orang India, orang Cina yang banyak sekarang. Jadi, oleh sebab tidak mendapat pembelaan daripada MARA, dasar hendak meminjam wang MARA sebanyak RM5,000 lebih susah daripada meminjam dengan bank. Macam-macam dia tanya, sedangkan orang yang berkuasa dalam MARA, mengatakan kalau hendak pinjam RM5,000 ini, bagi saja RM5,000 dengan tidak payah jaminan. Tetapi apabila mereka pergi ke pejabat MARA, mereka terpaksa menghadapi berbagai-bagai soalan sehingga meletihkan, akhirnya baliklah bumiputera itu ke gerainya. Besok datang ceti haram, “kau kalau susah, ambillah duit ini RM1,000; tulis RM1,300 dan bayar selama 100 hari dengan bayaran RM13.00 sehari”. Dia pun ambil pinjaman daripada dua sindiket, bayar RM26.00 sehari. Mereka itu bila berniaga satu hari untung RM7.00; membayar kepada ceti haram sebanyak RM26.00. Akhirnya, gerai dia tutup dan

lari lintang-pukang, sembunyi apabila ceti haram itu datang ke gerai masing-masing.

Kemudian berkenaan dengan Kementerian Kerja Raya. Kita dapat memerhati malam tadi bahawa Menteri Kerja Raya telah mengisytiharkan bahawa Kerajaan meluluskan kenaikan harga tol. Kita bayar tol ini kerana kita hendak kemudahan jalan raya. Tetapi lebuhraya yang dibuat sekarang tidak sama seperti yang Jepun buat pada permulaannya.

Lebuhraya dari Kuala Lumpur ke Melaka pada masa yang lalu rata dan cantik seperti papan ini, boleh kita berjalan dengan senang, 1 jam 15 minit sampai ke Tol Air Keruh. Tetapi tol sekarang apabila dibaiki, menyeksa dan mengazab-sengsarakan kita. Dikepung dengan plastik warna merah sehingga kita tidak dapat berjalan dengan cepat, dari Kuala Lumpur balik ke Melaka lewat hingga 2 jam lebih. Kemudian yang dibaikinya itu pula, mendatangkan satu bibir tebal. Ertinya dulu lurus seperti ini dan sekarang ada pula ditebalkan sedikit sebelah besi menyebabkan apabila kita melarikan kereta, kita akan menemui kemalangan. Jadi, saya harap supaya Kementerian dapat melihat PLUS membuat lebuhraya ini dan membaiki lebuhraya dengan lebih sempurna daripada yang dibuat oleh Jepun pada masa yang lalu.

Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Dari Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini selalu memberitahu rakyat bahawa di kawasan-kawasan luar bandar sudah disiapkan tenaga elektrik, telefon telahpun berjalan dengan baik. Tetapi dari permulaan saya di dalam Dewan Negara ini, saya telah mengemukakan soalan mengenai kawasan-kawasan FELDA, dapat jawapan mengatakan sedang dalam proses memasukkan tetapi hari ini sehingga dua tahun saya duduk di dalam Dewan Negara, tidak ada dimasukkan kemudahan bekalan telekom

ke kawasan-kawasan FELDA sahaja, Yang Berhormat saudara Rahim Baba akan mengatakan FELDA Bukit Bulat, Lenggong Hutan Perca. Memang itulah kawasan yang belum dimasukkan perkhidmatan telekom.

Kemudian berkenaan dengan tenaga elektrik ini, saya rasa kita telah digemparkan dengan seluruh kekuatan kita, kita dapat melihat bahawa rakyat seluruh negara dahulu telah bergelap kerana kerosakan elektrik. Jadi, apabila kita menyelidiki; dikatakan bahawa elektrik itu dihentam oleh petir. Jadi, kalau petir memukul elektrik ini, memang ada tenaganya yang boleh dipercepatkan permukaan switch supaya kegelapan itu terang semula. Perkakas itu tidak dipasang pada masa yang lalu, jadi sekarang baru dia hendak cari alat-alat itu untuk memasangnya. Jadi, kalau yang pertama berlaku di seluruh negara, baik juga negara-negara lain tidak berrniat jahat untuk menyerang negara kita. Mudah-mudahan pada masa yang akan datang, tidak berlaku lagi. Kali yang pertama itu cukuplah. Kalau kali yang kedua bergelap, bos kita di Tenaga Elektrik ini terpaksa ditukar kepada bos yang lebih "terang" daripada yang ada hari ini.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kementerian ini biasanya memberikan kemudahan dan kelengkapan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Jadi, apabila bercakap di dalam kempen-kempen, kita selalu mengatakan telah melengkapkan kemudahan asas di kawasan-kawasan luar bandar seperti jalan raya, api, air, elektrik dan juga telefon, tempat-tempat kita, luar bandar sebenarnya belum sampai 70% ada kemudahan berkenaan dengan jalan-jalan, api, air, telefon dan rumah-rumah ibadat. Jadi, kita melihat seluruh kawasan dalam bandar, tiap-tiap bandar besar di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Ipoh, Pulau Pinang dan Melaka diperbesarkan, dipercantikkan dan dipermodenkan sehingga orang-orang

luar bandar bila turun ke Melaka merasa irihati. Sedangkan dalam bandar, apabila kita cantikkan, mewahkan, DAP akan menang, kerana itu DAP mengatakan, "Apa sahaja Kerajaan buat, kita menang—kalau hendak menang, mestilah undi DAP kerana dengan mengundi DAP, bandar kita akan jadi cantik, Barisan Nasional akan takut". Jadi, saya harap supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar mempercepatkan kemudahan asas yang masih belum selesai di luar bandar mengenai jalan, api, air, telefon dan rumah-rumah ibadat.

Maka dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong Rang Undang-undang yang bernama satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan wang yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Ng Peng Hay. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta semua Ahli-ahli yang ingin bercakap untuk menghadkan ucapan masing-masing selama 15 minit sebab nampaknya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap. Sila.

*3.57 ptg.*

**Datuk Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya bangun untuk memohon izin supaya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1993 dan saya terus menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1993 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Belanjawan 1993 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 30 Oktober 1992 telah memenuhi semua aspek kepentingan negara dan tidak membebankan mana-

mana pihak. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas ketelitiannya secara keseluruhan menampakkan satu peningkatan yang cerah kepada perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh ke arah matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan ekonomi negara keseluruhannya memberi satu galakan yang memberangsangkan kepada perkembangan yang pesat kedudukan ekonomi di negeri-negeri di Malaysia. Di negeri Melaka khasnya peningkatan yang nyata dari 7.3% dalam tahun 1990 kepada 8.5% dalam tahun 1991. Perkembangan yang pesat melibatkan secara langsung dalam sektor perindustrian dan pelancongan.

Di samping pertumbuhan sektor ekonomi yang pesat, Melaka juga mengalami peningkatan pendudukan yang mendorong Kerajaan negeri lebih committed, dengan izin, untuk menangani sebarang masalah rakyat untuk memenuhi permintaan terhadap kemudahan sukan dan riadah. Sedangkan kemudahan yang ada amat terhad.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud B.17—Kementerian Belia dan Sukan saya suka menimbulkan bahawa Kerajaan negeri Melaka telah menyediakan seluas 82.6 ekar tanah di kawasan Air Kroh untuk membina sebuah kompleks sukan yang lengkap. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, pada masa ini negeri Melaka hanya mempunyai sebuah stadium bola sepak, sebuah dewan badminton, sebuah kolam renang dan sebuah kompleks tenis yang baru di Kompleks Sukan Air Kroh. Di samping padang-padang dan gelanggang-gelanggang kecil yang terdapat di daerah-daerah, kedudukan stadium dan gelanggang yang sedia adalah berselerak di kawasan bandar, terletak di atas tanah yang sempit dan tidak mempunyai ruang

untuk pembesaran. Selain daripada stadium dan gelanggang yang sedia ada, padang-padang dan gelanggang-gelanggang di sekolah-sekolah seringkali digunakan untuk memenuhi permintaan kedudukan sukan tersebut.

Bagi menampung permintaan yang meningkat ini, Kerajaan negeri telah menyediakan tanah seluas 82.6 ekar di Air Kroh untuk membina sebuah kompleks sukan yang akan menempatkan semua kemudahan sukan termasuk penginapan dan sebahagian besar daripada kerja-kerja tanah telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri Melaka dan kerja-kerja tanah telah pun siap dan hanya memerlukan peruntukan untuk melaksanakan projek kompleks sukan. Oleh yang demikian, saya bagi pihak semua rakyat negeri Melaka merayu kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan supaya mempertimbangkan semula untuk mendapat satu peruntukan bagi Melaka melaksanakan projek kompleks sukan, yang mana projek kompleks sukan ini memerlukan lebih kurang RM85.5 juta dan dalam Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, maka saya mendapati bahawa perbelanjaan Kementerian Belia dan Sukan bagi projek kompleks sukan Air Kroh negeri Melaka yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Melaka pada tahun depan hanya mendapat satu token vote, iaitu \$10.00 sahaja. Dengan ini, saya sekali lagi berharap supaya Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan akan dapat memberi pertimbangan yang wajar di atas rayuan ini kerana kami berharap sekiranya kompleks sukan ini siap sebelum tahun 1998, maka kemungkinan Melaka dapat menyertai dalam menyediakan kemudahan bagi Sukan Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin menyebut satu perkara, iaitu di bawah Maksud B.7—Jabatan Perdana Menteri. Melaka kini sedang mengadakan sebuah Dewan Undangan Negeri yang

terletak di dalam kawasan pelancongan dan bangunan Dewan Undangan Negeri yang uzur sedang ditempatkan di kawasan zon muzium sejarah, dan kini Dewan Undangan Negeri yang sedia ada cuma hanya boleh menampung 20 orang Wakil Rakyat dalam ruangan Dewan Undangan Negeri dan bangunan yang sedang digunakan untuk tempat persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka ini telah dibina sejak merdeka, iaitu sejak tahun 1957 dan kini Dewan ini telah beberapa kali dibuat renovasi dan Kerajaan telah membelanjakan beratus-ratus ribu ringgit untuk membesarkan ruangan Dewan Undangan Negeri Melaka, tetapi oleh kerana ruangan bangunan ini terhad, maka ia tidak dapat diperbesarkan lagi.

Baru-baru ini Kerajaan ataupun Parlimen telah bersetuju membuat semula kawasan pilihanraya dan Kerajaan Negeri Melaka juga telah memberi persetujuannya dalam persidangan Dewan Undangan Negeri. Melaka kini telah mempunyai 20 kawasan Dewan Undangan Negeri dan di masa yang akan datang akan ditambah kepada 25 kawasan. Memandangkan pertambahan 5 kawasan Dewan Undangan Negeri ini, maka ruang Dewan yang sedia ada tidak mencukupi dan oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Melaka telah mengemukakan satu memorandum ataupun rayuan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan pinjaman sebanyak RM47 juta. Oleh yang demikian, saya sebagai seorang Wakil dari negeri Melaka dan bagi pihak seluruh rakyat negeri Melaka dan Kerajaan Melaka, maka saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga kepada Kerajaan Persekutuan supaya mempertimbangkan pinjaman yang telah dicadangkan oleh Kerajaan negeri Melaka iaitu sejumlah RM47 juta untuk negeri Melaka melaksanakan Dewan Undangan Negeri yang amat penting dan sebagai satu pusat ataupun pejabat atau bangunan yang penting untuk menguruskan segala urusan Kerajaan di negeri Melaka.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa cadangan untuk membina Dewan Undangan Negeri akan juga termasuk bangunan untuk Pejabat Tuan Yang di-Pertua Negeri Melaka dan juga Pejabat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan lain-lain Jabatan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, sebagai satu bangunan yang penting untuk menguruskan urusan Kerajaan Negeri Melaka, maka saya berharap permohonan pinjaman sebanyak RM47 juta ini akan dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya suka mengemukakan satu perkara di bawah Maksud B.37, iaitu berkenaan dengan Jabatan Imigresen. Seperti yang kita maklum, kalau mengikut rekod yang saya dapati dan yang saya perolehi daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian iaitu mengenai MIDA, semenjak tahun 1986 sehingga bulan Oktober, 1992, kita telah mendapat sebanyak 892 projek perindustrian daripada Taiwan yang telah diluluskan oleh pihak MIDA di mana pelabur-pelabur Taiwan telah mencadangkan 892 projek untuk dilaburkan di Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM14.5 bilion dan dengan angka yang saya sebut tadi, sehingga kini, dalam tempoh 6 tahun negara kita telah mendapat pelaburan asing yang terbanyak, iaitu daripada Taiwan. Kedua ialah daripada Jepun.

Kini masih ramai lagi pelabur-pelabur Taiwan yang berminat untuk datang ke Malaysia, walaupun kini Malaysia sedang bersaing dengan negara-negara jiran, khususnya, P.R. China dan Vietnam. Baru-baru ini saya telah terbaca dalam satu laporan bahawa negeri China sedang bersaing dengan Malaysia di mana negeri China telah membenarkan pelabur-pelabur asing yang membuat kilang mereka di negeri China telah dibenarkan menjualkan barangan pengeluaran mereka sebanyak

30% dalam pasaran tempatan di dalam negeri China. Baru-baru ini pihak Vietnam telah membuat satu rombongan besar-besaran ke Taiwan untuk menarik lebih ramai pelabur Taiwan ke Vietnam dan pihak Vietnam telah pun melonggarkan syarat-syarat pelaburan dan syarat-syarat Imigresen yang mana seseorang pelabur asing boleh duduk di Vietnam. Ini adalah beberapa syarat tertentu yang dikenakan oleh negara jiran kita yang sedang bersaing dengan Malaysia.

Di dalam Dewan ini saya ingin menyebutkan berkenaan dengan Jabatan Imigresen kerana saya telah mendapat aduan daripada pelabur-pelabur dan pelancong-pelancong dari Taiwan yang mana kini mereka menghadapi satu kerumitan dan kesukaran untuk memohon visa bagi melawat Malaysia. Seseorang pelabur Taiwan atau seseorang pelancong dari Taiwan yang ingin datang melawat ke Malaysia, mereka perlu memohon satu visa iaitu document in lieu, dengan izin, ataupun dokumen sebagai ganti passport.

Saya difahamkan baru-baru ini di Taiwan yang mana pejabat wakil kita iaitu Malaysian Frienship Trading Centre, dengan izin, yang menerima permohonan dari seseorang pelabur ataupun pelancong Taiwan yang datang ke Malaysia dan saya difahamkan bahawa pejabat kita di sana telah mengadakan satu syarat yang baru yang mana seseorang yang datang melawat ke Malaysia hanya boleh mengemukakan permohonan mereka 7 hari sebelum mereka bertolak ke Malaysia dan ini telah menjadikan satu kerumitan, kesukaran untuk seseorang datang ke Malaysia khususnya rakyat dari Taiwan.

Saya tidak faham kenapa pihak wakil kita di Taiwan mengadakan syarat yang demikian. Kemungkinan kajian atau maklumbalas yang saya dapat, kerana apa yang saya dapat dari penjelasan seorang pegawai daripada Imigresen di Taiwan, alasan yang diberi ialah kerana

tiap-tiap hari, lebih kurang 1,000 orang pemohon daripada Taiwan ataupun lebih kurang 1,000 orang Taiwan yang minat dan datang mengemukakan permohonan mereka untuk mendapatkan visa untuk melawat ke Malaysia.

Kalau kerana kekurangan kakitangan Jabatan Imigresen di Taiwan, saya mencadangkan Jabatan Imigresen harus membuat kajian dan menambah kakitangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi dan apa yang menghairankan saya ialah, ada pegawai yang beri penjelasan kepada saya, yang mana saya pernah telefon kepada President Malaysian Frienship Trading Centre iaitu Dato' Syed Mansor. Beliau menjelaskan ada ketika yang mana Jabatan Imigresen Malaysia kekurangan buku dokumen sebagai ganti passport. Ini satu kenyataan yang saya dapat dari waktu kita di Taiwan. Yang mengejutkan saya ialah kalau kita kekurangan buku visa itu, kenapa kita tidak cetak banyak-banyak kerana ramai lagi yang berminat untuk datang melawat ke Malaysia. Yang datang ini akan membawa keuntungan untuk kita. Yang datang ini akan membawa duit untuk melabur di sini dan akan membelanjakan duit mereka semasa lawatan ke Malaysia.

Oleh yang demikian, saya berharap Jabatan Imigresen Malaysia mengambil satu tindakan segera untuk mengatasi masalah ini kerana negara jiran kita seperti Indonesia, Thailand dan lain-lain, mereka tidak perlu mengeluarkan visa kepada pelabur-pelabur, pelancong-pelancong Taiwan yang datang melawat ke negara mereka dan kenapa negara kita masih memerlukan visa. Kalau kita memerlukan visa, pelabur-pelabur Taiwan tidak ada halangan. Tetapi cuba tanya Imigresen, wakil kita yang berada di Taiwan, sepatutnya meningkatkan kecekapan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kami perlu meningkatkan lagi ataupun memperbaiki buku visa yang sedia ada

pada masa kini yang dikeluarkan untuk pelancong-pelancong, pelawat-pelawat Taiwan yang mana buku visa ataupun dokumen sebagai ganti pasport ini hanya 5 muka surat sahaja dan saya difahamkan 5 muka surat yang ada itu, apabila dicop dengan visa ataupun cop Imigresen untuk mereka masuk ke Malaysia, ia hanya tinggal 3 muka surat untuk seseorang pelancong dari Taiwan untuk digunakan di Malaysia dan kerana pelabur-pelabur Taiwan yang berada di Malaysia kini, beribu-ribu orang yang telah seringkali keluar ke Malaysia dengan multiple visa, dengan izin, maka buku visa ataupun dokumen sebagai ganti pasport itu tidak mencukupi untuk digunakan tempoh lebih kurang 3 bulan sahaja. Mereka perlu menukarkan buku atau dokumen baru.

Oleh yang demikian, saya berharap Jabatan Imigresen akan dapat mengambil satu tindakan yang segera bagi mengatasi masalah ataupun aduan yang didapati bahawa buku ataupun dokumen sebagai ganti pasport ini adalah nipis sangat dan adakah cara lain boleh diatasi? Saya berharap Jabatan Imigresen akan membuat satu penjelasan dan satu tindakan yang lebih wajar untuk mengatasi apa yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Jabatan Imigresen yang telah mengadakan masalah kepada pelabur-pelabur yang berpotensi dari Taiwan, saya juga suka menarik perhatian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di bawah Maksud B.20, iaitu kami berharap sekiranya Investment Guarantee Agreement (IGA), dengan izin, yang telah dicadangkan dan telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri baru-baru ini ditandatangani dengan pihak Taiwan.

Saya sebut demikian, kerana sebagai seorang yang sedang mempromote Malaysia sebagai satu destinasi pelaburan, kami telah beberapa kali mendapat soalan

ataupun pertanyaan daripada pihak Taiwan yang mana Malaysia telah bersetuju secara dasarnya dengan pihak Kerajaan Taiwan untuk menandatangani IGA dan kalau sekiranya IGA ini dapat ditandatangani dengan segera, maka kemungkinan kita akan dapat lebih ramai lagi pelaburan dari Taiwan khususnya, dengan izin, China Steel dari Taiwan ragu-ragu untuk mengadakan pelaburan di Malaysia ataupun di negeri China. Satu daripada sebab mereka ragu-ragu dan tidak membuat keputusan ialah kerana IGA, dengan izin, tidak ditandatangani di antara Malaysia dan Taiwan dan kalau sekiranya ada ditandatangani perjanjian IGA ini di antara Malaysia dengan Taiwan, saya mempunyai keyakinan yang penuh bahawa banyak lagi industri sampingan dari Taiwan yang akan datang melabur di negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya menimbulkan sekali lagi satu masalah berkenaan dengan Jabatan Imigresen iaitu Maksud B.37. Baru-baru ini, saya mendapat satu laporan daripada Taiwan yang mana telah menjadikan satu peristiwa di mana ramai pekerja-pekerja Malaysia yang sedang ditahan di bilik-bilik lokap di Balai Polis Taiwan. Saya difahamkan seramai beratus-ratus orang Malaysia yang telah pergi ke Taiwan menjalankan pekerjaan mereka tanpa permit kerja. Maka baru-baru ini, mereka telah ditahan oleh pihak Polis dan pihak Polis telah merujuk kepada wakil Jabatan Imigresen di Taiwan untuk mendapatkan emergency pass, dengan izin, ataupun pas kecemasan untuk orang-orang Malaysia kita ini pulang semula ke Malaysia kerana sesetengahnya telah menghilangkan pasport mereka semasa bekerja di Taiwan. Apa yang mengecewakan kita ialah pekerja-pekerja asing dari negara-negara lain yang ditahan oleh pihak Polis Taiwan, mereka telah mendapatkan kerjasama daripada wakil negara mereka untuk pulang ke negara masing-masing, tetapi pekerja-pekerja kita iaitu ramai lagi pekerja-pekerja Malaysia

yang saya difahamkan tidak kurang dari 100 orang masih ditahan di balai-balai ataupun bilik-bilik lokap di Balai Polis Taiwan kalau menurut satu laporan yang saya difahamkan.

Pihak Kerajaan Taiwan ataupun pihak Polis Taiwan menghadapi masalah ini dan mereka berasa kecewa dan telah mempersoalkan kecekapan Jabatan Imigresen Malaysia. Kenapa Malaysia, sebuah negara yang melambat-lambatkan pengeluaran emergency pass untuk rakyat sendiri? Perkara ini telahpun dikemukakan kepada wakil kita di Taiwan dan apa yang menghairankan saya, dalam satu kenyataan yang saya baca iaitu Malaysian Friendship Trading Centre telah mengeluarkan satu kenyataan penjelasan bahawa itu bukan bidang kuasa mereka dan mereka adalah pegawai yang rendah, tidak boleh mengemukakan masalah ini kepada Kerajaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara, suka menasihatkan Kerajaan kita, khususnya Jabatan Imigresen, Kementerian Dalam Negeri supaya dapat bertindak dengan segera mengeluarkan pas-pas kecemasan ataupun emergency pass, dengan izin, kepada orang-orang Malaysia yang sedang ditahan di bilik-bilik lokap di Taiwan yang mana sesetengah itu telah ditahan lebih dari 2 bulan dan mereka sangat memerlukan satu emergency pass, dengan izin, untuk pulang ke Malaysia.

Kalau sekiranya Jabatan Imigresen enggan mengeluarkan pas kecemasan ataupun emergency pass kerana seseorang rakyat Malaysia telah menghilangkan pasport Malaysia di Taiwan ataupun disyaki mereka menjual pasport mereka, saya mencadangkan Jabatan Imigresen mengeluarkan emergency pass, membenarkan mereka balik kemudian menjalankan siasatan dan kalau hendak dakwa mereka atau mendenda mereka, itu tindakan yang akan diambil kemudian.

Oleh yang demikian, saya berharap Jabatan Imigresen akan bertindak dengan segera supaya imej dan maruah Malaysia yang baik, kecekapan Jabatan Imigresen dipertahankan di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kerana masa suntuk, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan saya sokong Rang Undang-undang Perbekalan 1993. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan.

*4.19 ptg.*

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1993, seterusnya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Kewangan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berucap buat kali pertama di Dewan yang mulia ini. Saya rasa amat terharu telah diberikan penghormatan dan kepercayaan oleh pucuk pimpinan dalam perlantikan saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara.

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih saya di atas perlantikan ini dan sebagaimana yang telah saya lafaskan ketika mengangkat sumpah sebagai seorang Senator tempoh hari, saya akan berusaha sedaya upaya menjalankan tanggungjawab saya kepada Dewan ini serta juga kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan saya yang terutama sekali ialah hal-hal yang berbangkit dengan kebajikan am, walaupun saya juga akan menyentuh perkara-perkara yang menjadi kepentingan ramai. Perkara yang ketika ini merunsingkan ibu bapa-ibu bapa di kampung-kampung ialah

masalah anak-anak gadis yang lari menghilangkan diri ke bandar-bandar disebabkan tarikan hidup di bandar. Kita telah membaca bagaimana gadis-gadis ini telah diperdaya oleh sendikit-sendikit tertentu dengan helah kononnya ada pekerjaan untuk mereka di bandar. Apabila sudah berada di bandar-bandar, mereka ini diserahkan ke pusat-pusat maksiat untuk menjalankan kerja-kerja yang dikutuk oleh bangsa dan agama. Di lembah pelacuran inilah gadis-gadis kampung terperangkap dan bukan setakat itu sahaja, mereka sekaligus terdedah kepada gejala-gejala yang buruk. Padahnya ialah gejala penyakit AIDS dan penyalahgunaan dadah.

Apa yang diperhatikan ialah apabila gadis-gadis ini dikesan kelak, kebanyakan dari mereka sudah berada bukan lagi di Kuala Lumpur, tetapi di Johor Bahru, walaupun tidak semestinya anak-anak gadis ini berasal dari Johor atau berasal dari Kuala Lumpur. Sarang-sarang pelacuran telah tumbuh seperti cendawan selepas hujan di Johor Bahru untuk menarik pelanggan-pelanggan yang datang pada waktu malam dari negara jiran. Adalah difahamkan pihak berkuasa di Johor Bahru tidak mempunyai kakitangan yang secukupnya, walaupun mereka bekerja dengan begitu cergas untuk membanteraskan kegiatan ini. Mungkin sudah sampai masanya bagi kita mengadakan pasukan khas membanteras maksiat dan sebagai permulaan, pasukan ini bolehlah diletakkan di bawah kawalan pihak berkuasa Polis. Saya cadangkan supaya sebahagian daripada pasukan Polis Hutan yang mungkin akan dipindahkan untuk bertugas di Sabah diambil sebahagiannya untuk menjadi asas pasukan khas itu.

Tuan Yang di-Pertua, demi menjadikan masyarakat kita masyarakat penyayang, ada baiknya kita cuba membanteras kegiatan maksiat yang menjadi-jadi itu demi menyelamatkan anak-anak kita daripada terjerumus ke lembah yang hina.

Perkara kedua yang ingin saya sampaikan kepada pengetahuan pihak Kerajaan ialah masalah yang berkaitan dengan pesakit-pesakit dari luar bandar yang dibawa ke hospital-hospital di bandar-bandar besar untuk rawatan. Biasanya pesakit-pesakit sedemikian ditemani oleh ahli-ahli keluarga yang terdekat. Misalnya jika yang sakit itu anak, yang menemani biasanya ibu; jika yang sakit itu pula suami, yang menemani ialah isteri atau anak-anak. Apabila tiba di bandar, misalnya di Kuala Lumpur, pesakit terus dibawa ke hospital, katalah hospital itu Hospital Besar Kuala Lumpur, bagi pesakit itu tidak ada masalah. Yang mempunyai masalah ialah orang yang menemani pesakit tadi. Siapakah yang menguruskan masalah orang-orang ini yang datang ke bandar mungkin buat kali pertama atau sudah banyak kali, sudah biasa, khasnya orang-orang susah. Kadangkala dengan keadaan yang begitu susah yang mana kita jarang dengar jeritan batinnya, tak sampai hajat untuk datang ke Kuala Lumpur atau tak sampai hajat untuk membawa ke hospital; mereka duduk di rumah, berubatlah secara apa yang ada. Ini pernah berlaku.

Bagi mereka yang ada saudara mara di Kuala Lumpur mungkin tidak menjadi masalah. Saya tahu pihak hospital cuba seberapa daya untuk menolong. Bagi tempat seperti Kuala Lumpur yang mempunyai banyak hotel untuk penginapan, masalah ini mudah diatasi, tetapi bagi bandar seperti Kelang, keadaannya agak rumit juga. Misal kata suami pesakit telah lanjut usianya, yang menjaganya ialah seorang isteri yang lanjut usianya juga, dengan tekun dan kasih sayang, tetapi tidak dapat tidur dengan sempurna, ada yang tidur menggunakan kerusi, kerusi malas, di atas tikar secara curi-curi; tetapi apabila suami sudah sihat, isteri yang masuk hospital, jatuh sakit. Ini bukan tidak pernah berlaku, tetapi pernah sekali sekala berlaku juga. Saya rasa dalam rancangan Kementerian

Kesihatan, eloklah diadakan satu hospital khas, bukanlah besar, sederhana pun jadilah untuk permulaan menyelesaikan masalah yang saya bangkitkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya juga mengenai hospital-hospital. Pada masa ini di kebanyakan hospital, apabila terdapat mana-mana pesakit yang tenat dan tidak mungkin lagi akan sembuh, kelihatan pihak-pihak tertentu sibuk berhubung dengan waris-waris pesakit bertanya sama ada ingin menyewa kereta mayat. Mereka memberitahu waris-waris pesakit bahawa ambulance hospital tidak boleh digunakan; ia digunakan untuk membawa pesakit sahaja. Jika mahu elok, buatlah tempahan lebih awal kononnya. Bagi pesakit yang bukan Islam yang kadangkala ada pantang larang, ditanya juga keranda jenis apa yang hendak diperlukan. Ada kala mereka ini turut sampai ke rumah waris-warisnya yang mana waris kadangkala terkejut ingatkan sudah tidak ada lagi, pada hal orang itu masih hidup di dalam hospital. Semua ini berlaku di kaki lima, di tepi wad, di mana-mana pesakit itu sedang tenat dan sedang sibuk dirawat oleh kakitangan hospital. Bukan itu sahaja, perbualan-perbualan dalam tawar menawar itu dijalankan dengan suara-suara yang lantang.

Perkara ini bukan baru berlaku, sudah begitu lama berlaku, bertahun-tahun. Adalah kurang sopan dilakukan sedemikian. Di saat-saat genting begini, pesakit yang sedang tenat - benar kemudahan khidmat yang ditawarkan itu adalah khidmat perlu, tetapi di kaki lima bukanlah tempatnya. Pihak hospital, maksud saya menyeluruh sepatutnya menentukan perkara-perkara seperti ini tidak berlaku. Cara yang baik sekali ialah dengan mengadakan kaunter khas di hospital-hospital untuk khidmat ini. Kaunter-kaunter ini bolehlah dibuka 24 jam dan mereka yang berhajat bolehlah dengan senang mendapat khidmat yang diperlukan di kaunter-kaunter tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ucapan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1993. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman.

4.29 ptg.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahar suatu Akta Perbekalan 1993 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan penuh bersemangat. Alhamdulillah, sama-sama kita bersyukur kepada Allah Subhanallahu wa-Ta'ala kerana kita diberi kekuatan tenaga, fikiran dan semangat yang membolehkan kita berada di dalam Dewan yang mulia ini dengan tujuan untuk bersama-sama membahar, membincang masalah tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat kepada kita di samping bersama-sama mempertahankan keadilan undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya seluruh anggaran pendapatan dan perbelanjaan serta Anggaran Pembangunan Tahun 1993 tidaklah boleh dikira sebagai satu perbelanjaan yang terbaik di masa kini. Belanjawan yang dibentangkan tanpa slogan ini seakan-akan kehilangan arah dan hala tujuannya. Mungkin berlaku kerana belanjawan untuk melahirkan masyarakat penyayang tidak tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keghairahan Kerajaan mengejar matlamat sebuah negara perindustrian perlu juga diingatkan bahawa pembangunan insan hendaklah mengemudi pembangunan material.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Ungkapan-ungkapan pembangunan rohani dan jasmani perlu diseimbangkan apabila peratusan pembangunan insan itu lebih banyak daripada peratusan pembangunan material, maka manusia dapat membangun keperluannya dengan baik. Justeru itu, akan lahir masyarakat yang penuh bertimbangrasi, berjimat cermat, rendah diri, berakhlak mulia juga dapat membentuk sebuah generasi yang benar-benar bertanggungjawab, cinta dan kasih kepada negara serta akan lahir pendukung-pendukung masyarakat yang bertaqwa. Di samping itu juga, tidak akan berlaku lagi kegunaan atau perbelanjaan mengikut hawa nafsu ataupun pembaziran. Kerana harus kita ingat seketul daging yang berada di dalam diri individu dipandu oleh unsur-unsur yang baik melalui proses makanan dan perbelanjaan yang dihala oleh Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat pembangunan di negara-negara maju seperti Jepun dan Korea yang telah memulakan pembangunan materialnya dengan pembentukan sahshiah ataupun peribadinya dahulu mengikut anutan mereka. Perlu disedari pengetahuan dan kemahiran belum mencukupi untuk melengkapi syarat-syarat sebuah negara industri yang benar-benar mendapat keredhaan dan keampunan daripada Allah S.W.T. Oleh yang demikian itu, sebelum membangunkan sebuah negara industri terlebih dahulu rakyat negara ini perlu dibangunkan sebuah negara industri terlebih dahulu rakyat negara ini perlu dibangunkan dengan kesedaran Islam yang jelas dan tepat seperti yang dikehendaki oleh Al-Quran dan As-Sunnah khususnya orang-orang Melayu yang beragama Islam. Bahawa selama berpegang teguh dengan hukum Allah serta yakin dan percaya selama itulah kekuatan dunia tidak akan dapat menguasai dan mengatasi kehidupan kita. Oleh kerana kita melihat kepada.....

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebentar, Tuan Dahalan hendak minta penjelasan. Boleh?

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:**  
(Pembesar suara tidak berfungsi sebentar)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lampu! Lampu!

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasai seolah begitu berdosa bila mendengar hujah-hujah dan percakapan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat tadi, seolah-olah kita ini hanya menghambat kepada materialisma sahaja. Seolah-olah kita ini tidak cukup lagi beribadat dan mengikut ajaran-ajaran Islam. Jadi, gambaran yang diberi tadi seolah-olah meliputi seluruh negara termasuk semua oranglah. Jadi, tujuan Yang Berhormat tadi supaya kita mengalih lebih kepada rohaniah sebagai yang disebut tadi daripada jasmani. Jadi, saya ingin tahu bagaimanakah kita hendak mengikut arah Yang Berhormat suarakan tadi iaitu hendak mengatasi apa yang kita telah pun ada pada masa kini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Terima kasih kepada Yang Berhormat, memanglah itu sebagai sikap kita sebagai seorang Islam, kita rasa kita banyak berdosa itu lebih baik. Itu merupakan satu pengajaran kepada kita supaya kita sentiasa beringat, berwaspada sama ada melalui tindakan kita, percakapan kita dan apa sahaja dalam pemerintahan kita. Jadi, bagi saya walau bagaimanapun, memperingati ataupun lebih cenderungkan, mengingati diri kita dari manakah kita datang, di manakah kita berada dan ke manakah kita akan pergi, maka itu adalah menjadi satu pegangan ataupun dasar bagi kita sebagai orang

Islam, dan untuk mengatasinya terpaksa kita berikhtiar mendalami apa yang terkandung dalam Al-Quran dan As-Sunnah - itu pendapat saya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita melihat kepada Maksud B.7—peruntukan kepada Jabatan Perdana Menteri yang agak baik, saya harap pihak-pihak yang terbabit dengan perancangan program dan penyusunan aktiviti di Jabatan Perdana Menteri khususnya dalam meninggikan syiar Islam serta melaksanakan hukum-hukum yang termaktub dalam perlembagaan Islam iaitu Al-Quran-ul-Karim dapat dimainkan peranan yang begitu berkesan sebagaimana sama-sama kita memahami firman Allah S.W.T. yang berbunyi: (membacakan ayat Al-Quran-ul-Karim surah Al-Maaidah, Ayat 45)

“Sesiapa yang tidak menghukum dengan undang-undang yang diturunkan oleh Allah S.W.T. maka mereka tergolong di dalam golongan orang-orang yang zalim”.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Perlembagaan Malaysia jadikan agama Islam sebagai agama rasmi, bagi saya amatlah bersetuju kiranya Kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri dalam menyebarkan penerapan nilai-nilai Islam serentak memberi penerangan dengan begitu jelas kepada rakyat jelata bahawa Islam bukannya sekadar agama rasmi tetapi ianya berteraskan kepada undang-undang Allah yang terkandung dalam Al-Quranul-Karim, As-Sunnah Rasulullah mestilah dijadikan peraturan ataupun cara hidup bagi seluruh umat Islam yang berpegang teguh kepada kalimah suci, “Asy hadu anlaa ilahaillallah, wa asy hadu-anna Muhammadar Rasulullah”—semata-mata untuk menjamin kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Islam bukan sahaja sekadar sembahyang, puasa, zakat dan haji....

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kalthom, Tuan Dahalan nak minta jalan. Boleh bagi? Nanti-nanti....

**Puan Kalthom binti Haji Othman:**  
Saya rasa sebab Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Ini mustahak Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Kalthom bin Haji Othman:**.....tadi nak bagi 15 minit saja seorang bercakap. Jadi, saya mintalah saya bercakap terus dan Insya Allah jika ada apa-apa di belakang ada masa, saya akan memberi penjelasan.

Islam bukan sahaja sekadar sembahyang, puasa, zakat dan haji, tetapi.....

**Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lagi seorang....

**Puan Kalthom bin Haji Othman:**....Islam ialah agama yang syumul....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Jamaluddin nak minta penjelasan.

**Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan. Ini dalam Dewan Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak memohon untuk minta penjelasan tak bagi, jadi tidaklah kena pada masa dan ketikanya kalau tengah bercakap....

**Puan Kalthom bin Haji Othman:**  
Tapi saya.....

**Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad:** Kita minta penjelasan, bagilah penjelasan.

**Puan Kalthom bin Haji Othman:**....berhenti tempat noktah sekejap sahaja.

**Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad:** Sebab orang lainpun kalau kita minta penjelasan dia bagi.

**Puan Kalthom bin Haji Othman:** Tapi saya dah bagi, saya dah bagi, Tuan Yang di-Pertua. Islam bukan sahaja sekadar sembahyang, puasa, zakat dan haji tetapi Islam ialah agama yang syumul. Segala peraturan dunia hendaklah mengikut Al-Quran termasuk sosial, ekonomi dan politik.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu dalam keghairahan Kerajaan ingin meminda Perlembagaan yang melibatkan kekebalan Raja-raja Melayu bagi menjamin keadilan dapat bernafas dengan baik, walaupun saya tahu ada percanggahan dalam Pemuda dan Wanita UMNO yang mentafsirkan kenyataan akhbar tentang persetujuan Menteri Besar Kelantan dengan pindaan itu, kadangkala.....

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang minta penjelasan lagi.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Puan Kalthom. Sebentar tadi Puan Kalthom sebut iaitu bahawa ada percanggahan di antara Pemuda dan Wanita UMNO. Saya ingin menyatakan di sini bahawa tidak ada percanggahan. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Puan Kalthom iaitu percanggahan apakah yang dimaksudkan itu? Sebab saya pun ingin tahu apakah percanggahan di antara Pemuda UMNO dengan Wanita UMNO?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Haji Nazri. Sebenarnya ayat belum sampai kepada jawapannya dan insya Allah, saya

akan baca jawapannya yang ada di kertas saya ini. Walaupun saya tahu ada percanggahan dalam Pemuda dan Wanita UMNO yang mentafsirkan kenyataan akhbar tentang persetujuan Menteri Besar Kelantan dengan pindaan itu mentafsirkan kenyataan akhbar. Kalau Yang Berhormat ingat di waktu Yang Berhormat membuat ucapan, ada Yang Berhormat bertanya bahawa dalam satu berita akhbar Menteri Besar Kelantan dikatakan ada syarat untuk mempersetujui pindaan itu, dan Yang Berhormat sendiri menjawab, tidak jumpa syarat. Itu yang saya maksudkan. Saya sendiri pun baca akhbar itu, memang tidak ada syarat, di hari itu. Hari ini, saya tak tahulah. Besok, lain pula. Yang saya kata, hari itu tidak bersyarat. Jadi, saya ingatkan kepada para pemberita, saya minta maaf kerana menyentuh sedikit masalah pemberita-pemberita kita ini....

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua....

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** ...bila menulis, tulislah dengan baik dan jelas supaya pihak Kerajaan tidak terasa hati dan bagi Pembangkang juga tidak berkecil hati....

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua....

**Puan Kalthom binti Haji Othman:**...kerana bukan kami sahaja yang menanggung amanah rakyat yang akan disoal, akan tetapi pihak penulis juga akan disoal dan akan dihadapkan di mahkamah Allah Subhanahu wa-Ta'ala di akhirat nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Tuan Nazri hendak bertanya.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:** Saya minta maaf.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sedikit sahaja.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:**  
Sebab saya rasa sudah jelas....

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bukan soalan hendak tanya itu, saya cuma hendak kalau Puan Kalthom beri jalan kepada saya.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:**  
Saya minta maaf. Saya habiskan ucapan saya....

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kalau Puan habiskan ucapan, saya tak dapat buat pembedaan, sebab saya hendak menyatakan di sini....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh, baik, sila buat pembedaan. Pembedaan ya?

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila betulkan.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pada hari saya berucap, saya berucap sebagai Mohamed Nazri bin Abdul Aziz dan kalau satu soalan yang ditanyakan oleh Puan Zaleha, dia bertanya atas nama Puan Zaleha sendiri. Jadi, saya rasa tidak benar, tentang perbezaan itu. Tidak betul kalau Puan Kalthom kata percanggahan antara Pemuda UMNO dengan Wanita UMNO. Betul kalau dikatakan mungkin ada perbezaan pendapat di antara Nazri Aziz dengan Zaleha pada ketika itu; itu sahaja. Jangan kaitkan, kerana saya mewakili Barisan Nasional.

**Puan Kalthom binti Haji Othman:**  
Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Saudara Nazri dan saya tarik balik percanggahan fahaman antara Yang Berhormat Saudara Nazri dengan Yang Berhormat Ustazah Zaleha.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya untuk sama-sama kita menjaga keadilan undang-

undang negara, kestabilan politik dan menjamin keteguhan ekonomi negara, tidak ada cara lain, melainkan Kerajaan mestilah meneliti dan mengkaji serta meminda Perlembagaan ke arah mendaulatkan hukum Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Oleh sebab itu, saya mencadangkan dalam pindaan itu dapat kiranya Kerajaan meminda bersama bagi membolehkan hukum hudud dilaksanakan. Dengan terlaksananya hukum-hukum Allah itu, maka tidak akan berbangkit lagi masalah kekebalan Raja-raja Melayu, kerana kita sama-sama faham bahawa Raja-raja Melayu itu ialah Ketua kepada Agama Islam di negeri masing-masing. Masalah kekebalan, kezaliman, penyelewengan dan lain-lain yang bercanggah dengan Islam tidak akan berlaku, kerana Islam sangat menghinakan kezaliman, kemungkaran, bukan sahaja kekebalan Raja-raja, malahan kekebalan pemimpin-pemimpin negara, jika ada, juga akan berhapus. Mungkin bila saya melahirkan cadangan ini, saya dituduh sebagai pemikiran yang jumud, tetapi dengan tegasnya, Tuan Yang di-Pertua, saya lebih baik digelar sebagai seorang mempunyai fikiran yang jumud daripada saya digelar sebagai "penderhaka" kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Akhirnya, saya mengucap sekali lagi ribuan terima kasih kepada Menteri Kewangan yang membentangkan Belanjawan 1993. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sokong atau tak sokong? (*Ketawa*) Tuan Ding Seling.

4.46 ptg.

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk berdiri dalam Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada

Kumpulan wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah dalam pandangan saya satu langkah positif dan komitmen Kerajaan ke arah dua perkara dasar untuk masa hadapan negara kita. Pertama, ianya satu komitmen yang konkrit dan nyata ke arah memampankan ekonomi negara kita agar dapat bersaing dalam tahun-tahun pengakhiran abad ini dan juga abad yang akan datang. Kedua, anggaran Belanjawan ini juga boleh dilihat sebagai satu langkah yang begitu tepat dan sejajar dengan hasrat Kerajaan dan negara untuk melahirkan masyarakat berilmu dan maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa agak sedikit dan ramai yang hendak berucap, saya ingin seterusnya merakamkan tahniah dahulu kepada Yang Berhormat Dato' Seri Anwar, Menteri Kewangan atas pimpinan beliau dan semua mereka yang terlibat dalam menyediakan Belanjawan ini. Saya juga menaruh harapan serta berdoa bahawa pelaksanaan semua aspek yang termaktub dalam Belanjawan ini akan diuruskan dalam spirit, dengan izin, yang sama di peringkat penyediaan supaya kumpulan-kumpulan sasaran akan mendapat nikmat ataupun kesan yang sepatutnya mereka dapati.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya dalam masa yang singkat yang diberi kepada saya menyebut beberapa aspek yang relevan kepada golongan yang saya anggap saya wakili, walaupun tidak dipilih. Pertama, ialah perkara mengenai pembasmian kemiskinan dan penyusunan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan khususnya semalam apabila mendapat jawapan dari satu soalan mengenai bilangan orang-orang

profesional dalam negara kita ini, dan seterusnya berapakah bilangan mereka di Sarawak. Saya dimaklumkan bahawa selalunya tidak ada angka-angka ataupun maklumat-maklumat yang kita perlukan itu dari negeri Sarawak, seolah-olah kita di Sarawak adalah diketepikan. Jadi, ini sangat menyedihkan saya, kerana maksud saya hendak minta maklumat seperti itu ialah seterusnya hendak bertanya berapakah orang-orang di Sarawak yang boleh kita rangkumi ataupun klasifikasikan sebagai miskin. Kalaulah saya minta atau membentangkan soalan itu, mungkin saya diberitahu soalnya atau jawapannya yang tidak begitu tepat juga. Dan seterusnya, saya juga sebagai seorang wakil dari tempat-tempat pedalaman, satu golongan yang dikatakan Orang Ulu dan terangkum dalam golongan orang Penan. Kalau saya tanya berapakah ramai orang Penan? Mungkin kita juga ingin bertanya dan mungkin jawapannya juga tidak begitu tepat, kerana mungkin ada yang mengatakan orang Penan susah dihitung kerana mereka merayau di hutan, di mana kita susah menemui mereka. Jadi, yang saya maksudkan di sini Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita fikirkan bagaimana hendak menentukan orang-orang di tempat-tempat pedalaman seperti di hulu-hulu Sungai Sarawak itu disusun semula, supaya mereka boleh bersama-sama dalam arus perkembangan negara kita ini. Saya rasa adalah lebih sesuai, pertama sekali kita tentukan bahawa bilangan golongan tertentu itu dengan begitu tepat.

Kita sedia maklum bahawa golongan-golongan mereka yang profesional itu adalah golongan mereka yang canggih di bidang ekonomi dunia moden ini iaitu taraf penguasaan ekonomi mereka, tetapi apabila kita lihat orang-orang yang bukan dalam golongan itu seperti orang Penan, dunia moden ini bukanlah dunia mereka. Saya tidak maksud mereka tidak mahu bersama-sama kita, tetapi tidak boleh dan tidak dapat bersama-sama kita kerana mereka tidak tahu langsung.

Cadangan saya yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyusunan masyarakat tadi dan juga pembasmian kemiskinan ialah sebilangan daripada wang yang telah diperuntukkan untuk membuat siasatan penyelidikan dari segi pembangunan negara kita ini perlulah digunakan untuk membilang atau mengenalpasti siapa dia yang miskin dan tindakan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya tidak memandang rendah hasil Banci 1990, tetapi apa yang saya nyatakan di sini ialah dengan memohon maaf, banci itu mungkin kita tidak dapat terima 100% kerana bilangan yang miskin, yang dinyatakan di Sarawak adalah jauh bezanya dari apa yang benar-benar tahu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan sebagai satu rancangan ataupun satu pendekatan yang kita boleh gunakan golongan yang miskin atau mundur itu untuk menentukan mereka turut sama dalam arus perkembangan kemajuan ialah dari segi pendidikan.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan juga berbanyak terima kasih kerana Kementerian Pendidikan yang telah diberi peruntukan yang begitu besar iaitu RM7.312 bilion, dan saya harap wang ini akan digunakan dengan begitu berhati-hati khususnya bagi kawasan-kawasan, wilayah yang begitu mundur.

Saya bercakap adalah sebagai seorang wakil dari Sarawak, dari tempat yang jauh dari bandar. Saya cadangkan di sini supaya Kementerian Pendidikan menubuhkan kelas-kelas tadika lebih banyak di kampung-kampung, di desa-desa termasuklah rumah panjang supaya kita mula mendidik kanak-kanak termasuk orang Penan itu bagaimana cara belajar, supaya kebudayaan belajar itu adalah secara beransur-ansur ditanam dalam

fikiran kanak-kanak di desa itu, oleh kerana seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, keadaan adalah sangat berbeza kalau kita lihat berbanding dengan di bandar ini.

Seterusnya saya ingin cadangkan juga supaya Kementerian Pendidikan merancangkan ataupun menubuhkan sekolah rendah berasrama penuh di setiap daerah di Sarawak. Ini adalah untuk menentukan bahawa kanak-kanak yang mempunyai kebolehan, mempunyai tempat yang seronok untuk belajar, dan seterusnya mencapai kejayaan yang boleh membawakan mereka ke sekolah menengah. Kerana kalau kita lihat dari perangkaan yang ada di negeri Sarawak misalnya—saya bercakap mengenai Sarawak lagi-ramai kanak-kanak yang telah menarik diri - mengundur diri ataupun apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris, dropouts, oleh kerana banyak sebab-sebabnya, bukan sahaja kerana tidak dapat belajar tetapi ada sebab-sebab yang lain. Jadi, dengan adanya sekolah rendah berasrama penuh, maka adalah satu tempat di mana mereka lihat sebagai satu tempat di mana mereka idami hendak pergi.

Seterusnya sebagai sambungan kepada sekolah rendah berasrama penuh juga, saya ingin cadangkan supaya Kementerian Pendidikan mengadakan lebih banyak sekolah menengah berasrama penuh di bahagian-bahagian di negeri Sarawak. Walaupun kita ada tiga buah sekarang, tetapi saya rasa adalah lebih baik untuk menentukan kejayaan kanak-kanak di sekolah dengan mengadakan lebih banyak lagi sekolah berasrama penuh seperti yang ada di Semenanjung Malaysia ini. Dan juga untuk menentukan bahawa kanak-kanak yang di sekolah itu ada tempatnya untuk pergi latihan kemahiran diri, saya cadangkan juga supaya lebih banyak lagi sekolah vokasional diadakan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyatakan di sini, saya sangat terharu

dan sangat berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah memperuntukkan belanjawan untuk sebuah universiti baru di negeri Sarawak. Peruntukan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah berpandangan jauh, yang menentukan perpaduan antara kita di Semenanjung ini khususnya anak-kanak muda di Sarawak bagi masa hadapan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai guru. Saya sangat terharu juga apabila melihat peruntukan untuk pengambilan 9,600 lagi guru untuk tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak cerita sedikit mengenai guru di Sarawak mungkin panjang sangat, tetapi ingin saya ringkaskan bahawa di Sarawak semenjak tahun 1970an lagi setiap sekolah menengah tidak kurang dari 20% daripada guru-gurunya adalah terdiri daripada guru yang tidak terlatih, yang tidak mempunyai latihan perguruan. Pada masa itu iaitu tahun 1970an kita mempunyai 60 buah sekolah menengah, walaupun bilangan guru lebih ramai sekarang, tetapi bilangan sekolah menengah kita sekarang di Sarawak, termasuk juga kolej rendah adalah sudah dua kali ganda iaitu 120 lebih, maka guru bilangan kekurangan guru juga lebih kurang sama.

Baru-baru ini saya telah berbincang dengan seorang Pengetua, beliau mengatakan antara 35 orang termasuk beliau sendiri guru di sekolah menengah beliau hanya 19 sahaja yang terlatih, tetapi 16 adalah tidak terlatih. Dan semuanya yang terlatih itu pula tidak mempunyai pengalaman lebih daripada 6 tahun di sekolah itu. Kebanyakan mereka adalah, maksudnya di sini, turnover sekolah-sekolah ataupun guru di sekolah-sekolah menengah di luar bandar di negeri Sarawak adalah begitu tinggi jumlahnya. Apakah sebabnya? Antara sebabnya yang terpenting ialah oleh kerana ramai guru-guru yang ditempatkan di luar bandar itu

adalah dari luar daripada bahagian itu, termasuk juga guru-guru dari Semenanjung. Walaupun mereka yang ditempatkan di situ begitu berminat, tetapi pengalaman adalah kurang. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, dari segi motivasinya kanak-kanak yang ditanamkan dengan semangat pendidikan adalah sangat kurang.

Jadi, saya cadangkan di sini kepada Kementerian Pendidikan khususnya kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan supaya memberi perhatian lebih untuk mengambil orang dari tempat-tempat yang merata di negeri Sarawak supaya mereka bolehlah ditempatkan di kampung mereka sendiri supaya tidaklah begitu banyak sebab-sebab sosialnya untuk mereka dipindah balik kepada kampung halaman kalaulah jauh daripada stesen mereka.

Sehubungan dengan motivasi ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab kurang motivasi di sekolah oleh kerana pertukaran banyak guru-guru dan seterusnya aspek yang saya sebut lebih awal lagi tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Ding, panjang lagi ucapan Yang Berhormat?

**Tuan Ding Seling:** Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Sekejap lagi, mungkin tiga minit.

Saya ingin juga sentuhkan bahawa dari segi pentadbiran sekolah di Sarawak ramai guru-guru besar ataupun pengetua-pengetua yang dicalonkan untuk naik pangkat yang dulu dalam jawatan Perkhidmatan Pendidikan AII kini lama sangat telah memangku jawatan. Ada yang memangku sejak 1985 lagi. Jadi, dari segi motivasi mereka adalah begitu kurang sangat. Jadi, saya merayu agar pihak berkuasa berkenaan meneliti kes-kes

seperti ini supaya menentukan guru-guru kita mempunyai motivasi yang begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya ingin menyokong penuh Anggaran Belanjawan 1993 ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apalah, kita beri orang baru sekali. Puan Sri Sarasa.

*5.02 ptg.*

**Puan Sri Saras a/p Velu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya memberi ucapan ulung saya atas Rang Undang-undang Perbekalan 1993.

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan ke atas Belanjawan yang tidak membebankan rakyat. Tidak harian juga kalau Belanjawan tersebut mendapat sambutan yang baik dari orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja. Pertama, Maksud B.45.

Negara kita sekarang bergiat maju ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020. Rakyat Malaysia khususnya generasi muda perlu menghadapi cabaran-cabaran abad yang ke-21 bila mana negara ini dijangka menjadi sebuah negara perindustrian.

Kini kita dalam proses memodenkan segala kegiatan ekonomi. Dalam usaha mencapai matlamat ini kita memerlukan tenaga manusia yang mahir pada tahap maksimum. Pada masa sekarang kita bergantung kepada pekerja asing dalam sektor-sektor tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dekad 90an adalah dekad wanita. Tetapi di negara

Malaysia, wanita masih lagi ketinggalan jauh dalam sektor korporat khususnya di peringkat pengurusan. Wanita adalah lebih kurang 50% daripada jumlah penduduk negara ini. Tetapi tenaga kaum wanita tidak dipergunakan sepenuhnya kecuali dalam bidang-bidang produktiviti yang tertentu. Kebanyakan wanita bekerja di sektor pertanian dan perindustrian tanpa memperolehi sebarang kemahiran atau latihan teknikal. Mereka ini masih lagi didapati di peringkat rendah sekali iaitu sebagai operator pengeluaran.

Saya di sini menggesa Kementerian Sumber Manusia supaya mengambil langkah-langkah untuk melatih wanita dengan latihan dalam bidang kemahiran teknikal dan vokasional. Banyak lagi pusat latihan perlu didirikan untuk menyediakan kaum wanita memberi sumbangan yang lebih positif dalam pembangunan bidang perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.56, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Seperti kita semua sedia maklum, sekiranya keluarga bahagia, negara akan bahagia. Keluarga akan berbahagia kalau sekiranya semua ahli keluarga dapat menikmati segala keperluan asas. Di samping menyediakan latihan teknikal untuk kaum wanita pusat-pusat pengasuhan kanak-kanak adalah perlu khususnya di tempat kerja mereka. Dengan persediaan kemudahan seperti itu pekerja wanita dapat menumpukan perhatian penuh kepada pekerjaan dengan tidak membimbangkan pengasuhan anak-anak mereka. Dengan menjadikan wanita pekerja mahir kita juga dapat mengatasi kekurangan sumber manusia. Di samping itu negara kita tidak perlu bergantung kepada pekerja asing.

Di sini saya ingin merujuk kepada ucapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang antara lain menyatakan program pengurusan dan kemahiran untuk meningkatkan taraf ekonomi wanita khasnya wanita desa akan diberi keutamaan. Kami wanita merasa

gembira. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tetapi bagaimana dengan golongan wanita yang tidak termasuk dalam kategori wanita desa. Mereka juga tidak termasuk dalam kategori wanita bandar. Hairanlah, wanita di ladang bukan wanita bandar, bukan juga wanita desa.

Saya merasa kecewa wanita ladang dibiarkan begitu sahaja tidak ada sebarang program latihan atau apa juga program khas untuk mereka. Bagaimana mereka ini dapat meningkatkan taraf mereka atau dapat melengkapkan diri untuk menghadapi cabaran Wawasan 2020. Bukanlah elok jika mereka dimasukkan dalam kategori desa dan diberi peluang yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 54, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Belanjawan tahun ini bertujuan membawa faedah kepada semua lapisan masyarakat Malaysia. Walau bagaimanapun, jumlah yang diperuntukkan kepada Kementerian Luar Bandar sebenarnya tidak meliputi semua lapisan rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan luar bandar. Apa yang saya maksudkan ialah kebajikan penduduk di sektor ladang. Mereka tidak diberi perhatian yang sama seperti penduduk bandar atau di luar bandar. Anak-anak mereka tidak menerima pengasuhan yang sempurna. Kebanyakan sekolah Tamil di ladang-ladang tidak terletak di bawah sekolah bantuan penuh. Mereka yang menuntut di sekolah-sekolah menengah di bandar berhampiran menghadapi masalah pengangkutan. Kaum belia pula tidak mempunyai kemudahan rekreasi. Yang dewasa pula terpaksa bergantung kepada majikan untuk menikmati bekalan elektrik dan air. Yang sakit pula tidak menerima rawatan yang baik dan sesuai kerana kesihatan mereka bukan tanggungjawab Kementerian Kesihatan. Saya rasa penduduk di sektor ladang merupakan satu golongan yang di asing dan diabaikan. KEMAS yang banyak memberi sumbangan dalam pembangunan masyarakat desa patut juga

menjaga kebajikan masyarakat ladang kerana mereka juga dari desa dan bukan di bandar.

PPRT (Program Pembangunan Rakyat Termiskin) sepatutnya hendaklah ditujukan kepada semua rakyat miskin tanpa mengira di mana mereka tinggal, di desa, di bandar, di ladang atau di mana-mana juga asalkan mereka adalah rakyat Malaysia. Maklumlah, rakyat bahagia negara maju. Sekiranya pekerja ladang dapat menikmati segala kemudahan seperti masyarakat di sektor lain, penghijrahan ke bandar akan terkawal. Mereka berhijrah pun pergi ke mana? Mendarat di kawasan setinggan dan membangkitkan pula banyak masalah sosial.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 14, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Apa yang saya ingin sarankan di sini ialah Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah untuk menentukan kawasan-kawasan setinggan tidak tumbuh seperti cendawan. Kita memerlukan tenaga pekerja yang banyak lebih-lebih lagi semasa negara sedang melangkah ke Wawasan 2020 yang matlamatnya ialah menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian. Kemudahan perumahan bagi pekerja-pekerja hendaklah disediakan. Oleh kerana mereka terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah, maka banyak lagi rumah dan rumah pangsa kos rendah perlu disediakan lengkap dengan segala kemudahan asas.

Di sini, saya meminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan jangan menaikkan harga rumah kos rendah di kawasan bandar. Sekiranya golongan yang berpendapatan rendah tidak mampu membeli rumah kos rendah kerana harganya tidak rendah, mereka akan mendirikan rumah haram secara sendiri di kawasan setinggan. Pada suatu hari nanti rumah setinggan ini akan dirobohkan oleh pihak berkuasa. Baru-baru ini banyak kejadian seperti ini berlaku, akhirnya ahli-ahli politiklah yang terpaksa mencari penyelesaian bagi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat dinafikan bahawa proses pemodenan dan perindustrian pasti membawa kesan-kesan sampingan. Salah satunya ialah kenaikan kos sara hidup yang tinggi. Yang tidak mampu akan menetap di kawasan setinggan dan yang seterusnya akan membangkitkan berbagai masalah sosial dan ekonomi. Jika trend negatif ini tidak terkawal, usaha Kerajaan untuk menentukan penghidupan berkualiti akan terjejas.

Akhir kata, untuk memperkukuhkan masyarakat yang berkualiti, perpaduan adalah penting, Negara kita adalah unik dengan rakyat berbilang kaum, bangsa dan agama. Kesinambungan politik dan kemantapan pimpinan adalah menjadi asas ketenteraman dan keharmonian yang kita nikmati. Perpaduan dan persefahaman antara kaum perlu diberi keutamaan. Melalui pendidikan, ciri-ciri perpaduan boleh disemaikan di hati kanak-kanak.

Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang mencerminkan tradisi dan kebudayaan kaum-kaum lain terutamanya Melayu, Cina dan India akan mengeratkan lagi tali persaudaraan di antara rakyat Malaysia. Saya cadangkan supaya pendedahan ini bermula dari peringkat Taska. Kerajaan kita adalah satu Kerajaan yang berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Rukunegara. Berasaskan ini marilah sama-sama kita mewujudkan satu masyarakat maju dan penyayang. Usaha kita adalah, dengan izin, development oriented. Cuma ada beberapa kelemahan yang patut dibetulkan. Kita mempunyai kemampuan—di mana ada kesanggupan di sana ada juga jalan. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1993. Sekian, terima kasih.

#### **Beberapa Ahli: (Bangun)**

**Timbalah Yang di Pertua:** Ramai betul yang hendak bercakap. Saya beri kepada orang veteran—Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali.

5.14 ptg.

**Jeneral (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Tuan Yang di-Pertua,...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bukan wargatua tetapi veteran.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri dengan tujuan mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 1993 ini. Buat permulaan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pegawai-pegawai kerana berjaya menyiapkan dan membentangkan Belanjawan 1993 yang begitu kemas, pintar dan lebih-lebih lagi dengan tidak begitu menggigit rezeki dan harapan rakyat termasuklah pihak swasta buat keseluruhannya.

Seterusnya, izinkan saya petik ayat pembukaan Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini, ayat itu berbunyi: "Belanjawan 1993 dibentangkan pada ketika ekonomi Malaysia berada dalam keadaan yang sungguh memberangsangkan, mencatat kadar pertumbuhan yang kukuh selama lima tahun berturut-turut dan semakin menunjukkan ketahanan." Dengan hal yang demikian saya juga bersetuju dengan amaran beliau iaitu adalah perlu bagi kita semua sedar, berhati-hati dan bersedia jika sekiranya ada gejala-gejala pertumbuhan ekonomi timbul pada tahun-tahun hadapan. Ini semua untuk menyelamatkan negara kita daripada meminjam dan meminta sedekah dari negeri luar nanti. Dari itu perlu kita semua tightened our belt, dengan izin, daripada sekarang, lebih-lebih lagi pihak Kementerian Kewangan.

Saya diberitahu dahulu ada Menteri kita sendiri yang berjimat-cermat sehinggakan

beliau travel keluar negeri pun naik economy class, hotel pun beliau masuk hotel dua tiga star dan duit dobi pun beliau tidak claim oleh kerana beliau membasuh seluar dalamnya sendiri. Begitulah jimat-cermatnya Menteri Kewangan kita dahulu dan saya percaya Menteri kita sekarang pun lebih lagi akan berjimat-cermat. Syabas, itu betul-betul contoh melalui teladan.

Seterusnya, izinkan saya memetik Budget atau Belanjawan Kementerian atau organisasi yang saya ketahui. Sungguhpun dengan singkat sahaja tetapi semua ini adalah pandangan dan juga teguran ikhlas saya.

Maksud B.1 Parlimen. Saya ingin melihat pegawai dan kakitangan Parlimen dibentuk sebagai special service dengan gaji dan uniform yang lebih kemas dan lumayan oleh kerana di Parlimen inilah tempat yang mulia dan kalau ada lawatan dari luar negeri ataupun dalam negeri, kita tidak berasa malu melihat pegawai-pegawai kita itu handal dan tahu tanggungjawab mereka. Juga saya ingin lihat kantin Parlimen ini, saya sudah sebut dahulu, kalau boleh ditingkatkan tarafnya seperti restoran di hotel empat star atau lima star, oleh kerana di situlah kita Ahli-ahli Parlimen boleh berehat dan kalau ada pelawat-pelawat boleh juga kita bawa mereka ke situ.

Maksud B.2, Jabatan Audit. Apa yang saya dapat lihat dari laporan-laporan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini adalah menyedih dan menakutkan. Maksud saya adalah terhadap kelewatan Audit Report yang setengah-setengahnya memakan masa sehingga satu, dua ataupun bertahun-tahun baru sampai ataupun baru disiapkan. Ini bukan salah Auditor tetapi saya ingat ada sebab-sebab yang tertentu di pihak organisasi atau Kementerian yang berkenaan.

Seterusnya, apa yang ditegur oleh Auditor, nampaknya banyak lagi tindakan yang wajar diambil tindakan tidak diambil

tindakan oleh pihak yang berkenaan. Mengapakah ini dibiarkan berlaku? Ada juga nampaknya Kementerian atau pejabat-pejabat yang tertentu, untuk mengelakkan tuduhan yang didapati oleh Auditor itu di atas kesalahan yang tertentu, pegawai-pegawai yang terlibat ditukar ataupun diinterpostkan ataupun mereka itu resign secara sukarela. Resignation ataupun interposting, dengan izin, bukannya punishment. Pada saya sebagai deterrent dan untuk kebaikan negara, saya harap pihak yang berkuasa akan mengambil tindakan yang lebih tegas lagi. Sekiranya tidak, Kerajaan kita akan rosak dan tidak gunalah Audit kita menjalankan tugas mereka itu.

Maksud B.12 dan B.13—Pejabat Setiausaha Persekutuan di Sabah dan Sarawak. Saya ingin menyarankan kedua-dua pejabat ini ataupun organisasi ini diperkuatkan lagi dengan adanya pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangannya yang cekap dan handal. Mungkin kategorinya serupa dengan bentuk embassy kita. Sesiapa jua yang kita memilih sebagai wakil kita di sana, harus mengerti situasi dan psikologi negara-negara itu dan juga rakyat-rakyatnya. Pegawai-pegawai kita yang handal dan yang diterima oleh negara itu tidak seharusnya ditukar sekuangkurnya lima tahun; ditetapkan di situ supaya dia dapat mahir lagi di atas keadaan negara itu dan juga rakyat di situ. Dengan hal yang demikian, perhubungan kita di sini dan juga di Sabah dan Sarawak mungkin boleh terjalin lagi. Dan juga laporan-laporan dari wakil-wakil kita di sana dapat juga menolong pihak-pihak yang berkenaan di sini sebelum mereka itu diambil apa-apa tindakan.

Maksud B.25—Kementerian Pertahanan. Saya ingin tahu adakah peruntukan RM3.2 bilion ini termasuk Budget MOU (Memorandum of Understanding) dengan UK, dengan izin. Sekiranya ya, saya sangka banyak wang itu disalurkan, nampaknya kepada Tentera Udara Diraja Malaysia dan juga Tentera Laut Diraja Malaysia. Saya harap, terhadap Tentera Darat juga tidak ketinggalan dalam

apa-apa jua pembelian ataupun persiapan yang sedang berlaku di antara kita dengan UK melalui MOU itu. Apa yang saya kawatir lagi sekali ialah terhadap Tentera Darat itu, antara lain kem-kem mereka masih lama, dan rumah-rumah keluarga mereka juga bukan sahaja teruk, tetapi masih lagi tidak mencukupi. Tentera Darat ini adalah mempunyai banyak sekali kekuatannya daripada Tentera Laut dan juga Tentera Udara. Saya percaya soal kebajikan, banyak Tentera Darat menghendaki pertolongan daripada Kementerian Pertahanan.

Lagi satu ialah kenderaan Tentera Darat masih lagi rosak, lama, capeklah; pendek kata, hampir tak boleh lagi digunakan setengah daripadanya. Ini adalah satu kerunsingan kepada Tentera Darat, dan merbahaya juga sekiranya kita menghendaki mereka menjalankan tanggungjawabnya secara emergency, dan ini akan mengganggu tugas mereka. Saya harap Kementerian Pertahanan dan pihak yang berkuasa akan mengambil perhatian dan juga tindakan yang secepat mungkin. Saya juga ingin lihat tentera yang masih berkhidmat dirapatkan lagi dengan saudara-saudaranya yang telah bersara, iaitu Persatuan Bekas Perajurit Malaysia oleh kerana saya dapati perhubungan di antara tentera-tentera yang masih berkhidmat dan juga yang telah bersara itu tidak begitu rapat silaturrahimnya. Sekiranya perkara ini dibiarkan, nanti tidak dapatlah satu pihak itu menolong kepada satu pihak kalau ada kecemasan sedangkan pertolongan mereka itu dikehendaki.

Pasukan Rapid Force Tentera Darat, saya percaya juga perlu dilengkapi dengan seberapa baik dan secepat yang boleh. Saya ingin menyarankan di sini, kalaulah Rapid Force itu telah disiapkan, mereka itu baik ditugaskan di Kampuchea ataupun di mana-mana negara yang UN menghendaki tentera membuatkan tugasnya di situ. Dengan jalan itu, dapat mereka meluaskan lagi pengalamannya, dan juga menolong tentera yang sekarang dalam keadaan aman. Tuan Yang di-Pertua, tentera dalam aman itu

lebih susah lagi hendak diberi perhatian ataupun dijaga daripada tentera semasa ada banyak operasi berjalan. Mereka menjadi nakal, mereka akan memikir benda lain dan mereka tidak akan menjalankan tugas-tugas yang tertentu, itu maksud saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Contoh nakal macam mana Tan Sri?

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Contoh nakal itu, kalau mereka keluar tiap-tiap malam mereka tak report. Mereka pergi ke sana-sini, minum dan segalanya. Perkara yang tak baik itu mereka akan buat. Mungkin mencuri dan sebagainya. Itu maksud saya, kalau mereka itu tidak diberi pekerjaan dengan sepenuhnya supaya mereka busy, dengan izin, pemikiran mereka lain perginya.

Maksud B.35, B.36 dan B. 37—Kementerian Dalam Negeri, Polis DiRaja Malaysia dan juga Imigresen. Dengan hormatnya saya fikir Pasukan Polis Hutan itu, oleh kerana tugas mereka itu tidak lagi sepertimana yang telah ditugaskan, iaitu mencari dan memusnahkan pengganas, boleh sangat, pada pandangan saya, mereka itu digunakan untuk menolong Polis-polis Trafik yang saya perhati sangat mendesak; menolong trafik yang didapati sekarang di Kuala Lumpur khususnya sangat mendesak dan mengganggu kita semua khususnya pihak-pihak yang menjalankan perniagaan. Kalau trafik itu “jam” dan makan masa, ini makan wang, we lost money because the flow of traffic tidak berjalan dengan licin. Perkara ini saya percaya penting oleh kerana traffic light ini, dengan izin, tidak lagi boleh digunakan sepertimana dahulu, merah, hijau, kuning—sebelum turun kepada merah, masuk lagi motokar yang lain dan ini menyebabkan traffic jam. Jadi, buat masa sekarang ini saya percaya perlu kita ada manual Polis yang menjaga itu. Insya Allah, traffic flow akan boleh cepat lagi. Ini sangat penting, sebab selalu dikomplen oleh semua yang mengguna kenderaan di jalan-jalan raya.

Juga saya ingin menyarankan dari segi Immigration Department. Saya faham mereka itu sekarang makin tambah nampaknya ditumpu oleh permintaan permit untuk pekerja-pekerja dari luar sebagai "maid", tetapi prosesnya yang mereka buat itu memakan masa lama sangat. Saya tidak salahkan mereka. Daripada satu department ke satu department ke embassy, dan bayaran yang kita kena bayar hendak mengadakan maid di rumah itu hampir-hampir RM1,000, termasuklah levi cost, guarantee dan sebagainya. Ini telah mendatangkan banyak kerumitan dan juga kesusahan kepada keluarga-keluarga yang bekerja - suami itu kerja, isteri itu kerja, terpaksa mereka ada orang jaga anaknya. Nak ambil pass dan segala-galanya salah seorang mesti pergi cuti. Cuti sehari - queue-up tak dapat. Besok cuti lagi, hendak cuba mendapatkannya pun tak dapat juga. Sepertimana saya kata tadi saya tidak salahkan sama sekali Pejabat Imigresen, oleh kerana tumpuan permintaan permit itu terlalu banyak agaknya.

Pendek kata, kalau dapat 'one stop centre' atau apa formula yang boleh diaturkan. Dengan itu tidak mengganggu individu yang berkehendakkan pass daripada Imigresen dan seterusnya, tidak mengganggu pekerjaan mereka. Saya mohon kepada pihak yang berkenaan kalau dapat tolonglah mereka. Kalau tidak, kita sendiri susahkan orang kita yang terpaksa mengisikan form dan segalanya. Yang untung sebenarnya si pekerja itu (mahupun daripada Indonesia ataupun negeri Thailand.) Kita buat all the rules, tetapi kita yang susah. Mereka itu senang, masuk sahaja, lepas satu bulan mereka lari, wang cengkeram kita pun harus hilang juga. Mengapa begitu? Itu yang saya kurang pasti, dan harap pihak yang berkenaan akan buat apa-apa yang boleh.

Satu lagi, saya ingin juga sentuh di sini —saya sudah tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan, ialah berkenaan dengan entertainment tax, tax hiburan ini. Mengapakah tidak diturunkan lagi? Maksud saya kalau diturunkan entertainment tax ini

banyak lagi kita dapat menolong dan menghiburkan rakyat keseluruhannya. Dan keuntungan itu dapat juga ditax balik. Tetapi, kalau entertainment tax itu terlalu tinggi, mereka tidak sanggup hendak pergi. Maksud saya bukanlah entertainment kurang popular sahaja dikurangkan tax, tetapi entertainment menengok wayang gambar, permainan dan apa benda penghibur yang saya maksudkan. Saya harap Kementerian Kewangan boleh juga beri perhatian, supaya dapat mereka membuat duit, dan daripada keuntungan, Kerajaan boleh juga tax mereka itu.

Akhir sekali terhadap Kementerian Kewangan juga—saya telah pun bertanya dengan Kementerian Kewangan pada hari itu—saya kata mengapakah Kerajaan tidak mengurangkan Operating Budget Kementerian, khususnya emolumen awal-awal lagi dan tidak menunggukan satu-satu post itu kosong, kemudian baru ditutup. Mengapakah Kerajaan tidak mengarahkan satu-satu Kementerian itu, potong budgetnya terhadap emolument dan operating expenditure "to the barest minimum". Sekiranya tidak dipatuhi Kerajaan berhak memotong, umpamanya RM80 juta daripada RM100 juta yang dipohon itu. Kalau kita potong secebis-cebis, itu akan mengganggu organisasi itu. Saya ada experience dalam perkara ini di Kementerian Pertahanan dahulu. Apabila Treasury kata tidak ada duit, terus mereka potong ini, potong itu sehingga organisasi itu terganggu. Saya percaya masalah ini di Kementerian lain pun mengalami begitu juga. Sekian saranan saya, dengan hormat, dan dengan itu saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1993. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Haji Embong.

5.33 ptg.

**Tuan Ghazali bin Haji Embong:** Assalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh.

Selamat Sejahtera kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan Islam.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini.

Saya turut sama-sama menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1993.

Oleh sebab untuk menjimatkan masa, saya terlebih dahulu mengucapkan berbilang-bilang tahniah dan syabas kepada Menteri Kewangan, Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim. Inilah satu-satunya Belanjawan yang boleh memberi keselesaan kepada segenap lapisan masyarakat atau rakyat. Ini amat canggih bagi saya. Ada beberapa yang berbangkit, yang perlu diperkatakan di sini. Ianya berkait rapat dengan masalah ekonomi dan perkembangan sosial negara. Sekaligus memberi tumpuan utama kepada kerja kebajikan bersesuaian dengan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Negara.

Dalam Belanjawan ini Maksud B.47—Kementerian Pengangkutan dan sekali gus Maksud B. 14—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara utama yang saya ingin bangkitkan di sini ialah berkaitan dengan masalah pengendalian Pelabuhan Kemaman (PK) yang dibolot oleh Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPK).

Saya rasa sungguh kecewa setelah LPK mengambil alih PK pada Januari lalu kerana pentadbiran LPK sanggup menganaktirikan pelabuhan termoden yang ada di Kemaman itu. Sepatutnya tanggungjawab untuk memajukan PK kini terletak kepada LPK Malaysia. LPK gagal untuk melaksanakan

tanggungjawabnya. Kita kesal kerana banyak pelabur melahirkan rasa hairan bagaimana pengendalian kargo terpaksa dipindahkan ke LPK, sedangkan dalam masa yang sama PK masih mampu untuk melaksanakan tugas seumpama itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelabuhan Kemaman mampu melaksanakan tugas seperti perkhidmatan kargo, crane dan feeder. Tetapi kita rasa sungguh sedih bila mana Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu terpaksa melahirkan rasa dukacitanya dengan masalah ini. Apa yang kita mahukan ialah satu perkhidmatan yang berkesan, yang lebih penting ialah mewujudkan PK bertujuan untuk menarik para pelabur asing dan mengurangkan kos pengangkutan kargo ke pelabuhan yang lain. Kita mahukan semua perkara ini diambil kira oleh LPK dan juga Kerajaan Pusat. Bagaimanapun, saya yakin Kerajaan Pusat di bawah pentadbiran Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mampu untuk melihat isu ini dengan lebih positif. Beliau seorang pentadbir yang baik, mampu melaksanakan perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat. Dan sanggup turun ke bawah untuk melihat keupayaan sesebuah perkhidmatan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri.

Saya percaya, pucuk pimpinan negara bersetuju jika LPK dipisahkan daripada Pelabuhan Kemaman, jangan sampai masalah pengendalian menjadi lebih serius.

Saya yakin pelabuhan di Kemaman mampu untuk berdiri sendiri. Sebelum ini pun pelabuhan yang sama telah mampu membuktikan dalam soal pengendalian kargo secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulangi hasrat saya, supaya Lapanganterbang Sultan Mahmud di Terengganu diperbesarkan. Walau apa

pun peruntukan dalam sudah berkurangan, tetapi beberapa perkiraan masih boleh diambil kira oleh pihak Kerajaan Pusat. Ini kerana lapangan terbang inilah merupakan satu-satunya pintu masuk bagi pelancong ke Terengganu. Begitu juga pelabur asing yang datang ke Terengganu perlu melalui jalan udara ini. Sejak dahulu lagi pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri dan Ahli Parlimen di Terengganu bersungut tentang masalah ini. Mereka memperkatakan tentang perkhidmatan udara yang terhad sehingga membantut usaha pelabur di Terengganu. Saya memberi penekanan terhadap pembesaran lapangan terbang di Terengganu ini untuk menyelaraskan program pembangunan yang pesat membangun di negeri tersebut.

Apa yang jelas Terengganu telah mempunyai pelbagai penarikan untuk pelabur asing. Terengganu ada jalan raya yang baik. Dalam masa yang sama, kawasan industri juga mampu menawarkan pelbagai kemudahan asas seperti yang wujud di Telok Kalong, Kemamam, Gong Kedak dan Chendering di Kuala Terengganu. Yang lebih menarik, Terengganu juga mampu memperlihatkan kawasan pelancongan yang manarik seperti pulau, pantai dan air terjun. Saya yakin kesemua ini boleh memberi manfaat dan tarikan besar itu kepada pelabur asing.

Tambahan lagi, pentadbiran di Terengganu sungguh unik. Sistem politiknya terus rapi. Kedudukan Kerajaan Negeri masih kukuh di bawah pentadbiran Tan Sri Wan Mokhtar dan anggota EXCO Kerajaan Negeri yang lain. Tidak timbul soal Terengganu akan dirampas oleh Pembangkang. Yang jelas UMNO bertambah kukuh dan Pembangkang mula menunjukkan percakaran sendiri. Saya yakin Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Tan Sri Wan Mokhtar masih mampu untuk melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat. Seluruh negara akur dengan kecekapan Yang Berhormat Tan Sri Wan Mokhtar mentadbir negeri Terengganu

lebih 17 tahun. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Pusat turut bersetuju jika Terengganu mempunyai satu sahaja kelemahan yang ketara iaitu lapangan terbang. Jika ini mampu dilaksanakan sudah tentu Terengganu berjaya menampung kedatangan pelabur asing. Dalam masa yang sama, perlulah juga memperluaskan jalan udara dari Terengganu ke Singapura. Ini kerana wujudnya pertalian pelaburan dari republik tersebut ke Terengganu. Ini akan mewujudkan satu sistem, rangkaian perhubungan yang canggih dan mampu mengatasi kelemahan yang wujud sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan masalah industri juga, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Pusat supaya berani tampil ke hadapan untuk mewujudkan satu sistem jalan raya yang teratur di Terengganu menuju ke Singapura. Jalan raya ini merupakan rangkaian lebuh raya industri baru yang mampu membawa bahan keluaran kilang dari Terengganu dan Pahang ke luar negeri. Saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor supaya mewujudkan rangkaian lebuh raya industri. Ianya boleh dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) di setiap negeri, bahkan ini amat berkesan untuk menarik minat pelabur di Pantai Timur, khususnya di Terengganu dan Pahang. Lebuh raya industri ini boleh dibina sehingga ke Singapura sebagai pelengkap kepada proses industri realisasi negara sesuai dengan Wawasan 2020. Sehingga kini, projek menuju Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun berjalan dengan lancar tetapi ianya tidak akan berjaya dipraktikkan dengan lebih berkesan jika tidak adanya proses yang menuju ke arah negara industri. Saya lebih tepat Wawasan 2020 sungguh suci dan sesuai dengan kehendak Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sejak dahulu lagi, daerah Kuala Terengganu tidak mempunyai Majlis Perbandarannya. Daerah ini cuma mempunyai Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT). MPKT mempunyai pentadbiran yang berkesan di bawah Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar Daud, selaku Yang di-Pertua Dewan, tetapi mempunyai beban kerja yang berat. Kadangkala beban kerja tersebut tidak dibahagikan kepada pihak lain kerana tanggungjawab MPKT itu sendiri. Sudah sampai masanya bagi Kementerian terbabit mewujudkan satu sistem pentadbiran yang lebih berkesan. Ini kerana saya yakin kebanyakan Majlis Perbandaran mempunyai Majlis Daerah tersendiri. Lihat sahaja Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan, tetap mempunyai Majlis Daerahnya yang tersendiri. Ini boleh meringankan beban kerja yang terpaksa dipikul oleh Majlis Perbandaran.

Dalam menuju Wawasan 2020 juga, keupayaan Kerajaan Tempatan mestilah diberi penekanan utama. Sistem pentadbiran perlu disusun dengan lebih kemas dan dibahagikan kepada pihak lain agar satu pihak tidak dibebankan dengan pelbagai tanggungjawab. Jika ini berjaya, dilaksanakan sudah tentu daerah Kuala Terengganu akan menjadi satu bandar yang teratur kerana ianya melibatkan satu kawasan yang luas.

Terlebih dahulu perlu diberitahu bahawa kajian dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudah mengambil masa yang lama. Beberapa Wakil Rakyat di peringkat negeri sudah menyuarakan hasrat mereka, malangnya sehingga kini masih lagi belum ada sebarang tindakan lanjut. Saya mencadangkan agar Majlis Perbandaran Kuala Terengganu diletakkan tanggungjawabnya di bawah Pejabat Daerah yang sama. Ini akan menampilkan satu kerja yang lebih berkesan; apa yang

dapat dilihat ialah keluasan daerah Kuala Terengganu yang amat luas sehingga mencakupi beberapa kampung di Mukim Kuala Nerus.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang ingin saya sebutkan di sini di Dewan yang mulia ini ialah soal petroleum di Terengganu. Semua orang sedar tentang Terengganu yang berdikari dengan adanya hasil royalti minyak. Tetapi malangnya, perjanjian mengenai hasil royalti minyak masih lagi dipakai walaupun lebih 10 tahun berlaku. Kerajaan Negeri tidak pernah melakukan desakan seperti Kelantan. Kita bukannya ingin melakukan politik mengugut ala-mafia seperti Kelantan yang inginkan wang pampasan hasil daripada pembinaan Ampangan Pergau. Tetapi dalam masa yang sama, kita mahu satu perjanjian yang baru dibuat. Kajian semula perlu bagi mempertingkatkan hasil royalti minyak kepada Terengganu. Ini penting bagi mempertingkatkan usaha Kerajaan Negeri dalam melaksanakan tanggungjawabnya kepada rakyat. Tetapi ini bukanlah satu desakan besar. Bagaimanapun, saya yakin Kerajaan Pusat bersedia untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya. Kerajaan Pusat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed yang dikasihi bukanlah bersikap ego tetapi bersikap penyayang. Sanggup memberikan bantuan kepada Kerajaan Kelantan walau berbeza ideologi politik. Bukan sombong seperti Kerajaan Kelantan tetapi merupakan pentadbir yang cekap dan mampu mengendalikan wang rakyat secara amanah dan berkesan. Jadi saya yakin pucuk pimpinan negara sekarang boleh meneruskan perbincangan dengan Terengganu secara lebih bersopan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah ucapan saya kali ini. Saya berharap benar-benar agar Kerajaan Pusat boleh menitikberatkan pembangunan di Terengganu. Ini bersesuaian dengan

cabaran Kerajaan Kelantan yang menyatakan bahawa Kelantan mampu berdikari walaupun tidak selari dengan Kerajaan Pusat. Tetapi dalam masa yang sama, Terengganu akan membuktikan pentadbiran yang lebih berkesan serta selari dengan kepimpinan Kerajaan Pusat. Ini sahajalah matlamat kita.

Sekian, terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng.

5.49 ptg.

**Puan Rosalind Yau Shuk Meng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas dan seterusnya menyokong di atas Akta Perbekalan 1993. Saya akan ringkaskan perbahasan saya kepada tiga perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk membangkitkan isu pencemaran alam di perairan dan beberapa bahagian pantai di sepanjang persisiran pantai barat Semenanjung Malaysia.

Tumpahan minyak kapal Nagasaki Spirit yang berlanggar dengan kapal kontena Ocean Blessing di perairan berhampiran kepulauan Sumatera pada 20hb September yang lalu pasti merosakkan alam sekitar dan ekologi Selat Melaka. Sekiranya kita mengikut laporan jumlah minyak yang telah tumpah iaitu sebanyak 13,000 tan minyak asli yang tumpah ke dalam Selat Melaka, akibat yang terjadi adalah agak membimbangkan.

Mengikut laporan daripada Pengerusi Jawatankuasa Kontingensi Tumpahan Minyak Kebangsaan, gumpalan minyak yang dikenali sebagai bebola tar sebesar bola tenis, mencemari kira-kira 2 km

pantai di Pulau Langkawi yang meliputi sekurang-kurangnya 8 kawasan di pulau tersebut. Tumpukan minyak tumpahan dari kapal Nagasaki Spirit dekat Pulau Pangkor, Perak juga membimbangkan rakyat semua. Walaupun laporan daripada pihak berkenaan menyatakan bahawa tumpahan minyak tersebut adalah tidak seteruk yang difikirkan dan kerja-kerja pembersihan dijalankan dengan segera. Namun sejauh manakah perairan di pantai Pulau Langkawi sudah bebas daripada gangguan tumpahan minyak tersebut? Seperti yang kita sedia maklum, Kerajaan telah membelanjakan banyak peruntukan untuk membangunkan kawasan pelancongan tersebut. Adakah bilangan pelancong di Pulau Langkawi dipengaruhi oleh insiden ini yang mencemarkan alam semulajadi di sana? Pulau Pangkor pula ialah pusat penangkapan ikan yang penting di pantai barat Semenanjung Malaysia. Pastikah pihak berkenaan bahawa ikan-ikan tangkapan yang dibuat di Selat Melaka sesuai dimakan dan tidak membawa apa-apa akibat yang memburukkan kesihatan kelak. Tanpa mutu kesihatan yang cukup, pencapaian Wawasan 2020 akan dilanda pelbagai halangan lagi. Rakyat yang sakit, macam mana hendak mengendalikan dan memajukan negara. Sementara itu negara kita sedang giat melancarkan kegiatan melindungi alam sekitar, membersihkan masalah pencemaran dan menghidupkan alam sekitar kita.

Kerajaan patut mengenakan peraturan-peraturan atau hukuman yang lebih ketat untuk mengelak atau mengurangkan kejadian pencemaran ini. Sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan tersebut, patutlah dihukum dengan berat dan patut diwajibkan untuk membersihkan keseluruhan pencemaran.

Perkara yang kedua yang saya suka menyentuh iaitu keberhasilan daripada industri pelancongan sejak dilancarkan Tahun Melawat Malaysia 1990 bukan sahaja menghasilkan faedah kepada negara

dari segi kewangan tetapi juga telah menjadikan contoh dan ikutan negara-negara luar tentang idea Malaysia yang bernas itu. Kita berbangga dengan pencapaian ini. Namun demikian, kesusahan lalu-lintas terutamanya di lembah Kelang yang masih berterusan, telah memberi ketidakelesaian kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita. Tambahan pula dengan cuaca yang panas dan perjalanan yang memakan masa yang panjang, walaupun untuk destinasi yang dekat.

Kerajaan telahpun meluluskan pelaksanaan bagi projek Light Rail Transit dengan Kuala Lumpur menyiapkan projek tersebut. Bolehlah dikatakan perancangan jangka panjang sedangkan keadaan yang ada sekarang begitu tidak memuaskan. Berbagai cadangan telahpun dikemukakan, namun tidak satupun menjamin penyelesaian. Oleh kerana kita akan terus menganjurkan Tahun Melawat Malaysia, maka wajarlah projek Light Rail Transit Kuala Lumpur itu dipercepatkan pembinaannya terutama bagi laluan yang menghadapi kesesakan yang buruk.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perkara caruman kepada KWSP yang disarankan oleh Menteri Kewangan untuk menaikkan peratus caruman oleh majikan dan pekerja amat dialu-alukan demi faedah rakyat dan negara. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengeluarkan satu lagi usul atau cadangan moga-moga KWSP dapat memperkembangkan skop perkhidmatannya.

Pada masa ini oleh kerana taraf kehidupan yang kian meningkat, kos jagaan kesihatan juga naik begitu tinggi sekali. Peningkatan kos jagaan kesihatan ini telah menambahkan beban rakyat jelata. Sekiranya penyakit yang tidak tenat, kos jagaan atau kos rawatannya adalah tidak

begitu membebankan. Masalah yang timbul ialah penyakit yang memerlukan kos pengendalian yang tinggi dan mahal. Sekiranya pihak pesakit mempunyai kedudukan kewangan yang lumayan, masalah tidak begitu berat. Ini ditambah pula Kerajaan memberi potongan cukai pendapatan kepada kos jagaan kesihatan terhadap ibu bapa yang tua pada nilai RM1,000. Ini adalah satu langkah bijak Kerajaan dalam menjayakan satu masyarakat penyayang.

Saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya pekerja-pekerja dapat mengeluarkan sebahagian daripada wang KWSP sekiranya berlaku apa-apa kemalangan ataupun penyakit-penyakit yang memerlukan kos jagaan perubatan yang tinggi seperti pembedahan dan pesakit tersebut tidak mampu membiayai kos tersebut. Dengan adanya bantuan kewangan daripada KWSP, saya yakin lebih ramai orang akan benar-benar menikmati taraf kesihatan yang lebih memuaskan tanpa mengalami kebimbangan bahawa kemiskinan membebankan kesihatan. Cara pengendalian pembiayaan terhadap kos jagaan perubatan ini boleh dilakukan seperti cara untuk membiayai rumah iaitu keluar sebahagian wang sebelum pencen atau keseluruhannya selepas pencen.

Saya memang berharap Kerajaan dapat meluaskan bidang hati penyayangannya dengan memikirkan usul ini dengan semasak-masaknya terutamanya untuk kebajikan rakyat jelata yang kurang berada dan tidak mempunyai kewangan yang lumayan.

Akhirnya, dengan ini sekali lagi saya menyokong sungguh Rang Undang-undang Belanjawan 1993. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Isli Haji Siput.

6.00 ptg.

**Tuan Isli bin Haji Siput:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalam-mualaikum-warahmatullahi-wabarakatuh. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan saya bangun bagi membahaskan Belanjawan 1993, iaitu satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Isli, angkat suara sedikit.

**Tuan Isli bin Haji Siput:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah menyampaikan ucapan Belanjawan 1993. Saya berpendapat ini adalah satu belanjawan yang canggih kerana ia banyak mendatangkan faedah kepada rakyat jelata dan belum pernah dalam sejarah belanjawan negara yang dibentangkan oleh mana-mana Menteri Kewangan dahulu, di mana terlalu banyak harga barangan diturunkan iaitu lebih kurang 600 harga barangan diturunkan yang sudah tentu memberi faedah kepada rakyat jelata.

Terlebih dahulu saya ingin menyentuh Maksud B.21 iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Di sini saya mencadangkan supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya sentiasa memastikan penurunan harga barang-barang itu dipatuhi oleh para pekedai. Walaupun Kementerian berkenaan telah memberi jaminan akan mengambil tindakan tegas kepada mana-mana pekedai agar mematuhi penurunan harga, tetapi jaminan sahaja tidak mencukupi tanpa tindakan yang berkesan terhadap mereka. Lebih-lebih lagi musim perayaan yang hampir tiba, iaitu perayaan hari Krismas, dan diikuti dengan Tahun

Baru China dan selepas itu Hari Raya Aidilfitri. Dalam suasana menghadapi musim perayaan ini, sudah tentu ada para pekedai yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang itu, dengan meletakkan harga jualan murah, tetapi sebenarnya lebih mahal daripada harga tawaran murah tersebut.

Justeru itu, Kementerian berkenaan perlu bertindak tegas. Tidak ada makna Kerajaan mengumumkan penurunan harga barang jika rakyat tidak mendapat manfaat daripada pengumuman Kerajaan tersebut. Bagi Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, perlulah membuat pemeriksaan mengejut dari masa kesemasa, tidak kira sama ada di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak, juga tidak terkecuali di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk mengenakan duti import rokok dan juga arak. Akan tetapi di dalam kedua-dua cukai maksiat ini, nampaknya Kerajaan lebih serius mahu mengurangkan orang ramai menghisap rokok daripada minum arak. Saya berkata demikian kerana ini dapat dilihat di kaca televisyen dan di panggung-panggung wayang di seluruh negara iklan rokok sudah diharamkan, tetapi sebaliknya iklan arak masih berleluasa di panggung-panggung wayang dan memberi gambaran seolah-olah bahawa rokok itu lebih merbahaya daripada arak. Sedangkan sebaliknya di sisi Islam Arak adalah di antara perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah S.W.T.

Lantaran itu saya mencadangkan supaya Kerajaan turut mengharamkan iklan arak di panggung-panggung wayang supaya masyarakat Malaysia tidak dikenali sebagai masyarakat peminum dan saya bimbang apabila para pelancong memasuki panggung-panggung wayang di negara ini kelak, mereka akan mendapat gambaran seolah-olah minum arak lebih digalakkan

daripada merokok. Inilah yang akan menjadi masalah di negara kita. Tetapi saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan akan mengambil langkah-langkah tegas ke arah iklan arak di panggung-panggung wayang.

Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) baru-baru ini, bahawa rakyat Malaysia yang minum arak di negara ini semakin ramai terutama sekali di Sabah. Walaupun Labuan kini sudah sebahagian daripada Wilayah Persekutuan, tetapi saya suka menyentuh sedikit, bahawa di Labuan rokok dan minuman arak adalah dikecualikan daripada cukai. Masalah ini adalah merupakan satu masalah yang ada di hadapan kita kerana ianya akan juga menimbulkan satu masalah sosial kepada anak-anak muda kita yang mana terdapat anak-anak muda yang masih di dalam bangku sekolah pada hari ini, telah juga minum dan merokok. Walaupun Kerajaan begitu serius mengambil berat tentang merokok dan arak, tetapi yang menjadi masalah di hadapan kita pada hari ini ialah memandangkan bahawa rokok dan arak begitu murah di Labuan jika dibandingkan di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong langkah-langkah Kerajaan untuk mengurangkan cukai pendapatan perseorangan daripada 1% di peringkat yang tinggi dan 2% di peringkat yang rendah sekali. Walaupun mungkin nampak sedikit, tetapi pencaruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan langkah tambahan untuk meningkatkan tabung dan menunjukkan tanda-tanda berkurangan tahun demi tahun. Belanjawan tahun lepas telah mengecualikan faedah daripada zon korporat, iaitu bon korporat - syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), daripada cukai sebagai langkah bagi menggalakkan pelaburan dalam bon korporat. Tahun ini

pengecualian daripada bon koperat yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang tidak disenaraikan di BSKL. Bank Negara juga dijangka menerbitkan bon Kerajaan yang bernilai RM1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, bon berbeza daripada saham kerana bon memberi pulangan yang tetap bagi faedah daripada simpanan tetap di institusi kewangan, tetapi saham tertakluk kepada turun naik pasaran saham pada sesuatu masa. Walaupun peluang daripada saham mungkin tinggi, tetapi sebagai alat pelaburan, bon menawarkan keselamatan daripada risiko kerana pemegang bon dianggap sebagai di berhutang kepada syarikat yang menerbitkannya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah dipasarkan dalam saham catatan rekod yang paling tinggi kecuali sewaktu pembentangan Belanjawan seperti yang tercatat pada 30hb Oktober tahun ini. Rekod yang paling tinggi pernah tercapai ialah pada 6hb Februari 1990 iaitu sejumlah 213 juta unit dengan nilai RM254 juta. Rekod itu telah dipecahkan pada 30hb Oktober lalu apabila sejumlah 237.7 juta unit saham dipegang dengan nilai RM608.4 juta. Pencapaian ini terus teguh pada hari-hari berikutnya walaupun pada kebiasaannya orang menganggap bahawa pasaran akan turun sedikit tetapi pada hari Isnin, selepas pembentangan Belanjawan indeks komposit BSKL mencapai paras tertinggi sekali iaitu 64,906 juta unit dan apabila pasaran ditutup pada hari tersebut, satu lagi rekod tercatat dengan jumlah dagangan 268 juta unit bernilai RM864 juta.

Begitulah di antara ringkasan awalan Belanjawan 1993 yang disebut oleh rakyat yang berbagai peringkat dengan rasa gembira. Tokoh-tokoh korporat menganggap Belanjawan 1993 sebagai yang terbaik pernah dibuat setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, keraguan orang ramai terhadap Yang Berhormat Menteri Kewangan sebaik sahaja beliau mengambilalih Kementerian tersebut pada 15hb Mac 1991, kini terhakis dengan pembentangan Belanjawan yang kedua, yang lebih hebat, canggih dan anggun.

Sebagai anggota Dewan Negara dari Labuan, saya mengucapkan syabas di atas kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam membentangkan Belanjawan yang paling baik setakat ini. Dalam pada itu, saya berharap pembangunan Labuan juga akan turut diperhebatkan seperti pembangunan di Langkawi. Lebih-lebih lagi, kedua-dua kawasan ini adalah diketuai oleh bekas Menteri Kewangan iaitu tidak lain dan tidak bukan, Tun Daim Zainuddin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membangunkan Labuan, saya ingin mencadangkan supaya peluang-peluang perniagaan juga turut dinikmati oleh para penduduk tempatan. Sekurang-kurangnya 70% dan ini bukan bermakna kita menentang kemasukan pelabur asing tetapi kalau boleh mereka datang ke Labuan dengan mengadakan joint-venture daripada membeli harta rakyat kita di Pulau Labuan dengan peniaga-peniaga tempatan. Bila ini berlaku, maka dengan sendirinya proses pembangunan Pulau Labuan akan turut dinikmati oleh rakyat itu sendiri dan saya bimbang rakyat tempatan jika peluang tidak diusahakan dengan seriusnya, dengan gigih dan juga dipertahankan oleh Kerajaan, bahawa rakyat di Labuan akan turut terjejas. Biarlah kita sama-sama menikmati peluang perniagaan supaya parti Pembangkang iaitu parti PBS yang ada juga bertapak di Pulau Labuan pada hari ini akan tidak mempunyai satu bahan untuk menebus kekalahan di dalam pilihanraya yang lalu.

Walaupun demikian, dalam keadaan yang begitu panas pada hari ini di Sabah, terdapat bahawa ramai pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang datang

ke Sabah dan saya yakin dan percaya bahawa kita akan dapat menebus kembali Kerajaan menjadi Kerajaan Barisan Nasional dalam menghadapi pilihanraya yang mungkin diadakan tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyentuh Maksud B.52 iaitu Kementerian Kerja Raya. Kementerian ini telah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang sangat memuaskan di segi infrastruktur di Pulau Labuan tetapi dalam makna yang sama bahawa Kementerian, saya rasa juga terlupa bahawa satu batang jalan raya yang tertua sekali di Labuan yang diberi nama Jalan Panchor Hitam. Jalan Panchor Hitam ini adalah merupakan satu jalan yang tertua dan juga jalan ini adalah jalan yang digunakan oleh orang-orang tempatan kerana jalan ini adalah berdekatan dengan persisir laut dan ramai di antara rakyat terutama sekali rakyat setempat telah berkunjung setiap minggu. Saya berharap agar Jalan Panchor Hitam ini supaya dipertingkatkan, diupgradakan dan diaspalkan dalam menghadapi tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud B.7 dan saya ingin mencadangkan supaya Kementerian berkenaan membina sebuah Sekolah Menengah Agama Islam di Labuan. Kenapa saya mencadangkan kepada Kementerian berkenaan? Oleh kerana memandangkan bahawa sebagaimana yang saya katakan tadi, iaitu terdapat di Labuan rokok dan arak yang begitu murah sekali. Ini tidak secara langsung bahawa kita tidak dapat mengawal anak-anak muda, generasi-generasi muda yang masih di dalam bangku sekolah. Maka oleh itu, perlulah mendapat didikan agama bagi pendidikan asas terlebih awal kerana ini perlu memandangkan bahawa ramai di antara pelancong-pelancong daripada negeri jiran iaitu negeri Sabah dan juga negeri Sarawak. Sekurang-kurangnya anak-anak tempatan dapat pendidikan agama yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh B.6 ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Tuan Isli bin Haji Siput:** Tidak berapa panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat saya boleh teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Isli bin Haji Siput:** Saya ingin juga menyentuh Maksud B.6 mengenai kemasukan pelajar-pelajar ke universiti tempatan iaitu seringkali mengambil dan membuat berdasarkan kuota dari Sabah sedangkan sekolah menengah berada di Labuan.

Sekolah menengah di Labuan juga bukan hanya untuk penduduk Labuan tetapi terdapat dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung dan Alhamdulillah, kalau sekiranya Kerajaan dapat mempertimbangkan supaya cadangan saya ini dapat difikirkan dengan sewajar-wajarnya agar kuota kemasukan anak-anak tempatan di Pulau Labuan untuk memasuki institusi pengajian tinggi dapat diberi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud B.22 di bidang pelancongan. Bidang pelancongan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan haruslah mengambil langkah-langkah segera untuk menarik lebih ramai pelancong ke Labuan memandangkan bahawa Labuan pada masa kini sudah diterapkan sebagai IOFC. Memandangkan bahawa pembangunan yang akan pesat di Pulau Labuan, tetapi perlu projek sampingan daripada pelancong dan juga Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan turut melibatkan diri ke arah pembangunan ekonomi di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menjadikan Labuan sebagai pusat dagangan antarabangsa, Kementerian Kerja Raya perlu mengambil serius dan

juga meningkatkan taraf jalan di Labuan dari masa ke semasa. Tidak ada makna bagi Labuan membangun jika sekiranya infrastruktur masih begitu teruk sekali contohnya iaitu Jalan Tun Mustapha di Labuan perlu dinaikkan taraf sejajar dengan pembangunan ekonomi Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap bahawa anak-anak Labuan diberikan peluang pekerjaan di Jabatan-jabatan Kerajaan serta institusi-institusi kewangan. Mereka harus diberi peluang bekerja kerana orang-orang yang datang dari Sabah, Sarawak dan juga di Semenanjung berada di Labuan agar proses integrasi nasional akan terus berkembang dengan baik.

Adalah didapati bahawa semangat anti-Semenanjung sudah hapus di Pulau Labuan, bukan seperti yang berada di Sabah. Alhamdulillah, dengan adanya UMNO di Pulau Labuan akan dapat menghakis segala pandangan-pandangan negatif terhadap saudara-saudara kita dari Semenanjung.

Bila saya bercakap tentang integrasi nasional, ia bukan hanya dicapai melalui lawatan dan juga mana-mana pihak dari Sabah, Sarawak dan dari Semenanjung.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Isli boleh ringkaskan sampai 2 minit lagi?

**Tuan Isli bin Haji Siput:** Okay, terima kasih. Sebaliknya integrasi nasional boleh juga dicapai melalui proses ekonomi di antara kedua-dua pihak. Ini bermakna perniagaan tempatan dan perniagaan daripada tanah besar kita di sini perlu diberi perhatian utama ke arah pembangunan ekonomi bersama. Saya yakin dan percaya bahawa joint-venture di kalangan mereka lebih memudahkan lagi proses integrasi nasional. Oleh itu, peluang-peluang perniagaan perlulah diberikan sebanyak mungkin kepada rakyat tempatan dalam bentuk joint-venture.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh Maksud B.20. Kalau di Johor, kawasan tiga segi emas, nusa tiga di antara Johor, Batam dan Singapura. Saya ingin mencadangkan di sini supaya Kerajaan, terutama sekali Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga Kementerian Kewangan supaya memperkenalkan tiga segi baru iaitu Labuan, Kalimantan dan Sabah dalam bentuk trading. Saya yakin dengan adanya kerjasama ekonomi ketiga-tiga kawasan ini, perkara yang amat penting ialah supaya kita tidak lagi bergantung kepada Singapura yang mana selama ini Singapura adalah antara sole distributor bagi barangan daripada Indonesia. Maka saya berharap cadangan ini hendaklah dipertimbangkan dengan sewajarnya kerana melalui Kalimantan, Sabah dan Labuan barangan kita terus dapat "reexport" ke Filipina dan juga ke Vietnam.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama ini memudahkan lagi barangan dari Indonesia masuk ke Labuan dengan adanya tiga segi, iaitu sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa Labuan, Kalimantan dan Sabah supaya memberikan peluang pekerjaan-pekerjaan dan juga meningkatkan sumber ekonomi rakyat dan traders kita di Labuan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah tamat agaknya, Tuan Isli?

**Tuan Isli bin Haji Siput:** Beri masa dua minit lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah habis 2 minit tadi. Lama sudah habis. (*Ketawa*)

**Tuan Isli bin Haji Siput:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ayat akhir.

**Tuan Isli bin Haji Siput:** Ayat akhir. Maka dengan ini (*Ketawa*) saya menyokong Belanjawan 1993. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sebenarnya ada 4 nama di sini, kemudian saya ingin memberi peluang kepada seorang sebelah petang ini. Tadi ada yang bangun, kemudian tak bangun lagi sekarang. Yang wanita di sana, kalau saya beri sekarang, saya beri Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam dahulu kemudian besok harap bersedia, saya tengok tadi Dato' Azumu, Tuan Haji Saidin, Tuan Dahalan, Puan Hajah Rahmah dan mungkin Puan Hajah Habsah. Jadi, harap bersedia. Sekarang saya beri kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam.

6.24 ptg.

**Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong berhenti sekejap, saya hendak beri pengumuman. Ada orang ragu sama ada kita ada sambung perbahasan esok. Kita buka lagi perbahasan pada hari esok untuk accommodate nama-nama yang kita sebut tadi. Teruskan.

**Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:** Belanjawan bagi tahun 1993 menunjukkan kematangan pemimpin-pemimpin Kerajaan Malaysia yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri,

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Timbalannya Yang Amat Berhormat Encik Ghafar Baba dan barisan Menteri-menteri Kabinetnya dalam mentadbirkan negara ini.

Di samping itu, kerana pencapaian gemilang dalam pentadbiran kewangan negara ini, maka Yang Berhormat Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim berhak menerima kredit yang lebih daripada lapangan ini. Laporan-laporan lanjut berkenaan dengan percaturan peruntukan kewangan negara bagi tahun 1993 ialah seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 21.12.1992. Ahli-ahli Dewan Negara sudah tentu merasa bangga di atas kewibawaan Yang Berhormat Menteri Kewangan menunjukkan negara Malaysia sebagai negara maju di rantau ini. Perkembangan ekonominya meningkat kepada kadar 8.5% dalam mana banyak negara-negara di Barat lainnya mengalami kelembapan ekonomi.

Dalam percaturan peruntukan, Kerajaan memberi perhatian khusus kepada pembasmian kemiskinan melalui Kementerian-kementerian tertentu seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Luar Bandar, Kementerian Kewangan dan lain-lain Kementerian dan Jabatan-jabatannya. Masing-masing memainkan peranan mengikut tempo dan strategi tertentu. Ini menunjukkan dengan jelas Kerajaan kita tetap dengan pendiriannya untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat. Sudah tentu dengan peranan ini semua rakyat berterima kasih kepada Kerajaan dan mudah-mudahan Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dr. Mahathir akan terus berjaya.

Parti-parti Pembangkang perlu insaf dan terus menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Negeri Kelantan di bawah PAS

dan APU dan negeri Kelantan di bawah PBS, sampai masanya untuk tunduk kepada Barisan Nasional dan terus menyokong supaya rakyat tidak teraniaya dengan ketiadaan kerja disebabkan ekonomi negeri-negeri tersebut sangatlah mundur. Saya sebagai anak watan negeri Kelantan sangat-sangat terharu dengan keadaan yang menimpa negeri itu. Sebelum ini dalam pemerintahan Barisan Nasional banyak projek-projek pembangunan dilaksanakan dan banyaklah pula peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat negeri itu terutamanya kepada pemborong-pemborong binaan. Sekarang ramai pemborong-pemborong dan usahawan-usahawan terpaksa berhijrah ke negeri-negeri lain yang lebih maju seperti Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Melaka dan negeri-negeri lain.

Lain-lain pengusaha tempatan juga mengalami kesusahan kerana perniagaan mereka itu tidak laris dan dengan demikian lambat laun akan terjerumus. Kami rakyat Kelantan yang sedar tidak akan rela perkara ini berterusan. Peristiwa tahun 1990 kekalahan Barisan Nasional di Kelantan ialah satu malapetaka yang luar biasa yang ditentukan oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala untuk menunjukkan kepada rakyat negeri itu terutamanya pemimpin-pemimpin kita, kita terpaksa menerima akibat ini dengan tabah hati dan penuh kesabaran. Mudah-mudahan dengan berkat kerjasama kumpulan-kumpulan kita, peristiwa ini tidak akan berulang lagi selepas kita mendapat kemenangan dalam pilihanraya akan datang.

Sekarang rakyat Kelantan sudah pun mula sedar di atas kepincangan yang telah menimpa negeri itu. Mudah-mudahan dengan berkat kerjasama kumpulan-kumpulan insaf, Barisan Nasional akan dapat menguasai semula negeri itu. Perkara ini tidak mustahil kerana tahun 1978, rakyat itu juga yang menjatuhkan Kerajaan PAS dan memberi kemenangan kepada Barisan Nasional. Kali ini giliran akan

sampai kepada Barisan Nasional pula menguasainya. Saya harap pemimpin-pemimpin Barisan Nasional terutama UMNO di Kelantan betul-betul bersatu di bawah pimpinan agung Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Ketua Perhubungan dan Yang Berhormat Dato' Annuar Musa sebagai Timbalannya.

Saya mohon maaf kerana membawa hal negeri Kelantan dengan panjang lebar. Hasratnya supaya semua Ahli-ahli Dewan Negara dalam Dewan yang mulia ini memberi apa-apa sumber pertolongan supaya negeri itu dapat dikembalikan kepada Barisan Nasional. Dengan demikian, segala peruntukan kewangan negara dapat disampaikan kepada negeri itu dengan sebaik-baiknya dan rakyat negeri Kelantan yang ramai menjadi pengikut kita tidak ketinggalan.

Selain dari strategi membasmi kemiskinan, banyak lagi rancangan-rancangan positif yang dirancangan oleh Kerajaan dan kalau segala rancangan-rancangan itu dapat dilaksanakan dengan jujur dan ikhlas, insya Allah negara kita akan lebih maju dan seterusnya Wawasan 2020 mudah tercapai. Saya tidak khuatir di atas kewibawaan dan keikhlasan pemimpin-pemimpin negara kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalannya dan barisan Menteri Kabinetnya yang ada sekarang. Kita perlu berdoa supaya mereka itu sihat wal-afiat dan tidak jemu-jemu memperjuangkan kemajuan untuk negara ini.

Selain daripada itu saya suka menarik perhatian kepada beberapa Kementerian untuk mendapat tindakan sewajarnya. Yang pertama, di bawah tajuk Maksud B.1, Parlimen, mendapat peruntukan RM20,433,800. Daripada peruntukan itu bangunan Parlimen perlu diperhebatkan untuk menjadi satu lambang istimewa kerana di sinilah tempat percambahan pemikiran yang membawa negara kita kepada mercu kejayaan dalam setiap lapangan.

Yang kedua, Maksud B.7. — Jabatan Perdana Menteri. Peruntukannya sebanyak RM481,171,100. Peruntukan itu sangatlah wajar kerana di Jabatan itu banyak program pembangunan negara dilaksanakan. Program mempertingkatkan kemampuan usahawan bumiputera dalam lapangan perniagaan dan perindustrian perlu dipertingkatkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam, saya rasa Yang Berhormat boleh sambungkan esok. Tetapi jangan lama sangatlah sambung besok ya?

**Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:** Saya ingat tak panjang, saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah hendak habis? Berapa lama agaknya?

**Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:** Dua tiga minit sahaja. Saya ingat saya boleh teruskan, insya Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebenarnya kalau kita lebih dari 6.30 petang, kita terpaksa buat satu usul; ini prosedur. Jadi, walaupun dua tiga minit, saya percaya bolehlah Tuan Haji Abdul Salam....

**Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:** Boleh teruskan ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak, sambung besok.

**Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:** Sambung besok?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sambung besok. (*Ketawa*) Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan sidang sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*